

Bil. 1

**Khamis
28 Januari 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KHAS**

K A N D U N G A N

PEMASYUHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Pemakluman Mesyuarat Khas Dewan Negara	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 1)
USUL MENTERI PERDAGANGAN ANTARABNGSA DAN INDUSTRI DI BAWAH P.M. 27(3): Penyertaan Malaysia Dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA)	(Halaman 2)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia AK Brodi
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan*
Kepenggunaan
11. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
12. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
13. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
14. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
15. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
16. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
17. “ Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
18. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan*
Masyarakat
19. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
20. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
21. “ Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
22. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
23. “ Y.M. Engku Naimah Binti Engku Taib (Terengganu)
24. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
25. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
26. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
28. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. “ Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. “ Tuan Koh Chin Han (Melaka)

35. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
41. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. “ Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. “ Dewan Rakyat. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
44. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak – *Senator*
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
46. “ Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
47. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
51. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
52. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
53. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
54. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
55. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
56. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
57. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
58. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
59. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
60. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
61. “ Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
62. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
63. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
64. “ Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
65. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
66. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhillah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KHAS
Khamis, 28 Januari 2016
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PEMAKLUMAN MESYUARAT KHAS DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan segala hormatnya saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima suatu usul daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertarikh 30 November 2015 memaklumkan supaya diadakan suatu Mesyuarat khas pada hari ini, Khamis, 28 Januari 2016, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 10(3).

Tujuan Mesyuarat ini diadakan adalah bagi membahaskan usul bagi Malaysia menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik ataupun dikatakan TPPA. Dalam kesempatan ini saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian agar memanfaatkan sepenuhnya persidangan ini untuk membahaskan usul tersebut yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan sebaik-baiknya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan kepada Ahli Yang Berhormat kerana persidangan Dewan Negara hanya satu hari sahaja untuk membahaskan usul ini dan masa terlalu suntuk dan saya mohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat.

Saya akan cuba memberi peluang seramai mungkin tetapi saya bagi prioriti kepada mereka yang saya fikir perlu dan juga kalau boleh tumpukan kepada topik yang kita bahaskan iaitu TPPA. Jangan meleret-leret atau pun mengikut masa yang ditentukan. Saya terpaksa mengawal masa kerana keadaan tidak mengizinkan kita bercakap panjang dan kita akan cuba bagi peluang seramai mungkin wakil-wakil yang tertentu.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.06 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai Usul Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* di bawah Perkara 1 pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

**USUL MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA
DAN INDUSTRI DI BAWAH P.M. 26(3)**

**PENYERTAAN MALAYSIA DALAM
PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK (TPPA)**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dipersilakan.

10.07 pg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh takzim berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul;

“Bahawa Dewan ini,

menerima akan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa, pelaburan asing, teknologi dan pelancongan;

mempersetujui penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan memperkukuhkan daya saing Malaysia di peringkat serantau dan global;

menyokong keputusan kerajaan bagi Malaysia untuk menjadi sebahagian anggota negara TPPA dengan menandatangani dan meratifikasi TPPA; dan

Bahawa dalam memutuskan penyertaan Malaysia dalam TPPA, Dewan ini menyeru agar semua pihak bersama-sama berusaha menjayakan matlamatnya.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan kandungan Perjanjian Perkongsian TPPA diluluskan di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua,

*Mencari rotan di dalam hutan,
Terkena duri sakit sengsara,
Usul TPPA saya cadangkan,
Mengharap sokongan di Dewan Negara.*

Malaysia telah menyertai rundingan TPPA mulai Oktober 2010. Keputusan untuk menyertai rundingan ini dibuat oleh Kerajaan Malaysia kerana kita tidak mahu ketinggalan untuk turut serta menyertai satu rundingan perdagangan yang komprehensif dan dijangka akan menjadi tanda aras atau *benchmark*, dengan izin bagi perjanjian-perjanjian perdagangan dunia pada masa akan datang.

Selain dari Malaysia, rundingan ini disertai oleh 11 buah negara lain iaitu Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Chile, Jepun, Kanada, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam.

■1010

Setelah lebih lima tahun merundingkan satu perjanjian perdagangan yang begitu rumit dan kompleks, Menteri-menteri TPP yang bermesyuarat di Atlanta, Georgia telah berjaya memuktamadkan teks TPPA ini pada 5 Oktober 2015 tahun lalu. Lanjutan itu daripada 5 November lalu, teks penuh TPP yang mengandungi 30 bab lebih 6 ribu muka surat termasuk jadual dan *annexes*, dengan izin, telah dihebahkan kepada umum termasuk di laman sesawang MITI. MITI juga telah memuat naik *frequently asked questions*, ataupun FAQ, dengan izin, di laman sesawang MITI bagi memudahkan orang ramai untuk memahaminya. Pada 3 Disember lalu, hasil kajian kos faedah oleh ISIS dan PwC atau Pricewaterhouse, mengenai impak TPP juga telah dimuat naik di laman sesawang MITI.

Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah diberi dokumen berikut pada bulan Disember lalu. Pertama, 16 jilid merangkumi teks dan lampiran TPP. Kedua ialah hasil kajian kos faedah oleh ISIS dan Pricewaterhouse. Selain itu pihak MITI juga telah menyediakan ringkasan TPPA dalam bahasa Malaysia. Ini telah diedarkan kepada semua Ahli Dewan pada bulan Januari bulan ini. Ringkasan tersebut diedarkan sekali lagi pada pagi ini. Selain itu pihak MITI juga telah menerbitkan satu buku sepanjang 82 muka surat untuk memudahkan orang ramai memahami apa itu TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari tentang pentingnya kandungan TPP difahami oleh rakyat, saya selaku Menteri yang diamanahkan untuk mengetuai rundingan TPPA bagi pihak Malaysia telah mengadakan banyak sesi penerangan konsultasi bersama pelbagai organisasi, pihak berkepentingan, pemimpin masyarakat dan rakyat di akar umbi di seluruh negara. Secara spesifik, saya telah mengadakan 56 sesi penerangan pada tahun 2013 termasuk *TPP Open Day* yang diadakan pada 1 Ogos 2013, 40 sesi pada 2014, 76 sesi pada 2015 dan 36 ataupun 30 sepanjang tahun 2016. Sejak tahun 2013, lebih 300 sesi penerangan telah diadakan oleh saya sendiri di samping mendapat maklum balas daripada semua peringkat masyarakat.

Ahli-ahli Dewan Negara juga telah menyertai sidang plenari dan bengkel yang kita jemput semua Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara termasuklah Kerajaan Pembangkang. Plenari dan bengkel di MITI pada hari Selasa, 13 Januari lalu dari pukul 10.30 pagi hingga 5 petang. Ahli Dewan Negara juga telah diberikan beberapa taklimat mengenai TPP dan saya sendiri telah menjawab soalan mengenainya di Dewan yang mulia ini.

Selain daripada itu, MITI juga telah menubuhkan satu pasukan bernama *Cleared Advisors*, dengan izin, yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing daripada sektor swasta, kumpulan profesional, ahli akademik dan badan bukan kerajaan. Pakar-pakar ini telah mendapat penerangan terperinci mengenai kandungan teks TPPA dan mesyuarat pertama telah diadakan dengan mereka pada 4 Disember 2014.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, kerajaan tidak perlu bentang dan bahaskan hasil rundingan TPP atau mana-mana triti antarabangsa di Parlimen sebelum membuat keputusan untuk tandatangan perjanjian perdagangan ini ataupun tidak. Namun memandangkan TPPA suatu perjanjian yang komprehensif dan menarik banyak perhatian dan banyak kontroversi, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Sidang Kemuncak APEC di Bali pada bulan Oktober 2013 lagi telah membuat keputusan supaya TPPA dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk dibahaskan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jika diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, perjanjian ini dijangka ditandatangani pada 4 Februari iaitu tidak beberapa hari lagi di Auckland, New Zealand bermula daripada tarikh perjanjian TPP ditandatangani, semua ahli TPP mempunyai tempoh 24 bulan ataupun dua tahun untuk melengkapkan proses domestiknya dan meratifikasi perjanjian TPP.

Bagi tujuan proses ratifikasi, Malaysia perlu meminda beberapa undang-undang dan peraturan sedia ada untuk memenuhi obligasi di bawah TPP.

Sebanyak 26 pindaan terhadap beberapa undang-undang sedia ada perlu dilakukan dan merangkumi perkara-perkara berikut iaitu berkaitan dengan barangan- empat pindaan; berkaitan dengan bab tempasal- dua pindaan; bab harta intelek- sembilan pindaan; bab buruh- sepuluh pindaan; dan bab ketelusan yang berkaitan dengan anti rasuah- satu pindaan, yang melibatkan bidang penguatkuasaan. Berdasarkan proses ratifikasi di peringkat domestik yang perlu dilakukan oleh Malaysia dan negara-negara TPP yang lain, dijangkakan bahawa tarikh penguatkuasaan TPPA mungkin berlaku pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tekankan di sini bahawa pindaan ke atas 17 rang undang-undang Malaysia yang melibatkan 26 perkara itu adalah untuk memastikan perkara yang telah dipersetujui bersama dalam rundingan dilaksanakan dengan jayanya. Pindaan yang dibuat ini tidak sama sekali boleh ditafsir sebagai menjejaskan kedaulatan negara dan tuduhan kerajaan terpaksa mengikut telunjuk pihak tertentu akibat penyertaan Malaysia dalam TPPA adalah tidak berasas.

Adalah menjadi satu yang lumrah untuk kerajaan merangka atau meminda undang-undang bagi disesuaikan dengan keadaan semasa. Menjadi tanggungjawab kerajaan dalam memastikan undang-undang sedia ada dikaji dari semasa ke semasa agar kepentingan negara dan rakyat terpelihara dengan mengambil kira perkembangan terkini yang berlaku di sekeliling kita dan di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah penduduk cuma 31 juta orang, Malaysia adalah sebuah negara yang amat bergantung pada perdagangan antarabangsa. Kebergantungan ini diterjemahkan melalui nisbah jumlah dagangan berbanding KDNK sebanyak kira-kira 150 peratus pada tahun 2014. Pada tahun 2014, Malaysia merupakan negara pengekspor ke-23 di dunia dan negara pengimport yang ke-26 terbesar. Nilai dagangan tahun lalu dijangka melebihi RM1.4 trilion.

Kebergantungan yang tinggi terhadap perdagangan ini telah menyebabkan Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam merangka dan menentukan hala tuju sistem perdagangan global khususnya melalui penglibatan awal dalam mereka peraturan-peraturan di bawah Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa ataupun WTO iaitu *World Trade Organization*, Malaysia salah sebuah negara pengasas penubuhan WTO pada tahun 1995.

Di peringkat serantau melalui sidang kemuncak ASEAN 2015, Malaysia selaku pengerusi telah memberi fokus ke atas langkah-langkah untuk mengurangkan halangan bukan tarif agar aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau dapat dipergiat. Rantau ASEAN adalah amat penting untuk kita mengembangkan perdagangan dan perniagaan. Sebagai salah satu usaha utama untuk mendapatkan pasaran baru serta memperkukuh kedudukan syarikat-syarikat tempatan sedia ada, kerajaan telah tandatangan 13 perjanjian bebas ataupun *free trade agreement* setakat ini. Yang terakhir ialah dengan Turki yang dilaksanakan pada 1 Ogos 2015 yang mana perjanjian ini telah melonjakkan perdagangan kita sebanyak 70 peratus dalam tempoh tiga kepada empat bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua FTA yang telah dimeterai ini telah memberi faedah pada Malaysia melalui akses kepada pasaran yang lebih besar di mana barang buatan Malaysia menjadi lebih kompetitif di pasaran serantau dan global. Pada masa yang sama, FTA juga menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan ini juga telah membawa kepada kerjasama teknikal yang lebih erat dengan beberapa orang rakan FTA kita.

Tuan Yang di-Pertua, 12 buah negara TPPA akan membentuk pasaran lebih 800 juta orang penduduk dengan KDNK-nya USD28 trilion. Secara keseluruhan TPPA merangkumi 30 bab yang meliputi bidang perdagangan tradisional dan bidang baru. Ia bukan sekadar perjanjian perdagangan tetapi satu agenda transformasi ke arah tadbir urus yang telus dan cekap selaras dengan usaha untuk meningkatkan daya saing negara.

Berbanding dengan perjanjian bebas terdahulu yang kita tandatangani, TPPA mempunyai beberapa elemen baru seperti bab alam sekitar, perolehan kerajaan, buruh, persaingan, syarikat milik kerajaan ataupun *state-owned enterprises*, perlindungan harta intelek serta pelaburan yang lebih komprehensif. Ingin saya terangkan di sini bahawa setiap FTA yang ditandatangani oleh Malaysia adalah berdasarkan disiplin perjanjian berkaitan perdagangan yang diperuntukkan di bawah WTO di mana Malaysia merupakan negara anggota sejak 1957 lagi di bawah GATT iaitu sebelum WTO ditubuhkan.

Sepanjang proses rundingan TPPA ini, pasukan perunding Malaysia diketuai oleh MITI disertai oleh pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Mereka termasuklah rakan-rakan kita dari Pejabat Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Bank Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna, Kementerian Pertanian dan Perladangan, Sumber Asli, Sumber Manusia, Jabatan Kastam, Jabatan Standard, *SME Corp.*, Suruhanjaya Sekuriti, Khazanah dan Petroleum. Ini adalah antara jabatan-jabatan yang terlibat bersama-sama dengan saya dalam merundingkan TPPA. Pasukan kita yang diberi tanggungjawab untuk mempertahankan kepentingan negara, ini duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan perunding-perunding dari negara-negara TPP yang lain termasuklah yang mewakili negara-negara gergasi seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

■1020

Berbekalkan mandat yang diberi Kabinet, pasukan ini tidak takut atau gentar untuk mempertahankan pendirian Malaysia khususnya dalam menjaga kedaulatan negara serta mempertahankan dasar-dasar yang menjadi paksi bagi memelihara kesejahteraan rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai latar belakang, agama dan budaya.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian ini mengandungi 30 bab yang saya hendak klasifikasi dalam tiga kumpulan.

Pertama, bab berkaitan akses pasaran dan untuk memudahkan perdagangan. Ini adalah berkaitan dengan layanan sama rata dan akses pasaran mengenai tekstil; Bab 4 – Kastam; Bab 5 - Remedi Perdagangan; Bab 6 - *Sanitary* dan *Phytosanitary*; Bab 7 - Halangan Teknikal; Bab 8 – Pelaburan; Bab 9 – Perkhidmatan; Bab 10 - Peranan Kerajaan; Bab 15 – Telekomunikasi; Bab 13 - Perdagangan Elektronik (*Electronic Commerce*); Bab 14 - Dasar Persaingan; dan Bab 16. Itu antara bab-babnya.

Kedua, bab-bab khusus untuk pembangunan dan mempromosi industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pertama kali dalam sejarah ini dimasukkan dalam sebuah perjanjian perdagangan.

Pertama, Bab 21 - Kerjasama Dengan Bina Upaya; Bab 22 - Persaingan Fasilitas Perniagaan; Bab 23 – Pembangunan; Bab 24 - Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Dan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, bab-bab umum berkaitan dengan definisi prosedur dan ketelusan. Umpamanya Bab 1 seperti biasa mengenai peruntukan awam, definisi; Bab 25 memastikan peraturan, ada kesepaduan; Bab 26 bab mengenai ketelusan dan pencegahan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang beberapa isu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak di dalam Dewan dan juga di luar Dewan ini. Isu-isu tersebut antara lain ialah seperti berikut:

- (i) dakwaan bahawa TPP akan menyebabkan Malaysia dijajah oleh Amerika Syarikat;
- (ii) dakwaan bahawa TPP akan menyebabkan Malaysia meminggirkan ASEAN dan China; dan
- (iii) TPPA akan mengubah modal pembangunan Malaysia.

Saya ingin menegaskan Tuan Yang di-Pertua bahawa, ekonomi Malaysia ekonomi berasaskan ekonomi campuran ataupun dengan izin, *mix economy*. Kita tidak mengamalkan *Laissez Faire capitalism*. Kerajaan Barisan Nasional tidak memberi perhatian kepada korporat besar sahaja. PKS juga penting. Rakyat miskin tetap dibela selaras dengan ekonomi berasaskan rakyat ataupun *people economy* yang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita sedar bahawa ramai yang memerlukan pertolongan.

Oleh yang demikian kerajaan campur tangan dalam ekonomi dengan menubuhkan badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat milik kerajaan. Agenda bumiputera masih lagi relevan di Malaysia. Malaysia bertekad untuk merapatkan jurang ekonomi antara kawasan-kawasan dan negeri-negeri di Malaysia. Kita bukan mengamalkan sistem ekonomi barat 100 peratus. Kita bukan mengamalkan sistem ekonomi Amerika Syarikat 100 peratus. Adalah tidak benar bahawa kita akan membuka ruang sepenuhnya kepada negara-negara TPP sehingga mengkompromikan model ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa TPP akan membawa banjir syarikat Amerika dan syarikat-syarikat dari negara TPP yang lain ke Malaysia juga tidak berasas. Seperti yang sedia maklum, syarikat-syarikat dari negara TPPA iaitu Jepun, Singapura, Amerika Syarikat sudah pun berada di Pulau Pinang, berada di Selangor, berada di Kelantan, berada di Johor malah Sabah dan Sarawak. Mereka sudah pun ada di Malaysia dan sebenarnya negara-negara TPPA iaitu Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat merupakan penyumbang utama kepada pelaburan asing di negara kita.

Mengenai dakwaan bahawa Malaysia akan meminggirkan China, saya ingin tegaskan di sini bahawa sekarang ini lebih 15 peratus - dagangan Malaysia adalah dengan China. China merupakan rakan dagang terbesar Malaysia. Dengan saiz dan kedudukan negara China, lebih-lebih lagi dengan hubungan diplomatik yang rapat antara Malaysia dengan China, hubungan dagangan ini dijangka akan terus kukuh. Malaysia juga memberi keutamaan tertinggi kepada ASEAN, Tuan Yang di-Pertua.

Pengisytiharan ASEAN sebagai sebuah komuniti yang telah dibuat oleh Perdana Menteri kita pada 22 November tahun lalu membuktikan bahawa kita memberikan perhatian yang kukuh kepada ASEAN. Bermula 1 Januari tahun ini iaitu 1 Januari 2016, kita sudah pun menjadi sebuah komuniti iaitu *ASEAN Community*. Maka dakwaan bahawa TPP akan meminggirkan ASEAN atau meminggirkan negara China adalah tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mendengar kebimbangan yang dilontarkan oleh rakyat dan sedar masih ada rakyat yang masih bimbang dengan TPPA. Izinkan saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk memberi penjelasan tentang beberapa kebimbangan yang dibangkitkan dalam Dewan dan juga di luar Dewan.

Pertama, berkaitan dengan bumiputera. Dasar ini akan diteruskan oleh kerajaan seperti diterangkan semalam oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Unit Perancang Ekonomi di Dewan Rakyat semalam iaitu Bab Perolehan Kerajaan, Bab Syarikat Milik Kerajaan, Bab Pelaburan dan Bab Perkhidmatan telah kita berikan fleksibiliti.

Pertama, tempoh dan *threshold*, dengan izin, lebih tinggi, paling tinggi di kalangan negara-negara TPPA untuk melaksanakan obligasi Malaysia terutama di bawah Bab Perolehan dan SOE. Pengecualian ini termasuklah memperuntukkan 30 peratus untuk kontraktor bumiputera dalam sektor pembinaan dan *threshold* permulaannya ialah SDR63 juta ataupun RM315 juta. Bermakna tidak ada syarikat-syarikat daripada negara-negara TPP akan dapat menyertai kontrak pembinaan di Malaysia di bawah jumlah tersebut.

Kedua, memberi keutamaan kepada bumiputera termasuk PKS termasuk juga entiti dari Sabah dan Sarawak sehingga 40 peratus peruntukkan pembelian tahunan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Di samping itu pembekal dan pengeluar bumiputera akan terus menikmati keutamaan harga bagi barangan dan perkhidmatan dalam perolehan kerajaan. Bermakna dasar-dasar perolehan yang ada pada masa ini akan diteruskan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, projek-projek *Public Private Partnership*, dengan izin, dan untuk luar bandar serta dikecualikan dan beberapa entiti dikecualikan seperti kabel USB, KWAP, LTAT, MARA, TERAJU, EKUINAS, PNB dan Tabung Haji. Ini antara beberapa entiti yang dikecualikan daripada obligasi bab syarikat milik kerajaan ataupun SOE.

Kedua, ada juga kebimbangan bahawa TPP akan menghakis kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa bidang kuasa kerajaan negeri tidak terjejas. Pertama, urusan berkaitan pindah milik tanah termasuk untuk meluluskan dan menetapkan syarat-syarat bagi transaksi dan soal berkaitan pemilikan tanah di bawah bab pelaburan dan bab perkhidmatan.

Kedua, perolehan kerajaan di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan tidak termasuk di bawah obligasi perolehan. Ketiga, badan berkanun kerajaan negeri juga dan anak syarikatnya tidak termasuk di bawah bab *state-owned enterprise*. Saya mengambil kira pandangan-pandangan yang telah diutarakan dan MITI berhasrat untuk mengadakan perbincangan-perbincangan lebih lanjut dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan bahawa kita dapat memberi kefahaman yang sejelas mungkin kepada kerajaan negeri tentang TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga berkaitan kenaikan harga ubat. Ini juga isu yang amat panas kerana ramai yang mendakwa bahawa harga ubat akan naik jika TPPA ditandatangani kerana perlindungan *pattern* tambahan katanya akan menghalang kemasukan ubat *generic* di Malaysia. Pada masa ini undang-undang Malaysia memperuntukkan perlindungan *pattern* selama 20 tahun dan peruntukan ini dikekalkan di bawah TPP konsisten di bawah terma WTO.

Dalam TPP, tempoh perlindungan *pattern* hanya akan dilanjutkan sekiranya berlaku kelewatan tanpa sebab-sebab yang munasabah. Amalan sedia ada di Malaysia bagi kelulusan pemasaran adalah efisien dan mengambil masa lebih kurang 245 hari. Memandangkan ini berlaku di Malaysia, maka Malaysia tidak akan memberi perlindungan *pattern* tambahan dalam TPP.

Seterusnya berkaitan dengan data *exclusivity* ataupun perlindungan data, pada masa ini syarikat *pharmaceutical* boleh mendaftarkan data ujian ubat-ubatan untuk mendapatkan perlindungan selama lima tahun menerusi proses perlindungan data *pharmaceutical* yang telah berkuat kuasa sejak tahun 2011 lagi di negara kita. Melalui TPPA kerajaan bersetuju untuk memberi tempoh perlindungan data yang sama bagi produk ubatan *biologic* ataupun bukan kimia.

Selain dari Malaysia, negara-negara seperti New Zealand dan Australia telah mengeluarkan kenyataan bahawa TPPA tidak akan menyebabkan kenaikan harga ubat kerana seperti Malaysia, negara-negara tersebut mengekalkan dasar *pattern* mereka yang sedia ada. Kita juga harus sedar bahawa dalam penentuan harga ubat ini, banyak faktor yang diambil kira ataupun memberi kesan kepada harga ubat termasuklah kos penyelidikan, tempoh masa pengujian, kos pengangkutan, kadar pertukaran wang. Maka pendirian kerajaan ialah TPPA tidak seharusnya memberi kesan kepada harga ubat.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, banyak kebimbangan berkaitan dengan *Investor State Dispute Settlement* (ISDS). ISDS ini satu mekanisme penyelesaian pertikaian antara pelabur dengan kerajaan. Bukan suatu yang baru bagi Malaysia. Sehingga kini negara telah menandatangani 74 perjanjian pelaburan dua hala dan lapan FTA yang mengandungi mekanisme ISDS. Perlu ditegaskan di sini bahawa ISDS tidak menyekat had kerajaan untuk mengawal selia perkara-perkara berkaitan kesihatan awam, keselamatan dan alam sekitar. ISDS juga bertujuan melindungi pelabur-pelabur kita di negara-negara yang mempunyai perjanjian pelaburan dengan Malaysia.

■1030

Memandangkan ada kekusaran dan kelemahan dalam ISDS yang sedia ada, beberapa penambahbaikan proses ISDS telah dirundingkan dan disetujui di bawah TPPA. Penambahbaikan ini termasuk mewajibkan proses konsultasi dan rundingan sebelum dibincangkan di tribunal antarabangsa dan definisi peruntukan dalam TPPA ditentukan bukan oleh peguam, bukan oleh pihak penimbang tara, tetapi oleh negara-negara TPPA melalui Suruhanjaya TPPA dan tribunal wajib mengikut interpretasi yang dibuat oleh Suruhanjaya TPPA. Di samping itu juga semua tuntutan, dengan izin, yang *frivolous* tidak akan dibenarkan dan ada tempoh masa tiga tahun enam bulan bagi pelabur membawa kes terhadap kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa ISDS dan TPPA akan mengakibatkan Malaysia dijajah semula dan menjadi bankrap kerana terpaksa tunduk kepada syarikat-syarikat asing. Malah ISDS juga adalah sangat penting untuk menjaga kepentingan syarikat-syarikat kita yang melabur di luar negara. Pada bulan September tahun lalu, pelaburan Malaysia di luar negara berjumlah RM601.6 bilion. Itu jumlah pelaburan kita di luar negara, RM600 bilion lebih dan pelaburan asing negara kita ialah RM500 bilion.

Adakah kehadiran syarikat-syarikat Malaysia di luar negara boleh dianggap sebagai cubaan untuk menjajah negara tersebut? Sudah pasti tidak. Kita ada Khazanah, Petronas, Tabung Haji, LTAT, UE, SP Setia. Ini antara syarikat-syarikat yang syarikat Malaysia yang berada di luar negara. Pelaburan kita di luar negara lebih daripada pelaburan asing dalam negara kita, maka pelabur-pelabur kita di luar negara juga perlu mendapat perlindungan dan perlindungan ini diberikan oleh mekanisme ISDS.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kebimbangan kebanjiran pekerja asing. Terdapat kebimbangan bahawa TPPA akan mengakibatkan kebanjiran pekerja asing.

Saya jelaskan di sini bahawa obligasi di bawah Bab Buruh bertujuan untuk meningkatkan standard perhubungan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi seperti memberi kebebasan, menubuhkan kesatuan sekerja, hak yang lebih kepada buruh asing, rundingan secara kolektif, penghapusan buruh paksa, buruh bawah umur dan diskriminasi di tempat kerja. Penetapan gaji minimum ataupun *minimum wages*, waktu bekerja serta aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Itu sahaja liputan di bawah *chapter* ataupun Bab Buruh. Itu untuk meningkatkan standard buruh dalam negara kita. TPPA tidak mengubah dasar mengenai kemasukan pekerja asing. Pekerja asing mahupun pekerja mahir masih tertakluk kepada syarat-syarat domestik sekiranya mereka ingin bekerja di Malaysia. TPPA tidak mengubah dasar buruh kita.

Keenam Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang bimbang. Malah ramai pihak yang bimbang bahawa PKS tidak dapat bersaing dan banyak mungkin akan "*gulung tikar*". Sebagai sebuah *trading nation*, dengan izin, pasaran Malaysia sudah sedia terbuka dan syarikat-syarikat tempatan termasuk PKS pada masa ini telah sedia bersaing di peringkat domestik dan global. Misalnya melalui FTA serantau di peringkat ASEAN, lebih 99 peratus barangan yang diimport dari ASEAN ke Malaysia tidak lagi dikenakan duti import. Bermakna barang-barangan daripada negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Filipina semuanya hampir 100 peratus sudah pun masuk ke negara kita tanpa dikenakan duti import dan ini memberi faedah kepada pengguna dan juga pengeluar.

Negara-negara TPP sedar akan keperluan untuk memastikan PKS mendapat manfaat melalui perjanjian perdagangan yang komprehensif. Maka Bab 24, bab khusus disediakan untuk membolehkan PKS mengambil peluang daripada TPPA dan Malaysia memainkan peranan penting, peranan besar dalam memastikan bab ini benar-benar dapat membantu PKS. Di samping itu, kerajaan juga sedia ada beberapa program bina upaya untuk membantu PKS.

Sukacita dimaklumkan bahawa selepas telah TPPA ditandatangani, saya telah membuat janji semalam bahawa kita akan mengadakan perjumpaan khas dengan kesemua persatuan PKS untuk memastikan PKS kita dapat mengambil peluang daripada TPPA. Kerajaan sedar banyak lagi program yang perlu kita lakukan agar PKS termasuklah PKS bumiputera dapat sertai rantaian global dengan mengambil kesempatan melalui FTA seperti TPPA ini.

Pada masa ini, kira-kira 18 peratus sebenarnya daripada PKS sudah pun terlibat dalam bidang eksport. Saya hendak tunjuk beberapa contoh di sini... [*Menunjukkan produk berkaitan*] Ini umpamanya ini Tongkat Ali. Tongkat Ali daripada syarikat bernama Biotropics. Sekarang cukainya ialah 2.65 peratus ke Amerika. Selepas TPPA, tidak ada cukai lagi. Ini sebuah syarikat ini mengeluarkan Tongkat Ali. Sekarang ini 2 peratus hingga 6.5 peratus itu dutinya. Selepas ini jadi 0. Jadi syarikat ini akan dapat mengeksport lebih banyak lagi Tongkat Ali. Ini Adabi... [*Menunjukkan produk berkaitan*] Sudah pun mengeksport barangannya ke Australia dan ke beberapa kawasan, syarikat bumiputera. Ini umpamanya *Old Town White Coffee* dari Ipoh... [*Menunjukkan produk berkaitan*] Sudah ada lebih 300 *outlet* di seluruh dunia termasuklah di Australia dan Singapura. Australia, Singapur ialah negara-negara TPP.

Jadi kita bersyukur kerana sudah ada beberapa buah syarikat PKS yang mengeluarkan barang-barangan untuk eksport dan kerajaan bertekad untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat PKS ini akan dapat menembusi pasaran TPP apabila terlaksananya TPPA pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, TPPA penting untuk meletakkan Malaysia di landasan yang betul dalam arus perdagangan global. Sebagai sebuah *trading nation*, dengan izin, TPPA menawarkan empat orang rakan FTA baru secara serentak iaitu Amerika Syarikat yang kita pernah rundingkan bilateral FTA dan gagal kira-kira lapan ke-sembilan tahun yang dahulu. Kita belum lagi ada FTA dengan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat menyumbang 20 peratus kepada pengeluaran dunia, merupakan *the biggest market in the world*, dengan izin. Kita belum ada FTA dengan Kanada, Mexico dan Peru. Maka ini antara sebab kenapa kita tertarik untuk menyertai TPPA, memberi ruang syarikat-syarikat kita untuk menambah, meluaskan pasaran mereka di empat buah negara yang belum kita ada FTA.

Akses pasaran ditawarkan pada Malaysia dan TPPA oleh rakan TPPA baharu ini adalah cukup baik.

Lebih daripada 90 peratus duti import ke atas barangan eksport Malaysia akan dihapuskan serta-merta di keempat-empat negara tersebut. Antara eksport utama yang dijangka mendapat pasaran yang lebih luas termasuklah produk *electrical* dan elektronik yang mana Pulau Pinang umpamanya menjadi jaguh dalam perkara ini.

Tekstil, produk kimia, alat ganti dan komponen automotif, satu bidang yang kita harap berkembang pesat khususnya untuk menembusi pasaran Mexico. Minyak dan kelapa sawit di pasaran Kanada khususnya, produk getah di Amerika Syarikat, kayu-kayan dan makanan. Ini antara perkara-perkara atau barang-barang yang kita jangka dapat meluaskan pasaran di negara-negara TPPA.

Daripada segi pelaburan pula, penyertaan Malaysia di dalam TPPA dijangka akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan hab pembuatan yang lebih menarik di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin berkongsi sedikit-sebanyak hasil kajian kos faedah yang telah dijalankan oleh pihak Pricewaterhouse (PwC) dan ISIS. Umpamanya, Pricewaterhouse berpendapat bahawa akan berlaku peningkatan dalam KDNK kita sebanyak antara USD107 bilion hingga USD211 bilion bergantung pada beberapa andaian sehingga tahun 2027. Bergantung pada beberapa andaian, PwC juga membuat anggaran bahawa pelaburan tambahan antara USD136 bilion sehingga USD239 bilion, mungkin berlaku dalam tempoh 10 tahun. Selain itu juga, gaji mungkin dapat naik sedikit dan TPPA juga dijangka mewujudkan kira-kira satu juta peluang pekerjaan.

ISIS pula berpendapat bahawa penyertaan dalam TPPA adalah selaras dengan kepentingan negara. Saya mengakui bahawa kajian PwC dan ISIS juga bercakap tentang kos, bercakap tentang cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi. Umpamanya, Pricewaterhouse menyatakan bahawa mungkin dengan TPPA ini, kita punya surplus dalam *trade account* umpamanya dengan izin mungkin berkurangan daripada 5.2 peratus kepada 4.3 peratus berbanding dengan KDNK.

Ini anggaran mereka, masih lagi surplus tetapi mungkin berkurangan. ISIS juga bercakap tentang beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh sektor-sektor seperti sektor minyak dan gas. Kerajaan sedar bahawa TPPA juga mempunyai kos ataupun cabaran. Akan tetapi setelah meneliti faedah dan kos, kerajaan yakin bahawa faedah yang kita jangka diperoleh daripada penyertaan kita adalah melebihi kos.

Saya telah bercakap sebentar tadi mengenai beberapa faedah yang dijangka diperoleh oleh Malaysia dengan menyertai TPPA. Antara cabarannya ialah syarikat-syarikat Malaysia perlu meningkatkan daya saing bagi menyertai pasaran global termasuklah syarikat PKS kita. Kerajaan juga perlu mengubah dasar buruhnya yang memberi hak yang lebih kepada pekerja dan ini mungkin memberi sedikit tekanan kepada majikan. Selain itu kerajaan perlu bertindak tegas dalam menguatkuasakan standard perburuhan yang lebih tinggi dan standard alam sekitar yang lebih tinggi.

■1040

Kerajaan kita juga perlu meningkatkan amalan-amalan terbaiknya ataupun, dengan izin, *best practices* bagi menentukan segala langkah yang diambil adalah sentiasa selaras dengan obligasi TPPA bagi mengelakkan sebarang pertikaian yang boleh menyebabkan Malaysia dihadapkan ke mekanisme penyelesaian pertikaian. Rakyat juga perlu meningkatkan aspek ketelusan dan tadbir urus dan ini mungkin tidak akan disenangi oleh beberapa pihak. Apa pun kerajaan berpendapat bahawa faedah melebihi kos dan kerajaan berpendapat bahawa sekiranya lebih banyak negara menyertai TPPA yang pada masa ini lima lagi buah negara sudah menyatakan hasratnya, Malaysia akan tertinggal sekiranya kita memilih untuk tidak menyertai TPPA.

TPPA bukan sekadar perjanjian perdagangan, betul. Ia juga merupakan satu agenda transformasi ke arah tadbir urus yang lebih telus, yang dapat meningkatkan kebajikan pekerja, pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar, pematuhan standard serta mewujudkan pentadbiran yang cekap dan telus dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menyertai rundingan TPPA lebih lima tahun lalu tanpa desakan atau paksaan dari mana-mana pihak. Ada yang bercakap tentang lawatan Presiden Obama ke Malaysia dua kali, adakah ini untuk mendesak kita menyertai TPPA?

Saya ingin menekankan di sini bahawa Perdana Menteri menekankan beberapa kali bahawa kita ada beberapa perkara yang penting yang perlu diambil kira dan antaranya ialah dasar bumiputera. Malaysia tidak akan menyertai TPPA sekiranya kita korbakan Perlembagaan kita ataupun korbakan bumiputera. Itulah sebabnya kita masuk TPPA atas terma-terma kita. Malaysia juga boleh mengambil keputusan untuk tidak menandatangani perjanjian yang telah dimuktamadkan tersebut jika Dewan yang mulia ini merasakan keputusan ini adalah yang terbaik untuk masa depan negara.

Namun dalam suasana ekonomi global yang begitu dinamik dan tidak menentu, persaingan untuk menarik pelaburan asing menjadi semakin sengit dan usaha untuk mencari destinasi eksport baru juga bukanlah mudah. Negara-negara berlumba untuk mencari rakan dagang, negara-negara di dunia berlumba-lumba untuk mencari pelaburan asing. Maka Malaysia tidak boleh ketinggalan kerana sesungguhnya Malaysia amat bergantung kepada perdagangan luar dan juga pelaburan asing. Tidak ada perdagangan asing, tidak ada Pelabuhan Klang, tidak ada Pelabuhan Pulau Pinang, tidak ada PTP atau Tanjung Pelepas dan tidak ada pelaburan asing. Maka tidak ada Pulau Pinang, tidak ada Shah Alam, tidak ada Johor. Kita sesungguhnya sebuah negara yang bergantung kepada pelaburan asing, perdagangan luar kerana ia telah menjanakan peluang pekerja, menjanakan perolehan tukaran wang asing ataupun *forex earnings*. Ia juga telah menyumbang kepada pembangunan negara.

Oleh yang demikian, Malaysia perlu melihat TPPA sebagai sebuah platform untuk terus mengekalkan daya saing Malaysia dalam aspek perdagangan dan pelaburan. Tuan Yang di-Pertua, teks TPPA yang ada di tangan kita pada hari ini dimuktamadkan atas terma Malaysia. Perkara-perkara yang kita telah mendapat beberapa pengecualian. Kita telah dapat beberapa, dengan izin, *carve out* dan *flexibilities* dan kita berpuas hati bahawa beberapa kepentingan penting kita telah diambil perhatian. Perkara-perkara yang melibatkan ataupun kepentingan Malaysia seperti dasar bumiputera, keperluan sijil halal, bidang kausa kerajaan negeri, pengecualian dan fleksibiliti tertentu dalam bab perolehan kerajaan dan syarikat milik kerajaan telah berjaya kita pertahankan.

Jika Malaysia membuat keputusan untuk menanggungkan penyertaan dalam TPP, ada orang kata tunggu dulu. Kenapakah kita beria-iat? Ada negara tunggu di luar, ada kata tunggu dulu. Kalau kita tangguh, kita yakin bahawa beberapa pengecualian dan fleksibiliti yang telah kita runding dan capai setakat ini tidak akan diperolehi apabila kita masuk kemudian. Maka itulah kita rasa kita telah mengambil keputusan yang tepat untuk menyertai TPPA pada tahun 2010 lagi kerana negara-negara yang masuk kemudian tidak akan diberikan beberapa keistimewaan yang telah diberi pada Malaysia.

Kerajaan menyedari bahawa TPPA juga membawa kos dan cabaran yang tertentu. Walau bagaimanapun, kerajaan melihat segala cabaran yang perlu kita tangani adalah perlu dan penting untuk menjadikan kita sebuah negara maju, menjadikan kita sebuah negara yang lebih berdaya saing, menjadikan kita sebuah negara lebih telus dan ini bertepatan dengan hasrat untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Secara ringkasnya kerajaan melihat TPPA membawa lebih banyak kebaikan daripada keburukan pada negara kita Malaysia.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, penyertaan Malaysia dalam TPPA akan menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia sebuah negara yang terbuka, yang sedia mematuhi piawaian yang tinggi dan bertaraf antarabangsa bagi memastikan kesejahteraan alam sekitar, kebajikan pekerja dan meningkatkan ketelusan ke arah tadbir urus yang lebih cemerlang. Walaupun kita terbuka, kita bukan buka segala-galanya. Kita buka negara kita berasaskan Perlembagaan, berasaskan agama, budaya kita. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya akhiri usul saya dengan serangkap pantun,

*Terbang merpati mencari makan,
Hinggap seekor di atas para,
Semalam sudah Dewan Rakyat luluskan,
Hari ini pula saya mohon Dewan Negara.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Salah seorang boleh, mana-mana pun boleh. Seterusnya Ahli Yang Berhormat, usul bagi Malaysia menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik atau TPPA sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sebelum perbincangan dimulakan, izinkan saya memberi sedikit sebanyak garis panduan kerana satu hari saja persidangan ini dan kita ramai, saya akan cuba beri sebanyak atau seramai mungkin tetapi saya hendak bagi *priority* terutama pada pihak minoriti ya, kita tidak panggil pembangkang di Dewan Negara. Dia ada enam enam orang. Sudah itu, PKR, DAP, PAS, tiga orang *priority*.

Selain itu saya akan bagi peluang juga pada negeri-negeri Sabah, Sarawak dan juga lain-lain badan, parti-parti yang berkenaan dalam Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan tumpukan masa kepada tajuk, topik yang kita bahaskan iaitu TPPA sahaja. Harap jangan pergi meleret-leret, kadangkala membuang masa. Oleh yang demikian, saya tanpa buang masa saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

10.47 pg.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan Persidangan Khas Dewan Negara pada hari yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah membentangkan usul penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik atau TPPA setelah berunding selama lebih daripada lima tahun dengan negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, *Trans-Pacific Partnership* ataupun TPP dalam bentuk yang dirundingkan sekarang satu kelangsungan daripada rundingan TPP yang bermula dari tahun 2005, yang ditandatangani oleh Brunei Darussalam, Chile, New Zealand dan Singapura. Pada ketika itu negara yang terlibat telah bersetuju untuk mengembangkan skop perjanjian dan juga keahlian kepada beberapa buah negara lain seperti Australia, Malaysia, Peru, Vietnam, Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada. Dengan penglibatan 12 buah negara yang kita terlibat dalam rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik akan menyumbang hampir 40 peratus daripada KDNK sedunia dan satu 1/3 daripada perdagangan global.

Malaysia mengamalkan ekonomi terbuka dan sangat bergantung kepada perdagangan antarabangsa, pelaburan asing, teknologi dan pelancongan. Penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik salah satu inisiatif kerajaan untuk memantapkan kerjasama dan integrasi antara Malaysia dan negara-negara terlibat di samping menyediakan platform serta membuka peluang bagi syarikat-syarikat di Malaysia untuk berada di pasaran terbuka secara global.

■1050

Tambahan lagi, ini akan meningkatkan keyakinan pelaburan asing yang tidak terlibat dengan TPPA terhadap keupayaan syarikat tempatan untuk bersaing secara efisien di peringkat antarabangsa. Sehingga ke hari ini, Malaysia telah menandatangani 13 perjanjian perdagangan bebas atau FTA, dengan izin, melibatkan perjanjian dua hala di antara negara-negara ASEAN.

Antara faedah penyertaan Malaysia dalam TPPA adalah seperti berikut:

- (i) membuka pasaran baru. Malaysia dapat mengembangkan kerjasama perdagangan dua hala serentak dengan 12 buah negara yang terlibat dengan TPPA. Selain itu, negara kita juga boleh membuka ruang untuk meluaskan akses pasaran keempat-empat buah negara yang masih belum mengikat perjanjian perdagangan bebas dengan negara kita iaitu Kanada, Mexico, Peru dan Amerika Syarikat;
- (ii) pengurangan kos produk import. Semua 12 buah negara yang bakal menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik dijangka menyumbang sebanyak 40 peratus daripada jumlah KDNK dunia. Duti import bagi melebihi 90 produk ke negara anggota TPPA juga akan dikurangkan atau dimansuhkan. Faedah ini akan dirasai oleh syarikat perdagangan tempatan apabila mereka berurusan dengan negara-negara TPPA yang lain; dan
- (iii) kebaikan kepada pengguna. Lebih kurang 85 peratus - produk import daripada negara-negara TPP akan dimansuhkan. Dalam jangka masa panjang, ini akan menggalakkan peningkatan produktiviti secara efisien disebabkan persaingan dan dijangka dapat mengurangkan kos barang kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang beritahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi, terdapat beberapa pihak yang telah menyuarakan kebimbangan. Malah ada juga yang menyarankan supaya Malaysia tidak menyertai TPPA atas asas *Malaysia is not for sale*. Antara kebimbangan yang diutarakan ialah:

- (i) kedaulatan negara. Peruntukan *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS), dengan izin, didakwa akan menggugat kedaulatan negara dan mengehadkan ruang kerajaan untuk mengubal dan melaksanakan undang-undang dan dasar-dasar negara. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa tadi telah menjelaskan bahawa terdapat beberapa mekanisme kawalan yang telah dirunding untuk mengatasi isu-isu utama termasuk mengelakkan daripada pelabur asing membuat tuntutan bagi mencabar kerajaan tanpa asas yang munasabah;
- (ii) harga ubat-ubatan dijangka akan naik mendadak. Hakikatnya, klausa perlindungan paten dalam perjanjian TPP ini tidak banyak berbeza dengan peraturan yang sedia ada di Malaysia. Undang-undang Malaysia memperuntukkan perlindungan paten selama 20 tahun. Tambahan pula, harga ubat-ubatan bukan hanya ditentukan oleh perlindungan paten semata-mata. Terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi termasuk turun naik kadar mata wang, kos penyelidikan dan pembangunan, perbelanjaan dan pemasaran dan amalan perolehan sedia ada. Di bawah perjanjian TPP, negara-negara yang terlibat hanya perlu melanjutkan perlindungan paten sekiranya terdapat kelewatan tanpa sebab-sebab yang munasabah dalam proses perlindungan paten;
- (iii) perjanjian TPP akan menjejaskan kedaulatan Islam. Berhubung dakwaan sesetengah pihak bahawa perjanjian TPP akan menjejaskan kedaulatan Islam, Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan bahawa tiada sebarang peruntukan dalam perjanjian TPP yang boleh menjejaskan status agama Islam sebagai Agama Persekutuan;

- (iv) berhubung dengan kebimbangan bahawa TPP menjejaskan kepentingan bumiputera dan syarikat hak milik kerajaan, Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa kepentingan bumiputera dan syarikat hak milik kerajaan akan tetap terjamin. Pegangan 30 peratus hak bumiputera akan terus terpelihara dan tidak akan terjejas. Misalannya, pada tahun pertama TPP, ia berkuat kuasa kontrak pembinaan bernilai 380 juta ke bawah dan pembinaan projek luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak akan terbuka kepada penyertaan asing. Bagi syarikat hak milik kerajaan pula, keutamaan kepada bumiputera termasuk PKS adalah sehingga 40 peratus peruntukan pembelian tahunan. Keutamaan bumiputera terhadap sektor pembinaan akan dibenarkan dalam tempoh 25 tahun apabila TPPA berkuat kuasa.

Banyak suara yang telah mengatakan bahawa jika Malaysia menandatangani TPPA, Malaysia akan menjadi boneka Amerika Syarikat. Kita jangan lupa bahawa ada 12 buah negara yang bakal menjadi ahli TPPA. Dengan adanya persetujuan yang saya sebutkan di atas, seperti kepentingan bumiputera dan syarikat hak milik kerajaan serta lain-lain, saya berkeyakinan kita tidak akan menjadi boneka Amerika dan penyertaan *Malaysia is not for sale* tidak akan berbangkit. Pihak kerajaan telah mengambil pendirian tegas...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon mencelah.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato'. Berkait dengan apa yang disebutkan tadi, apa yang dikatakan jaminan bahawasanya dengan mengikat perjanjian TPPA ini, Malaysia tidak akan menjadi boneka.

Saya terbaca satu teks ucapan Presiden Amerika, Barack Obama di ucapan terakhirnya sebagai Presiden yang mana ia terang dan jelas menyatakan tentang TPPA. Saya mohon untuk membacakan dalam bahasa Inggeris, *"That's how we forged a Trans-Pacific Partnership to open markets, protect workers and the environment, and advance American leadership in Asia. It cuts 18,000 taxes on products Made in America, which will then supports more jobs here in America. With TPP, China does not set rules in that region and we do. You want to show our strength in this new century? Approved this agreement. Give us the tools to enforce it. It is the right thing to do so"*.

Jadi, saya rasa sedikit sebanyak tempias kekuatan Amerika di rantau ini akan dimasukkan dalam perjanjian ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Itu ucapan Presiden Obama di Amerika Syarikat kepada rakyat Amerika untuk memberi penegasan dan memberi kepercayaan kepada rakyatnya untuk menyertai TPPA. Begitulah juga Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa menegaskan kepada kita bahawa TPPA menjadi satu perkara yang baik untuk Malaysia. Akan tetapi, sungguhpun Presiden Obama memberi penegasan itu kepada rakyatnya, kita sendiri rakyat Malaysia tetap tidak akan memberi peluang kepada Amerika Syarikat untuk mereka itu memberi peraturan-peraturan kepada kita.

■1100

Itu sebabnya kita telah mengambil masa lima tahun untuk berunding. Saya fikir perkara itu tidak akan terjadi kalau kita menetapkan apa-apa perundingan yang kita telah runding dengan mereka itu akan dipertahankan di dalam negara kita. Seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri lebih banyak syarikat negara kita yang berniaga di luar negara seperti syarikat-syarikat yang terbesar termasuklah Petronas dan sebagainya. Itu akan memberi keuntungan kepada negara kita dan syarikat-syarikat dalam negara kita.

Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Pihak kerajaan telah mengambil pendirian tegas dalam rundingan TPP untuk memastikan Perlembagaan kedaulatan dan dasar-dasar utama seperti perolehan kerajaan, syarikat milik kerajaan dan agenda bumiputera akan tetap terpelihara. Pihak kerajaan juga telah menjalankan penilaian kos faedah yang menggunakan perunding-perunding yang kredibilitinya telah diiktiraf seperti PriceWaterhouse dan Institute Strategic International Studies ataupun ISIS Malaysia dalam usaha untuk memastikan faedah dan risiko yang bakal dihadapi jika Malaysia menandatangani TPPA ini.

Pada pendapat saya, langkah penyertaan Malaysia dalam TPPA ini akan meningkatkan lagi kedudukan Malaysia sebagai destinasi menarik untuk pengeluaran global dan secara tidak langsung mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan sekiranya Malaysia tidak ditekan untuk menerima komitmen yang di luar kemampuan kita dan bercanggah dengan kepentingan negara dalam TPPA.

Sebaliknya jika Malaysia tidak menyertai TPPA maka akibatnya ialah Malaysia akan menjadi kurang menarik sebagai destinasi pelaburan. Keduanya penyertaan di kemudian hari terpaksa menerima segala kandungan perjanjian yang ditetapkan tanpa fleksibiliti untuk mempertahankan kepentingan negara seperti dasar bumiputera dan kesediaan pasaran melalui tempoh transaksi dan persaingan sengit daripada negara jiran seperti Vietnam dan Singapura dalam menarik pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan faktor-faktor yang tersebut dan demi mempertahankan negara kita sebagai satu ekonomi terbuka untuk kepentingan seluruh rakyat saya pohon menyokong. Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaiikumussalam.* Sekarang saya persilakan pihak minoriti, dipersilakan Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Kalau boleh biar sesingkat masa yang boleh untuk bagi seberapa ramai. Tidak semestinya tiga sahaja, kalau ada masa saya beri peluang. Silakan.

11.03 pg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul TPPA pada hari ini. Ahli Dewan yang saya muliakan, jika saya tidak salah pada tahun 2008 Malaysia telah menghentikan perundingan perjanjian FTA Amerika-Malaysia yang sudah berlangsung selama dua tahun dengan 58 isu tidak selesai. Menteri Pertanian pada masa itu Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata bahawa beliau tidak akan berkompromi dalam isu kesejahteraan hidup petani tempatan. Pada masa itu juga bahawa FTA itu akan mengancam kedaulatan Malaysia dengan perlindungan *patent* lantas menghalang akses kepada industri perubatan generik.

Peristiwa FTA dengan Amerika suatu pengalaman yang pahit tetapi malangnya kita tidak dapat belajar daripada pengalaman ini. Sekarang pada tahun 2016 Kerajaan Malaysia begitu ghairah untuk menyertai TPPA. Apakah yang telah berubah? Adakah TPPA jauh lebih bagus dan adakah isu-isu yang menghalang persetujuan FTA Amerika-Malaysia tidak wujud lagi? Kita mendapati bahawa kebanyakan daripada negara-negara yang menyertai TPPA sudah mempunyai perjanjian FTA dengan Amerika kecuali Jepun, New Zealand, Malaysia dan Brunei.

Oleh sebab itu, bagi negara-negara yang sudah pun mempunyai perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat sudah pastilah TPPA mungkin melibatkan perubahan kecil kepada kedudukan sedia ada. Oleh sebab Malaysia masih belum sampai ke status negara yang maju maka TPPA bakal meninggalkan kesan yang amat mendalam.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua ada beberapa isu yang kita harus ambil perhatian di sini yang akan membawa kesan yang serius terhadap negara Malaysia. Saya ingin memulakan dengan menyentuh tentang isu pelaburan dan kedaulatan. Isu ini amat penting. Ia penting kerana ada kaitan dengan hampir semua bab yang dibincangkan.

Ini akan menyekat ruang pembuatan dasar oleh kerajaan oleh sebab terdapat klausa, *clause* atau fasal *investor to state dispute settlement* dan juga *state to state dispute settlement*.

Investor to state dispute settlement, peruntukan di bawah Bab Pelaburan yang mengizinkan mana-mana syarikat untuk mengheret Kerajaan Malaysia ke mahkamah bagi tuntutan kerosakan dan ganti rugi. Dengan erti kata yang lain syarikat multinasional boleh selesai dengan fahaman bahawa tiada perubahan atas undang-undang dalam negeri yang akan melibatkan mereka secara buruk sebaik sahaja mereka memulakan aktiviti mereka di negara-negara yang telah menerima TPPA.

Ini memberi ruang kepada syarikat gergasi misalnya Philip Morris untuk melangkah sistem undang-undang negara melalui sebuah tribunal antarabangsa yang kononnya dianggotai oleh tiga orang hakim. Dua orang hakim antarabangsa dan seorang hakim tempatan. Dalam keadaan sebegini, saya tidak yakin bahawa kepentingan negara ini dapat dimulakan jika kita rujuk kepada kes Philip Morris terhadap Kerajaan Australia berkaitan dengan bungkusan rokok. Kerajaan Australia diheret ke mahkamah kerana Philip Morris tidak setuju dengan sekatan-sekatan yang dikenakan atas bungkusan rokok oleh Kerajaan Australia. Baik misalnya katakanlah jika Malaysia mengenakan undang-undang lebih ketat terhadap Lynas mungkin sudah pasti ini akan bawa negara ini ke mahkamah.

Perkara yang kedua ialah isu SME dan pertanian. Kononnya TPPA bertujuan untuk membebaskan perdagangan dan kurangkan tarif yang mana boleh menyebabkan kehilangan pekerjaan secara mendadak dalam banyak sektor. Akibatnya ialah tekanan terus kepada gaji pekerja dan ini akan membawa kepada jurang pendapatan yang sekarang pun sudah begitu luas. Rujuklah pada Mexico di mana selepas NAFTA ditandatangani dengan Amerika dan Kanada, 3 juta orang daripada 10 juta orang rakyat Mexico telah hilang pekerjaan. Pengurangan tarif akan menyebabkan kesan langsung terutama kepada produk pertanian. Ini kita harus ambil perhatian kerana kita pun masih negara yang bergantung kepada pertanian.

■1110

Kita harus sedar bahawa lebih 90 peratus- syarikat Malaysia yang terlibat dalam sektor pertanian ialah Syarikat Kecil dan Sederhana (SMEs). Mereka akan menghadapi persaingan yang tidak seimbang dari syarikat-syarikat gergasi pertanian dari negara-negara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Jepun yang mana kerajaan tidak menurunkan pun subsidi yang besar kepada petani mereka. Kajian AGTECH menunjukkan bahawa subsidi telah merendahkan kos pengeluaran beras Amerika Syarikat sebanyak 45 peratus, kacang soya 32 peratus dan kapas pada 52 peratus. Pengeluaran kasar menunjukkan bahawa hasil beras mereka mampu memenuhi pasaran Malaysia serendah RM1.40 setiap kilogram. Maka, apakah akan jadi kepada petani Melayu? Apakah akan jadi kepada BERNAS dan apakah nasib pengeluar yang lebih kecil?

Ketiga ialah isu berkaitan dengan harta intelek, paten dan hak cipta. Di bawah TPPA, syarikat farmasi gergasi akan mendapat hak ke atas paten ubat-ubatan dan mengekalkan pegangan hak cipta lebih lama dengan cara yang lebih mudah. Ini akan melewati pengeluaran ubat generik, ubat generik ini penting dan penggunaan ubat-ubatan penyakit kronik dan melewati akses kepada ubat-ubatan untuk penyakit seperti kanser, HIV dan penyakit kronik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sebegini, kita harus sedar bahawa oleh sebab majoriti daripada orang miskin terdiri daripada kaum bumiputera dan tinggal di luar bandar. Maka, merekalah akan jadi mangsa utama jika kita terima TPPA tanpa mempunyai sebarang syarat menjaga kepentingan kelompok miskin di kalangan kaum bumiputera. Di samping itu, bahagian hak cipta dalam TPPA akan mengakibatkan...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh mencelah?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat kata kalau kita tak jaga kepentingan petani-petani kita istimewa pula peringkat kampung dan sebagainya, tidakkah Yang Berhormat Menteri telah memberi penjelasan bahawa kepentingan mereka itu tetap akan dijaga dalam rundingan kita? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan saya begini, tiap-tiap negara yang terlibat dalam perundingan TPPA itu sudah pasti akan menjaga kepentingan masing-masing. Dalam *international relations*, dalam soal politik atau ekonomi, yang dipentingkan ialah *interest of the country*. Maka kita sedang berunding dengan Amerika Syarikat dalam TPPA ini. Kalau kita diberitahu, oh, kita akan dilayan sama rata, sama rasa, saya tak terima kerana kita hendak bandingkan kedudukan Malaysia dengan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang begitu kuat, kaya dan berpengaruh. Macam manalah kita hendak bersaing secara sama rata dan sama rasa dengan sebuah negara gergasi, dengan multinasional yang begitu kuat dan berpengaruh yang kadangkala boleh membeli kerajaan juga dalam negara-negara *third world*, ini jelas terbukti.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, itu dia boleh beli kalau kita biarkan dibeli. Takkanlah kita hendak biarkan dia datang ke sini dan membeli tiap-tiap ini?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat tetapi bukankah baru-baru sahaja kita sudah jual banyak *power point* kepada negeri China? Maka apa yang akan halang kerajaan menjual lagi *strategic interest* kepada negara-negara yang lain yang mampu beli? Ini perkara yang kita harus ambil kira. Baik, di samping itu...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Boleh mencelah?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Sedap Yang Berhormat cakap jual-jual ini. Kerajaan Pulau Pinang jual tanah dekat Singapura itu macam mana? [*Tepuk*]

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mesti tengok atas dasar apa tanah itu dijual... [*Dewan riuh*]

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Itu yang penting. Apakah syarat-syaratnya? Ini yang penting dan harus diambil kira. Okey? Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Ini tak adil Yang Berhormat. Bila kepentingan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tengok atas dasar apa.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Baik, terima kasih. Di samping itu, bahagian hak cipta dalam TPPA akan mengakibatkan rawatan perubatan bertambah mahal untuk kebanyakan rakyat Malaysia. Penyelidikan dan pendidikan juga akan ditimpa musibah dan kosnya akan meningkat disebabkan oleh undang-undang hak cipta yang lebih ketat yang akan dicadangkan.

Keempat ialah perdagangan dan FDI. Kita difahamkan bahawa manfaat yang akan diperoleh daripada menandatangani FTA dengan Amerika Syarikat akan terlihat melalui pendapatan yang tinggi dalam faedah perdagangan. Bagaimana sebuah negara yang secara relatifnya mempunyai kekuatan ekonomi yang lebih kuat seperti Singapura menyaksikan peningkatan pula dengan defisit perdagangan bermula dengan RM1.4 bilion pada tahun 2003 apabila mereka menandatangani perjanjian dengan Amerika Syarikat kepada USD4.3 bilion pada tahun 2004, RM6.9 bilion pada tahun 2006 dan RM10.5 bilion pada tahun 2012.

Menurut laporan *United Nations*, tiada bukti atau korelasi yang menunjukkan peningkatan pelaburan asing FDI yang berkualiti daripada perjanjian-perjanjian dua hala ini. Benar, jika kita tidak menyertai TPPA, kemungkinan *trade diversion* atau perdagangan yang lari dari Malaysia kepada negara-negara TPPA, tidak dapat dinafikan. Ini memang benar, namun kerugian daripada *trade diversion* ini haruslah jelas dan dipastikan mempunyai manfaat yang lebih besar berbanding pelbagai musibah dan kerugian yang dibawa oleh TPPA kepada aspek-aspek lain ekonomi negara.

Sebelum saya mengakhiri, saya juga ingin tahu kesan perjanjian TPPA ke atas perjanjian-perjanjian perkongsian yang lain yang sudah ditandatangani oleh Malaysia.

Seperti yang kita sedia maklum, kalau tak salah, Malaysia telah menandatangani 13 perjanjian FTA dan juga masih berunding beberapa lagi seperti, dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement (RCEP)*, *Malaysia-European Union Free Trade Agreement (MEUFTA)* dan beberapa yang lain. Saya tidak tahu sama ada kesan atau tidak dan jika ada, apakah kesannya?

Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan dan walaupun Dewan Rakyat telah meluluskan TPPA, saya berharap bahawa kerajaan akan berhati-hati dan menentukan bahawa dalam pelaksanaan TPPA, rakyat khususnya kelompok yang miskin tidak jatuh mangsa kepada kekurangan-kekurangan yang masih didapati dalam TPPA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

11.19 pg.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera.

■1120

Turut membahaskan isu TPPA ini yang disebut oleh pembangkang, "Tok Pa Punya Agenda – TPPA". Saya hendak mengucapkan dahulu tahniah di atas dua buah dasar. Pertama, berbeza dengan negara-negara lain, isu TPPA ini dibawa ke dalam Parlimen di Malaysia. Negara lain yang sudah menyertai, diputus peringkat kerajaan sahaja. Itu bagi saya menunjukkan betapa kita mengangkat demokrasi di negara kita. Diperbahaskan, pandangan-pandangan diberi, kritikan-kritikan dibuat dan ia akan memantapkan lagi keputusan yang akan dibuat oleh kerajaan.

Kedua, kita ambil masa yang lama dan melibatkan banyak peringkat, banyak kementerian, banyak jabatan, baru kita bawa ke peringkat Parlimen. Ini satu usaha yang patut dipelopori oleh kerajaan kalau kita berhadapan dengan permasalahan-permasalahan yang besar pada masa-masa yang akan datang. Saya membayangkan Tuan Yang di-Pertua, betapa misalnya usul dahulu apabila kita hendak gubal undang-undang Majlis Keselamatan Negara, kalaulah kita buat macam ini, alangkah baiknya. Akan tetapi kita buat dahulu dalam keadaan yang agak tergesa-gesa kemudian ia menjadi kebimbangan ramai pihak. Saya minta supaya kerajaan pada masa-masa ke hadapan kalau kita berhadapan dengan isu-isu yang memabitkan soal maruah negara kita, keselamatan negara kita, kedaulatan rakyat jelata kita supaya inilah caranya.

Tuan Yang di-Pertua, TPPA ini bagi saya macam kita berperang. Dalam ketenteraan, kita tidak boleh berkata kita belum bersedia. Kalau kita kata kita belum bersedia, memang sukalah orang hendak menyerang kita dan saya nilai balik kenapa misalnya Singapura dan Brunei awal-awal lagi menganggotai TPPA.

Saya kata begitu Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ini dari Johor, mewakili Kerajaan Negeri Johor dan Singapura bersebelahan dengan kita. Singapura tidak ada apa-apa *resourcesnya*, dengan izin, tetapi kita perhatikan PSA misalnya, ia menjadi pelabuhan yang kedua terbesar di dunia. Kalau kita melawat PSA Singapura, pekerjaanya sahaja 65,000 orang. Kalau ia hendak menghantar barang, di hujung jari sahaja ia punya perkhidmatan dilakukan. Masuk ke dalam komputer, naik kontena, terus ke kapal, begitu juga daripada segi penerimaan. Singapura melakukan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun yang lalu. Saya memikirkan sekarang kenapa ia masuk TPPA? Tentunya dengan hasrat untuk dapatkan peluang-peluang baru di sebelah Kanada dan juga Amerika Syarikat. Kalau kita tertinggal, kita boleh lihat pengalaman yang berlaku di negara jiran kita, Indonesia. Saya teringat Tuan Yang di-Pertua, masa kita buat jalan *highway* daripada Utara ke Selatan dahulu kita masih lagi dalam keadaan yang sangat selesa dan kita rasa tidak perlu pun jalan itu.

Akan tetapi kepimpinan kita pada waktu itu, kerajaan kita membuat keputusan buat jalan. Sekarang kita merasakan jalan itu tidak cukup. Sejak 30 tahun dahulu kita buat dan syarikat yang sama mendapat kontrak untuk membuat *highway* yang pertama di Indonesia. Maknanya, apa yang dilakukan oleh Indonesia sekarang, telah kita lakukan 30 tahun yang lalu. Itulah TPPA pada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh beberapa perkara baru yang masuk di dalam TPPA yang saya melihatnya di sudut yang sangat positif.

Pertama, alam sekitar. Saya terfikir alam sekitar kerana baru sahaja kita berhadapan dengan masalah perlombongan bauksit di Kuantan. Bawah TPPA, semua anggota negara TPPA jadi *watch dog*. Engkau tengok aku, aku tengok engkau. Kalau kita sudah masuk TPPA, saya rasa tidak berlaku lagi peristiwa-peristiwa seperti yang berlaku di perlombongan bauksit di Pahang. Bukan itu sahaja, malah sebelum daripada itu, kita berhadapan dengan misalnya hutan ditebang sesuka hati di Lojing, misalnya. Kita pernah melalui pengalaman di Cameron Highlands.

■1130

Kita juga dalam keadaan sekarang ini kita lihat di Pulau Pinang misalnya, di Bukit Gambir ditarah. Jadi maknanya, kalau ada rakan kita, misalnya katalah kita bergaduh di rumah tetapi orang sebelah tolong memberikan nasihat, kita akan rasa malu dan kita akan menjaga kepentingan kita supaya jangan malu kepada jiran. Jadi saya melihat memang bagus dan saya sangat menyokong soal alam sekitar ini dimasukkan di bawah TPPA.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Ini kerana ia bertujuan untuk melindungi dan memelihara flora dan fauna termasuk tindakan memerangi pemerdagangan haram hidupan liar, pembalakan haram dan penangkapan ikan secara tidak terkawal. Saya ingat soal tangkapan ikan secara tidak terkawal esok dia juga melibatkan Malaysia. Kita di Malaysia masih lagi membenarkan penggunaan pukut harimau. Akan tetapi semua orang tahu pukut harimau yang sepatutnya beroperasi lebih daripada 15 batu nautika tetapi ia masuk ke dalam pantai. Bukan itu sahaja, kita berhadapan pula dengan jiran-jiran kita seperti Thailand dan sebagainya. Jadi kalau esok Thailand pun masuk TPPA, dia pun juga kena buat perkara yang sama dan saya rasa masa itu kita akan banyak sumber ikan, percayalah.

Kedua, perkara kerjasama yang melibatkan Kastam, PKS dan juga akses pasaran. Ini juga satu pendekatan yang sangat positif saya melihatnya. Di mana dalam soal Kastam dia akan menentukan prosedur Kastam yang mudah dan sama antara semua negara TPPA dan dia ada pula masa yang tertentu untuk pelepasan barang dalam satu-satu masa yang ditetapkan. Penghantaran maklumat akan dilakukan secara elektronik yang lebih awal dalam antara negara-negara TPPA itu. Ia tidak perlu dipindahkan ke gudang dahulu. Janji saya kalau kata semua negara TPPA boleh melaksanakan ini, urusan dagangan akan lebih efisien, akan lebih mudah, akan dapat menjimatkan kos dan menguntungkan negara-negara ahli.

Macam sekarang, saya ada satu pengalaman seorang kawan hantar barang ke Bangladesh tetapi bila sampai ke sana dia kena pula masuk ke dalam gudang tak boleh keluar sebulan lebih jadi akhirnya daripada perniagaan itu patut untung menjadi satu kerugian kepada dia. Akan tetapi bawah TPPA, bawah kerjasama Kastam ini, hal-hal ini nampaknya telah diteliti terlebih dahulu dan tentunya ia memberi faedah kepada semua ahli anggota. PKS pula syarikat-syarikat PKS Malaysia berpeluang menjalinkan kerjasama serta berkongsi *data base* dengan PKS dari negara-negara ahli TPPA yang lain.

Maklumat ini boleh digunakan untuk meluaskan peluang, untuk memasak, menjual serta menjalankan penyelidikan pasaran sebelum PKS menceburi pasaran TPPA. Ini juga satu insentif yang diberikan yang mana PKS Malaysia akan dapat segala maklumat dan dia boleh membantu daripada segi strategi memasarkan barangan tempat mana yang harus dituju dan apa-apa keperluan negara-negara TPPA yang lain. Kalau hendak buat sendiri, tentunya ambil masa, ambil kos dan memakan masa yang lama.

Satu perkara lagi yang harus kita lihat dalam aspek menganggotai TPPA ini ialah peluang-peluang baru untuk kita masuk ke pasaran terutamanya bagi negara Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico. Kita telah diberitahu tadi bahawa dalam soal jaminan halal kepentingan kita telah pun dapat kita pertahankan. Malaysia seharusnya bersedia dan mengambil peluang bagi saya untuk cuba memasarkan keluaran halal bagi sektor sebelah Eropah. Soal makanan, soal ubatan, soal segala KR1M...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Ya, dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kalau kita bersetuju dan kita meluluskan TPPA ini, maka 4 hari bulan akan ditandatangani perjanjian yang menunjukkan bahawa Malaysia bersetuju untuk menyertai.

Pada Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Mustapa saya suka hendak pantun.

*Datuk Nala pergi ke England;
Tak makan daging dia makan ikan;
Pergilah tuan ke Auckland 4 hari bulan;
Sokongan dan restu kami iringkan [Tepuk]*

Pada saya, kalau sudah segala kepentingan Malaysia kita telah ambil kira, kita telah pertahankan dan inilah masa yang terbaik untuk kita mengambil tindakan lanjut, maka lakukanlah dengan segala keikhlasan. Akan tetapi apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat perjanjian 2016, pelaksanaan 2018 kita ada masa dua tahun untuk kita *strategies* tindakan-tindakan susulan.

■1140

Soal kita memperkasakan PKS di Malaysia supaya dia kompeten esok. Soal penjelasan yang masih lagi tidak berapa terang di peringkat akar umbi. Kita ada pengalaman daripada pelaksanaan GST. Saya bagi beberapa contoh. Misalnya dulu kita kata telefon *hand phone* tak kena GST. Akan tetapi kemudiannya kena bila dilaksanakan, tetapi ini sekarang kita sudah betulkan balik. Contohnya ada dulu disebut, bahawa jangan takut semua sekali cukai hanya 6 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, kalau dapat gulung.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Sedikit sahaja, ini nak gulung dah ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Akan tetapi bila dilaksanakan yang perkhidmatan cukai hotel itu, 10 peratus masih lagi dikenakan tambah 6 peratus. Contoh-contoh begitu supaya jangan berlaku apabila kita menyebutkan soal harga ubat-ubatan misalnya tadi dan pelbagai. Maknanya kita mesti apa yang kita cakap itu, dia berlaku apabila telah terlaksana TPPA kemudian. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya juga menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Yang Berhormat ada kurang lebih 20 minit untuk berucap ya kerana dalam senarai yang ada pada saya ini ramai kurang lebih 25 orang yang hendak berucap. Terima kasih Yang Berhormat, teruskan.

11.42 pg.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam usul berkaitan TPPA ini. Malaysia begitu komited dengan pelaksanaan perjanjian FTA. Sehingga kini negara telah melaksanakan 13 FTA iaitu enam perjanjian melalui blok asing serta tujuh perjanjian secara bilateral.

Sehubungan itu, TPPA yang melibatkan 12 buah negara ini disifatkan oleh kerajaan sebagai satu bentuk FTA alaf baru dan mempunyai potensi untuk membawa Malaysia terus maju ke hadapan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan melalui Menteri MITI yang telah memainkan peranan dalam memberi penerangan kepada *stakeholders* dengan izin, wakil rakyat, pakar-pakar dan masyarakat pada keseluruhannya tentang manfaat dan kelebihan yang akan dimiliki Malaysia apabila menjadi negara anggota TPPA.

Bukan itu sahaja kerajaan juga menubuhkan Kokus TPPA walaupun Ahli Dewan Negara itu dikecualikan membabitkan Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang bagi memastikan pelaksanaan TPPA benar-benar memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

TPPA satu perubahan yang akan menukar landskap ekonomi dan sistem tadbir urus perdagangan kita kepada yang lebih moden dan berdaya saing. Setelah meneliti dokumen-dokumen yang disediakan tentang TPPA, saya ada memohon beberapa perkara yang perlu diberi penelitian khusus.

Pertama, berkaitan kos ubat-ubatan yang dinyatakan dalam Bab 18 - *Intellectual Property Rights*, hasil semakan mendapati TPPA memastikan aset perkhidmatan kesihatan dan ubat-ubatan pada harga berpatutan diteruskan. Penyertaan TPPA tidak mengubah tempoh dan ciri-ciri utama dasar perlindungan paten sedia ada yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi.

Untuk ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan yang telah meletakkan kepentingan rakyat atas segala-galanya. Ini bermakna ubat generik sedia dan juga boleh diteruskan dan setiap negara yang menandatangani perjanjian ini masih mempunyai hak untuk menjaga dan melindungi kesihatan rakyatnya. Walau bagaimanapun, saya memohon agar kerajaan memberi perhatian serius terhadap kos ubat-ubatan agar ia tidak membebankan golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, harta intelek terutamanya bab mengenai pendidikan harus diberi perhatian serius. Walaupun artikel 18.66 TPPA tidak menghalang kemudahan belajar untuk membuat salin foto buku selagi tujuan salin foto tersebut adalah untuk tujuan mengajar, penyelidikan dan belajar. Namun saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian sama ada penggunaan bagi tujuan terjemahan kepada Bahasa Kebangsaan, bahasa Cina dan bahasa India dilarang juga bagi tujuan ini di dalam TPP.

Menyentuh tentang pemilikan perairan Sarawak dan pemilikan gas serta petroleum mengikut dokumen dalam TPPA yang dikeluarkan oleh MITI, *Petroleum Development Act 1974*, dengan izin, memberi kuasa penuh kepada Petronas mencari gali dan segala yang berkaitan dengan pemerolehan minyak sama ada dalam atau luar perairan Sarawak.

Sebagai wakil dari Sarawak, saya tidak bersetuju dengan hak yang diberi kepada Petronas khususnya setelah *proclamation of emergency*, dengan izin, dihapuskan dengan mengembalikan kawasan perairan Sarawak kepada penduduk Sarawak. Oleh itu, saya bagi pihak penduduk Sarawak tidak bersetuju dengan kuasa yang diberi kepada Petronas terhadap segala hak berkaitan dengan pemerolehan minyak di Sarawak. Sebaliknya Sarawak harus diberi hak untuk mengeluarkan lesen dan permit bagi tujuan itu.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang TPPA yang akan menjadi satu perjanjian antarabangsa dan melibatkan banyak negara akan mempunyai banyak implikasi kemudiannya jika tidak dibincang secara mendalam sekarang. Ini kerana TPPA perlu mendapat kelulusan Parlimen dan segala yang terkandung memerlukan penelitian yang mendalam agar ia tidak melihat sebagai melanggar *Malaysia Agreement 1963*, dengan izin, dan *Intergovernmental Committee Report*, dengan izin.

Selaras dengan ini juga, Dewan Undangan Negeri Sarawak juga diberi mandat pada 8 Disember 2015 untuk menyelaraskan segala undang-undang persekutuan untuk disesuaikan dengan *Malaysia Agreement 1963* dan *IGC Report*, dengan izin.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kos PDA 74 dikecualikan daripada TPPA memandangkan Kerajaan Persekutuan telah menyerahkan hak perairan Sarawak kepada penduduk-penduduk Sarawak. Saya yakin semua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini termasuk daripada pembangkang ingin kuasa terhadap perairan Sarawak dikembalikan terlebih dahulu sebelum perbincangan fasa 2 dan fasa 3 berkaitan kuasa autonomi Sarawak yang diketuai Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Tan Sri Adenan Satem diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati beberapa kelebihan baru jika kita menganggotai TPPA ini seperti kita mempunyai empat orang rakan baru FTA, iaitu Amerika Syarikat, Peru, Mexico dan Kanada. Di samping itu, kita adalah antara negara-negara TPPA yang membolehkan kita mendapat layanan dan pengecualian dalam sektor-sektor tertentu. Selain itu, kita akan menjadi negara yang mempunyai daya saing dan tadbir urus yang baik selaras dengan standard antarabangsa dan mempunyai barang-barang yang lebih berkualiti.

Menurut kajian PricewaterhouseCoopers, sektor seperti peruncitan dan pembinaan akan berdepan dengan saingan lebih sengit dan memerlukan bantuan bagi peningkatan keupayaan mereka beroperasi dan di sinilah SMI perlukan bantuan kerajaan.

Ini kerana SMI menyumbang 18 peratus kepada eksport negara. Sebab dengan izin, *we must get our people ready by hook or by crook for the implementations of TPPA.*

■1150

Tuan Yang di-Pertua, unjuran perdagangan dan pelaburan yang disebabkan oleh TPP adalah signifikan kepada Amerika Syarikat, Jepun dan Australia. Semua ahli TPP adalah antara 10 orang rakan perdagangan ASEAN. Nilai perdagangan di antara mereka bernilai *USD511 million*, dengan izin, iaitu 20.2 peratus daripada jumlah perdagangan ASEAN pada tahun 2014. Hanya sedikit kurang daripada perdagangan sesama ASEAN yang berjumlah kini 24 peratus. Daripada perspektif integrasi serantau perdagangan dan pengalihan pelaburan serangan langsung terhadap salah satu daripada ciri-ciri *ASEAN Committee*, yang paling penting iaitu bagi mewujudkan sebuah pasaran dan pengeluaran asas tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perspektif ekonomi TPP akan *menjejaskan* pasaran *European Union* dalam dua cara, pertama standard yang ditetapkan dalam TPP mungkin akan dijadikan asas untuk transaksi perdagangan pada masa hadapan, dan daripada masa ke masa ia akan diguna pakai secara meluas.

Penetapan standard sosial dan alam sekitar dalam TPP yang lebih lemah daripada yang ada di Eropah mungkin dibiarkan terkena kepada kerajaan Eropah untuk mendapat piawaian yang lebih rendah dalam transaksi perdagangan pada masa hadapan seperti TPIP juga. Contoh-contoh ini menggambarkan bahawa pada masa depan Eropah mungkin diberi peranan yang kecil dalam menetapkan standard dan terpaksa menerima standard yang ditetapkan di tempat lain tanpa terlibat dalam proses rundingan.

Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan tidak harus menolak terus perjanjian seperti TPPA kerana ia akan memberikan kesan ke atas ekonomi kita kelak. Mengikut laporan Bank Dunia dengan izin, *reported by The Age news from Melbourne, on 11 January 2016, "Australia and the United States benefit the least from the TPPA. The study said it would boost the US economy and Australia economy only by 0.4 peratus by 2030. Other members of TPP stand to benefit much more, according to the analysis. Vietnam's economy would be 10 peratus bigger by 2030, Malaysia 8 peratus and Singapore 3 peratus bigger"*.

Walaupun Australia dan Amerika Syarikat tidak mendapat banyak manfaat daripada TPPA, namun mereka tetap menyertainya. Ini jelas membuktikan kepentingan TPPA dalam ekonomi dunia.

Walaupun saya setuju dengan TPP ini tetapi kebimbangan oleh masyarakat harus diberikan penekanan oleh kerajaan iaitu berkenaan keupayaan pelaksanaannya. Kemampuan untuk bersaing dan meningkatkan kualiti barangan dan menjaga alam sekitar supaya dapat mengikuti standard TPPA yang tinggi ini perlu diberi perhatian.

Terdapat juga 26 akta yang perlu dipinda untuk diselaraskan dengan TPPA ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Kerajaan perlu jujur memberi maklumat tentang kekurangan TPPA ini. Penjelasan yang sebenarnya harus diberikan berkenaan untung rugi TPPA ini kepada rakyat dan negara.

Kesimpulan, selain daripada perkara-perkara yang dibangkitkan, Malaysia perlu mengambil peluang keemasan ini dengan menandatangani satu perjanjian perdagangan yang terbesar di dunia iaitu melibatkan 40 peratus daripada perdagangan dunia. Rakyat perlu sedia untuk mengambil peluang melibatkan diri dalam peluang pasaran yang cukup luas ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng. Silakan Yang Berhormat.

11.55 pg.

Tuan Chia Song Cheng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut sama dalam membahaskan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik atau dikatakan TPPA.

Penyertaan TPPA merupakan satu keputusan yang amat penting pada Malaysia kerana ia satu langkah tepat untuk meliberalisasikan ekonomi Malaysia iaitu mengamalkan ekonomi Malaysia terbuka dan meletakkan Malaysia dalam dunia antarabangsa sebagai rakan perdagangan yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan yang lebih luas, TPPA akan membolehkan Malaysia menikmati akses pasaran baru, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, menggalakkan persaingan sihat dan juga inovasi, menarik pelaburan langsung asing atau FDI yang akan mewujudkan peluang pekerjaan yang baru yang lebih baik dan juga meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya dalam kesihatan ataupun perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, pengkritik terhadap TPPA menyatakan bahawa TPPA akan menyebabkan rakyat Malaysia menghadapi masalah untuk mendapat perubatan yang murah serta meningkatkan kos perubatan di Malaysia. Namun, dua kajian bebas yang telah dijalankan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) dan Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS), tetapi bukan penganas ISIS, telah menyatakan impak terhadap perubatan dan kesihatan awam di Malaysia minimum.

Selain itu, penjelasan yang telah disampaikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga menyatakan bahawa Malaysia masih mempunyai had mudah untuk menentukan perlindungan mengenai hal ehwal perubatan dan kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, melalui peluang ini saya ingin membahaskan topik mengenai isu-isu paten dan hal perubatan yang masih membimbangkan rakyat. Saya juga harap perkara yang saya bangkitkan akan memberi kefahaman kepada orang ramai dan menggesa kerajaan dan kementerian untuk memberi tumpuan khas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan merujuk kepada bab hak harta intelek (IP) TPPA, ubat-ubatan farmaseutikal dibincangkan dengan dua kategori utama. Pertama *biologic* iaitu produk perubatan yang sangat rumit terutamanya *biologic* melibatkan komponen perubatan seperti vaksin, komponen darah, sel-sel somatik, terapi gen dan alahan yang telah disintesis secara kimia daripada sumber biologi.

■1200

Nombor dua, biosimilar merupakan produk perubatan replika yang menyerupai atau ada persamaan dengan produk perubatan lain. Pengeluar biosimilar masih perlu menjalankan ujian klinikal untuk membuktikan keselamatan dan keberkesanan biosimilar sebelum diluluskan oleh pihak berkuasa dan sebelum dipasarkan. Replika tetap merupakan saringan daripada *biologic*. Saintifik asas yang mustahil untuk di replika semula. Pada pandangan umum, ubatan generik dan biosimilar adalah sama tetapi ia adalah tidak benar. Biosimilar berbeza daripada generik dalam kerumitan proses pembuatan dan data yang diperlukan untuk menunjukkan persamaan untuk kelulusan.

Ubatan generik saringan produk kimia serupa ubat. Kebiasaannya pengeluar ubat generik bolehlah menghasilkan ubat generik apabila syarikat paten asas inovasi telah tamat. Kebimbangan utama daripada orang ramai adalah bahawa sekiranya Malaysia menandatangani TPPA, berkemungkinan ubat generik akan menjadi lebih mahal. Sebaliknya, perkara tersebut tidak benar kerana tidak ada peruntukan di bawah TPPA mewajibkan Malaysia untuk berbuat demikian. Selepas TPPA ditandatangani, harga ubatan yang selalu digunakan oleh rakyat mempunyai impak yang minimum dan perubahan harga tidak disebabkan oleh paten.

Tuan Yang di-Pertua, MITI juga telah menjelaskan bahawa tidak akan ada lanjutan paten diberikan kepada mana-mana pembekal paten asas kecuali jika langkah tambahan untuk mendapatkan paten dan kelulusan pemasaran daripada pihak berkuasa Malaysia mengambil masa lebih lama daripada lima tahun. Namun, keadaan untuk ini berlaku amat kecil peratusnya kerana Malaysia mempunyai kecekapan yang tinggi bagi kelulusan ubat-ubatan baru dan *biological* iaitu 245 hari. Walaupun kajian akademik telah menunjukkan harga perubatan telah meningkat di negara-negara yang mempunyai perjanjian perdagangan mereka tidak berkaitan dengan rejim IP yang lebih kukuh. Sebaliknya, faktor-faktor lain yang boleh menyumbang kepada inflasi harga ubatan ialah:

- (i) kurang kawalan oleh pihak berkuasa ke atas harga farmaseutikal;
- (ii) kekurangan skala pengeluar generik tempatan;

- (iii) perubahan nilai mata wang Malaysia;
- (iv) peningkatan penyelidikan;
- (v) pembangunan dan kos pemasaran;
- (vi) amalan pengiklanan dan juga perolehan yang tidak kompetitif; dan
- (vii) kelakuan oportunistik untuk untung dari farmasi dan juga klinik swasta.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan juga kebimbangan terhadap perkara perubatan dan juga kesihatan awam yang perlu dibangkitkan. Pertama, ubat-ubat biologi khususnya seperti wasir, HIV mungkin kekal mahal walaupun paten telah tamat. Ini adalah kerana industri farmaseutikal tempatan kita masih tidak ada keupayaan seperti modal insan dan juga infrastruktur untuk meniru dan juga mengeluarkan semula sebagai ubat generik.

Oleh itu, syarikat farmaseutikal yang mencipta ubat itu dapat mengenakan harga premium ke atasnya dan rakyat yang memerlukan ubat tersebut akan menderita. Saya mengesyorkan bahawa kerajaan perlulah mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan dan juga membantu pengeluar generik tempatan kita untuk mencapai kapasiti untuk menduplikasikan semula ubat-ubatan tersebut.

Nombor dua, terdapat kelemahan dalam bab harta intelek TPPA yang boleh dieksploitasi oleh pengeluar ataupun syarikat pencipta ubat. Jika sesuatu ubat yang paten telah tamat tempoh didapati mempunyai kegunaan baru atau didapati tidak merawat penyakit lain, syarikat yang menjumpainya bolehlah dapat memohon di bawah paten yang persaingan baru. Contohnya, hipotesis dengan andaian panadol ubat generik dan juga dikenali untuk mengubati demam. Jika ubat panadol yang sama didapati dapat mengubati Ebola, syarikat pengasas bolehlah memohon paten persaingan baru untuk merawat Ebola. Ini bermakna bahawa bagi ubat yang sama jika ia dipreskripsikan untuk demam, harganya akan ikut harga generik dan jika ia dipreskripsikan untuk Ebola, harganya akan ikut harga paten dan menjadi harga yang ketara lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang doktor yang telah mendiagnosis seorang pesakit dengan Ebola, anda yang meletakkan panadol sebagai demam ataupun Ebola. Meskipun ini sesuatu isu etika, saya menggesa bahawa kerajaan dan juga perunding dalam rundingan TPPA haruslah mendapatkan penjelasan dan cuba untuk menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua dan juga semua Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kita terdapat banyak kepentingan TPPA. Kalau tidak, negara lain tidaklah akan menyertai TPPA. Kita juga boleh nampak bahawa dengan menandatangani TPPA, kita akan dapat meningkatkan pelaburan asing ke Malaysia dan kita percayai bahawa TPPA adalah baik kepada negara Malaysia. TPPA merupakan inisiatif membentuk Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) di kalangan 12 buah negara yang berjumlah sebanyak 800 juta orang penduduk dan juga gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Saya percaya dan yakin bahawa perjanjian tersebut akan meningkatkan lagi pelaburan berteknologi tinggi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak syarikat Amerika, syarikat yang melabur di negara kita ini. Sekiranya Malaysia tidak menjadi ahli TPPA, maka produk yang hendak diekspor ke Amerika mungkin akan dikenakan cukai. Kita perlu lihat TPPA daripada aspek positif dan juga implikasinya terhadap negara yang kita cintai Malaysia. Setelah ditandatangani TPPA pada 4 Februari nanti, saya percaya dan yakin bahawa Malaysia akan menuju ke negara yang maju dan juga kita akan mengamalkan ekonomi yang terbuka dalam dunia perdagangan ini. Rakyat Malaysia juga akan menikmati kehidupan yang lebih senang dan kita akan dapat menambah lagi banyak pekerjaan dalam negara kita ini. Kita bersama-sama menuju kepada sebuah negara yang maju berekonomi tinggi dan juga kita akan berpendapatan lebih baik lagi.

■1210

Maka dengan ini dapat saya membahaskan tentang usul menyokong TPPA ini, saya percaya dan yakin bahawa demi kebaikan negara kita ini dan juga lebih kebaikan daripada keburukan. Saya akhiri ucapan perbahasan saya dengan menyokong TPPA ini dan saya juga berharap bahawa perbahasan yang saya telah kemukakan dapat dipertimbangkan oleh kementerian dan kerajaan secara mendalam.

Negara kita akan memperoleh lebih manfaat kos daripada TPPA. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Silakan Yang Berhormat.

12.11 tgh.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya turut membahaskan usul perjanjian perkongsian *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) pada Dewan yang mulia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat bersyukur kerana Yang Berhormat Menteri MITI, Dato' Sri Mustapa Mohamed telah membuat satu pembentangan yang amat terperinci pada pagi yang mulia ini. Kita melihat bahawa usul ini membuktikan ketelusan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bahawa setiap yang diusulkan ini dibawa ke Parlimen.

Walaupun kerajaan tidak perlu berbuat demikian, tetapi dengan adanya ketelusan kerajaan maka kita hari ini dapat melihat dan menunjukkan kesungguhan dan ketelusan kerajaan mendapatkan pandangan dari semua pihak sebelum Malaysia menyertai perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kerajaan telah memilih untuk tidak menyertai TPPA atau bersikap tunggu dan lihat tetapi dengan ketelusan yang ada pada kerajaan hari ini kita mendapati bahawa keputusan menyertainya kemudian akan menyebabkan kita tidak mempunyai kuasa tawar-menawar terhadap perjanjian itu. Jadi memang keputusan kerajaan menyertai TPPA bagi mewujudkan perhubungan perdagangan yang lebih luas demi masa depan negara tidak perlu dipertikaikan lagi. Semua pihak termasuk pembangkang supaya bersama-sama dengan kerajaan menjayakan agenda besar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghadiri *pre-council* semalam di Ballroom Seri Pacific dan mendapati dan mendengar dengan sejelas-jelasnya apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed selaku Menteri MITI amat jelas bahawa Malaysia akan terlepas peluang yang banyak sekiranya kita tidak menyertainya pada hari ini. Malaysia akan terlepas menjadi status negara maju sekiranya kita tidak menyertai ataupun menolak perjanjian perkongsian *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) ini.

Dalam penjelasan beliau semalam juga menunjukkan bahawa menerusi TPPA negara dijangka menerima pelaburan tambahan sebanyak USD136 bilion hingga USD239 bilion. Selain dapat mewujudkan dua juta peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia menjelang tahun 2027 yang sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan yang masuk ini mampu mencipta pasaran dan perniagaan lebih luas dan jika perniagaan negara kecil seperti Malaysia tidak cukup, maka kita harus menerima pembaharuan perniagaan untuk terus berkembang. Mengikut apa yang telah saya ikuti dalam Persidangan Dewan Rakyat semalam, kerajaan merasakan bahawa amat penting untuk merebut peluang menjadikan ia sebuah batu loncatan kepada hala tuju negara demi meningkatkan ekonomi rakyat dan negara.

Saya juga menerima daripada rakan-rakan sebelum ke Kuala Lumpur mengenai kerisauan-kerisauan yang mungkin terdapat dalam perjanjian TPPA. Saya menyarankan kepada kerajaan untuk melihat perkara ini dengan serius agar selepas ini akan banyak penerangan di peringkat akar umbi, penjelasan yang begitu jelas supaya mereka memahami inti pati daripada perjanjian TPPA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju dengan pandangan yang disuarakan oleh seorang Ahli Dewan Rakyat semalam yang meminta supaya semua institusi penyelidikan perjanjian *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) diwujudkan selepas perjanjian perdagangan ditandatangani. Ini amat penting kerana ia boleh dijadikan satu daripada institusi bagi mengawal selia, berfungsi sebagai menyelia dan memantau pindaan akta dan harus dipatuhi oleh Malaysia dalam TPPA.

Isu yang besar wajar dijadikan kajian perusahaan kecil dan sederhana bumiputera di mana dan bagaimana PKS dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Saya juga bersetuju dengan satu pandangan daripada Presiden Kesatuan Sekerja yang mengatakan bahawa CUEPACS tidaklah bersetuju dengan warga asing menjadi pemimpin kesatuan sekerja di negara ini seperti terkandung dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pacific (TPPA).

Sebagai mana yang kita maklum sekiranya warga asing menjadi pemimpin dalam persatuan ini mereka tidak faham dengan cara hidup dan adat resam budaya rakyat Malaysia dan tidak memahami nilai murni masyarakat kita. Ini amat penting supaya pemimpin yang bakal menerajui kesatuan sekerja ini terdiri daripada warga kita. Kita khuatir ia akan menyebabkan warga asing menagih campur tangan kelak dan biarlah rakyat kita yang memimpin persatuan.

Dalam peringkat negeri Sabah pula, kita mengharapkan beberapa *ekspektasi* iaitu Kerajaan Negeri Sabah mengharapkan agar melalui TPPA kos barangan ke negeri Sabah dapat dikurangkan termasuklah masalah-masalah yang belum terlerai sehingga hari ini iaitu Polisi Kabotaj. Kita juga berharap dengan polisi TPPA dapat meningkatkan usaha Kerajaan Negeri Sabah dalam program konservasi hutan termasuklah pemeliharaan habitat hidupan liar.

■1220

Dalam dasar dan polisi TPPA, kita juga berharap bagi negeri Sabah agar polisi terbuka dalam industri pelancongan dapat dipergiatkan dan saya mengambil contoh supaya negeri Sabah diberi banyak penerbangan terus kepada pelancong-pelancong dari luar negara ke negeri Sabah Negeri di Bawah Bayu agar dengan membuat demikian sekali gus, dapat meningkat ekonomi negeri Sabah dalam industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin utarakan mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan kita yang telah kita martabatkan selama ini iaitu dalam kita mengajar pembangunan dan meningkatkan ekonomi dan mencari keuntungan. Janganlah pula kita lupa dan abaikan Bahasa Kebangsaan kita walaupun ia sudah sememangnya termaktub dalam perlembagaan kita tetapi ia juga sebagai jati diri bangsa kita iaitu bangsa Malaysia.

Apabila TPPA ini bergerak sepenuhnya dan lambakkan barangan dan perkhidmatan akan berada di pasaran. Saya risau banyak syarikat dengan alasan melariskan perniagaan akan mengabaikan penggunaan Bahasa Kebangsaan dan menggunakan istilah-istilah dan label yang seratus peratus Bahasa Inggeris. Saya akui dengan penggunaan Bahasa Inggeris, negara luar akan lebih memahami produk kita. Akan tetapi, saya ingin mengambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua, iaitu bila kita melihat produk barangan dari Jepun. Di mana kedai-kedai ini produk mereka dijual dengan murah dan mendapat sambutan yang hebat dan sekiranya kita melihat produk mereka hanya tertera tulisan Jepun. Langsung tiada Bahasa Inggeris. Kalau ada Bahasa Inggeris pun hanya terdapat pada tajuk sahaja tetapi produk negara Jepun ini laris dalam pasaran dan masyarakat Malaysia boleh menerima produk-produk ini. Ini kerana mereka tidak melihat pada bahasa tetapi mereka melihat pada mutu dan kualiti produk tersebut.

Persoalan saya ialah adakah pihak kementerian atau kerajaan ada mempunyai mekanisme dan perancangan untuk memastikan produk-produk kita menggunakan Bahasa Kebangsaan kita. Saya rasa tidak salah sekiranya dikenakan dan disediakan *garis* panduan yang ketat dan memastikan syarikat-syarikat menggunakan Bahasa Malaysia pada produk mereka yang akan dipasarkan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya mengenai kesiapsiagaan daripada segi perundangan. Kita berdagang dengan 11 buah negara. Negara-negara yang terlibat pula negara dengan ekonomi yang besar. Maka kebimbangan saya sekiranya ada syarikat Multinasional yang boleh mengenakan syarat yang tidak serasi dengan budaya dan suasana negara kita. Soalan saya, apakah langkah terkini yang diambil oleh kerajaan dalam mempertahankan negara kita daripada segi undang-undang dan polisi kerajaan? Ini kerana negara-negara berkuasa besar mungkin menindas menggunakan senjata sebaliknya besar mungkin menindas menggunakan alasan ekonomi dan perundangan.

Semoga pihak kementerian akan dapat mengukuhkan lagi undang-undang kita. Pindalah apa-apa peruntukkan undang-undang yang sedia ada dan kami di Dewan Negara akan sentiasa menyokong langkah-langkah kerajaan demi menjaga kedaulatan dan kemakmuran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terpanggil membawa isu ini walaupun sedikit terkeluar daripada tajuk tetapi saya rasa membawa ini kepada dewan yang mulia pada pagi ini. Perkara ini juga menyahut seruan Tuan Yang di-Pertua kita Tan Sri Speaker bahawa Dewan Negara bukanlah Dewan “*rubber stamp*”. Pihak kerajaan membawa usul ini kepada Parlimen untuk dibahaskan oleh kedua-dua dewan dan Menteri pun sanggup bentang sendiri di dalam dewan yang mulia ini.

Tetapi malangnya untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, media seolah-olah tidak mengetengahkan persidangan Dewan Negara kita pada hari ini. Buktinya apabila semalam di *Buletin Utama* TV3 yang saya lihat, pemberita membuat liputan persidangan khas TPPA memaklumkan bahawa Parlimen telah lulus usul TPPA. Saya berasa agak pelik, hairan dan terperanjat bila Parlimen luluskan TPPA sedangkan hari ini Dewan Negara baru bersidang dan membincangkan usul ini. Usul ini, kita belum bahas dan putuskan tetapi di media telah tersebut Parlimen luluskan TPPA.

Satu lagi contoh ialah siaran langsung persidangan Dewan. Menjadi kebiasaan RTM menyiarkan lintas langsung persidangan dewan dari jam 10 hingga 11.30 pagi. Selama dua hari semasa Dewan Rakyat bersidang, disiarkan Persidangan Dewan Rakyat di TV1. Malah satu temubual khas mengenai TPPA disiarkan sebelum dewan bersidang. Tetapi Tuan Yang di-Pertua malangnya pada pagi tadi semasa Dewan Negara bermula bersidang jam 10 pagi tadi RTM siarkan *National Geographic* dan tidak berlintas langsung Persidangan Dewan Negara. Menteri sendiri membentangkan usul, tidak disiarkan di TV1. Inikan pula kita Ahli Dewan Negara yang akan membahaskan dan memutuskan usul ini pada hari ini. Saya juga berasa sedih Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh berlaku dan saya memohon kepada pihak media terutama RTM dan TV3 lebih prihatin mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua dengan hujah-hujah demikian dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Silakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Datin Rahimah binti Haji Mahamad tiada dalam dewan. Silakan Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

12.28 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam perjanjian Trans-Pacific ataupun ringkasnya TPPA.

Pertamanya saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana keluar ke tandas tadi.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa teruskan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Tuan Yang di-Pertua pertamanya saya tahniah pada Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Mustapa Mohamed dan *teamnya* yang begitu gigih memberi taklimat kepada kita baik secara forum rasmi ataupun kepada badan-badan profesional. Malah turun ke negeri-negeri di seluruh Malaysia.

■1230

Pada pendapat saya TPPA memberi peluang kepada rakyat jelata untuk terus mendapat peluang pekerjaan terutamanya di negeri Kelantan. Contohnya di Kelantan ada sebuah syarikat Jepun bernama Rohm-Wako Electronics (M) Sdn Bhd yang sudah 30 tahun beroperasi di Pengkalan Chepa. ROHM-Wako Electronic (M) Sdn Bhd ini membawa pelaburan bernilai RM 924 juta dan memberikan peluang kepada 1700 orang pekerja dan mengeluarkan eksport LED ke seluruh dunia.

Jadi, saya rasa kalau lah pelaburan ini lebih besar lagi terbuka dengan adanya TPPA ini, maka rakyat Kelantan tidak perlulah berhijrah ke luar negeri, maknanya pergi ke Pulau Pinang, Johor dan seterusnya.

Golongan wanita Kelantan yang memang telah lama menceburkan diri dalam perniagaan terutamanya PKS, akan menikmati peluang untuk mendapatkan lebih banyak pilihan barangan jualan dan membolehkan mereka juga berniaga di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, setelah melakukan beberapa kajian dan mendapatkan pandangan daripada pakar-pakar terlibat, memang wujud kelebihan-kelebihan yang akan dinikmati oleh rakyat kita khususnya. Antaranya, TPPA bakal membolehkan produk atau servis dari Malaysia menembusi pasaran negara, negara ahli dengan lebih mudah, dengan bahasa mudahnya, skop perniagaan para peniaga akan menjadi lebih luas.

Difahamkan duti import bagi hampir semua produk akan dihapuskan di bawah TPPA. Pada dasarnya, hasilnya akan menyediakan peluang akses yang lebih besar bagi syarikat-syarikat Malaysia terutamanya di pasaran Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru yang mana Malaysia tidak mempunyai FTA. Ekoran ini, pengeksport Malaysia akan mendapat kelebihan daya saing berbanding pesaing serantau dalam mengeksport produk daripada sektor elektrik dan elektronik, bahan kimia barangan minyak sawit, keluaran getah, barangan kayu, tekstil dan juga bahagian dan komponen automotif.

Jelas, semua ini merupakan eksport utama bagi Malaysia dan bakal menjana sejumlah besar pendapatan bagi ekonomi negara dan mengambil ribuan rakyat Malaysia sebagai pekerja. Sehubungan itu, TPPA dijangka dapat menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara kita. Ini adalah kerana para pelabur yang mendirikan kilang di negara kita akan dapat mengeksport ke pasaran yang lebih luas di kalangan negara anggota TPPA yang menguasai 40 peratus daripada pendapatan KDNK dunia. Kemasukan pelabur asing akan dapat menjana peluang pekerjaan baru dalam sektor eksport dengan pendapatan pekerja yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, perjanjian TPPA turut dijangka mampu meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan rakyat dalam jangka masa sederhana dan jangka panjang. Duti import bagi hampir semua produk akan dihapuskan di bawah TPPA. Ini bermakna para pengguna akan dapat menikmati lebih banyak pilihan dalam membeli produk yang digunakan secara harian dan meningkatkan peluang pekerjaan di negara kita dan negara lain yang menyertai TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya berpandangan bahawa kerajaan hendaklah mengambil langkah bagi mempertingkatkan manfaat TPPA ini bagi negara kita. Antaranya, kerajaan dicadangkan menganjurkan kursus, bengkel yang sewajarnya bagi memastikan bahawa rakyat negara kita khususnya para pengusaha kecil dan sederhana maklum dan mahir mengenai cara mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan baru khususnya dalam pasaran eksport yang diwujudkan melalui TPPA.

Ekoran daripada pengurangan dan penghapusan duti import dan pembukaan pasaran dalam negara Malaysia yang lebih luas kepada anggota TPPA lain, sesetengah pengusaha Malaysia akan menghadapi persaingan yang lebih sengit. Sungguh pun pengguna akan mendapat manfaat jika terdapat lebih persaingan di kalangan peniaga, pengusaha tempatan yang mungkin terjejas dengan persaingan yang lebih sengit hendaklah dibantu supaya lebih efisien dan berdaya saing atau untuk memasuki bidang perniagaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajukan beberapa persoalan yang lazimnya ditimbulkan oleh rakyat bawahan terutamanya di media-media sosial hari ini dan saya mohon pandangan Yang Berhormat Menteri dalam isu-isu yang saya bangkitkan ini. Pertama, benarkah Kerajaan Malaysia boleh disaman oleh pelabur luar di tribunal antarabangsa yang berpangkalan di Washington dan Geneva jika terdapat dasar-dasar kerajaan yang boleh merugikan hak pelabur luar dan menghalang aktiviti perdagangan mereka?

Jika benar, ini tentunya menjejaskan bidang kuasa kerajaan dalam menentukan apa yang terbaik untuk rakyat dan negara. Saya mohon pengesahan Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan-kerajaan negeri tidak akan terdedah kepada didakwa oleh syarikat gergasi asing sehingga terpaksa menyerah tanah atau apa jua hartanah milik mereka jika hartanah itu dikehendaki oleh syarikat asing itu untuk tujuan perniagaan.

Kedua, TPPA juga menyebabkan bidang pelaburan dan khidmat undang-undang dan pelbagai khidmat profesional tempatan yang lain terpaksa berhadapan dengan persaingan pasaran terbuka. Mampukah industri perkhidmatan kita berhadapan dengan kemasukan syarikat gergasi ini?

Ketiga, TPPA melanjutkan perlindungan hak cipta bahan-bahan rujukan dari 50 tahun selepas kematian penerbit kepada 120 tahun. Ini bermakna segala bahan rujukan yang kini percuma dan telah didigitalkan akan menjadi terhad kepada pengguna. Ini juga bermakna segala bahan rujukan wajib dibeli atau wajib dibayar sewa sekali gus mengehendaki kemudahan ilmu kepada rakyat yang kurang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui TPPA ini ada baiknya untuk negara kerana kita bergantung kepada kemasukan pelabur luar untuk memacu ekonomi negara kita. Akan tetapi masih terdapat aspek tertentu daripada TPPA ini yang perlu diperjelaskan supaya kemusykilan yang ada di kalangan rakyat ini akan dapat diatasi.

Globalisasi atau dunia tanpa sempadan merupakan satu realiti yang harus dihadapi oleh setiap negara ekoran perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Jika kita semata-mata cuma mengelak atau menafikan realiti ini, kita akan terus ketinggalan. Oleh itu, pendekatan terbaik adalah bagi kita berusaha mengambil kesempatan untuk rakyat negara kita dengan mencari peluang yang timbul dan memanfaatkannya. Dengan ini, saya mohon menyokong hasrat kerajaan menandatangani perjanjian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong. Silakan Yang Berhormat.

12.39 tgh.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan usul bagi Malaysia menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik iaitu TPPA.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, kita patut beri ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana begitu komited dalam memberikan penerangan kepada masyarakat mengenai perjanjian ini. Begitu tingginya komitmen Yang Berhormat Menteri. Kita lihat Yang Berhormat Menteri sendiri turun padang mengendalikan sesi penerangan ke seluruh negara berkenaan TPPA. Ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri adalah orang yang berani dan telus. Saya sendiri telah menghadiri beberapa penerangan yang dikendalikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Daripada sesi penerangan itu, saya boleh simpulkan bahawa Yang Berhormat Menteri memang orang yang berpengetahuan luas berkaitan TPPA, *finger tips information*, dengan izin, serta memperlihatkan sikap patriotik yang tinggi. Selama ini pun kita tidak pernah mendengar kementerian yang diterajui olehnya berhadapan dengan masalah. Penerangan yang jelas dan mudah difahami inilah yang kita mahu, inilah yang kita juga kehendaki oleh rakyat di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga patut ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kerana mempertahankan kepentingan meneruskan agenda memperkasakan masyarakat bumiputera. Kita dimaklumkan bahawa itu adalah syarat yang telah diletakkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jika Amerika mahu Malaysia menyertai TPPA. Kita dimaklumkan juga, hasil ketegasan itu akhirnya Presiden Barack Obama bersetuju dengan cara itu.

Walau bagaimanapun, kita juga difahamkan bahawa apabila TPPA dilaksanakan kelak, semua syarikat dari luar negara juga boleh mengambil dalam tender projek kerajaan. Kita dimaklumkan bahawa pada peringkat permulaan, mereka hanya boleh mengambil bahagian dalam *tender* yang berjumlah RM315 juta ke atas dan kadar itu akan dikurangkan sehingga RM70 juta dalam tempoh 20 tahun. Ini bererti dalam tempoh 20 tahun, syarikat dari luar negara boleh mengambil bahagian dalam projek yang nilainya serendah RM70 juta.

Sedangkan inilah projek yang banyak dilaksanakan oleh syarikat-syarikat bumiputera dan syarikat tempatan. Apabila perkara ini dikurangkan dalam jangka panjang, ketika itu syarikat-syarikat tempatan, termasuk bumiputera tidak mempunyai sebarang keistimewaan lagi. Mereka perlu bersaing dengan syarikat-syarikat lain, termasuk dari luar negara. Soalan saya, adakah ini merupakan secara halus dan terancang daripada pihak-pihak luar untuk menghapuskan hak-hak dan keistimewaan yang dinikmati oleh usahawan bumiputera selama ini? Adakah jaminan bahawa pelaksanaan TPPA tidak akan menghakis hak dan keistimewaan bumiputera selama ini? Kita bimbang kerana selama ini pun sesudah 59 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, bilangan syarikat bumiputera benar-benar mencapai tahap yang melayakkan mereka bersaing pada peringkat global masih sedikit bilangannya.

Soalan kedua, apakah jaminan bahawa harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit tidak akan jatuh selepas TPPA dilaksanakan? Oleh sebab inilah yang menjadi persoalan di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya kepada pekebun kecil getah dan kelapa sawit. Oleh sebab mereka bergantung kepada komoditi memberikan sebagai sumber pendapatan.

Soalan ketiga, apa jaminan bahawa selepas pelaksanaan TPPA, minyak sawit di negara kita akan diterima oleh negara-negara Barat, termasuk Amerika Syarikat sendiri dan juga di Timur Tengah?

Kita tahu ketika ini kempen anti-minyak sangat kuat didalangi oleh minyak pengeluar minyak soya dan minyak matahari ini, *sunflower* ini, yang sangat kuat dijalankan oleh badan bukan kerajaan di negara Eropah dan Amerika. Pada 13 Disember 2014, Kesatuan Eropah, peraturan mengenai maklumat makanan atau *food information regulation*, dengan izin, peraturan itu mensyaratkan pengeluar produk makanan negara-negara Kesatuan Eropah melabel minyak sayuran tertentu. Nampaknya peraturan itu telah digunakan untuk memburuk-memburukkan minyak sawit. Awal tahun lalu, akhbar melaporkan terdapat 550 jenis produk yang dilabelkan tidak ada minyak sawit berada dalam pasaran runcit di Perancis dan Belgium.

Awal tahun lalu, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia MPOB menulis dalam sisipan akhbar Berita Sawit bahawa negara-negara pengguna seperti Iran dan China juga turut menyekat penggunaan minyak sawit. *Lobbying* minyak soya ini begitu kuat walaupun Iran dan Amerika hubungannya tidak begitu erat. Akan tetapi oleh sebab *lobbying* kempen minyak soya ini mengakibatkan iklan pun tidak menggunakan minyak kelapa sawit untuk makanan tetapi digunakan untuk buat barang-barang lain seperti sabun dan sebagainya. Sampai sekarang kita belum lagi dapat menembusi pasaran-pasaran Timur Tengah, termasuk di Iran ini.

Misalnya, pada tahun 2014, eksport minyak sawit Iran menurun sebanyak 42.1 peratus menjadi 447 ribu tan berbanding tahun 2013 yang mencapai 635 ribu tan. Eksport ke China dalam tempoh Januari hingga April 2014 dilaporkan juga menyusut 4.6 peratus kepada 1.3 juta tan berbanding 1.6 juta tan yang dieksport dalam tempoh pada tahun 2013.

Nampaknya kita belum boleh menerokai pasaran negara seperti Iran dan China. Persaingan daripada minyak bunga matahari sangat kuat dan juga dengan pengeluar minyak soya. Apakah usaha-usaha kita untuk membetulkan tanggapan yang salah ini? Kita belanjakan jutaan ringgit untuk kempen minyak sawit di luar negara. Misalnya, pada tahun 2014 MPOB memperuntukkan RM16 juta bagi menangani kempen anti-minyak. Apakah jaminan eksport minyak sawit akan bertambah selepas TPPA dilaksanakan? Kita berharap Yang Berhormat Menteri dapat terus memberikan penjelasan mengenai kesan positif dan negatif daripada pelaksanaan TPPA ini kepada masa depan rakyat dan negara.

Oleh sebab sekarang ini ada banyak dakwaan bahawa perjanjian ini akan memberi kesan buruk pada Malaysia, semua ini memerlukan penjelasan yang telus. Misalnya, TPPA akan menindas pekerja tempatan bersaing dengan pekerja mahir daripada negara maju serta buruh murah dibawa masuk oleh syarikat gergasi daripada Amerika dibimbangi akan menyebabkan pekerja tempatan hilang pekerjaan mereka.

Golongan petani pula didakwa terpaksa bersaing dengan produk pertanian dari luar negara. TPPA dikatakan akan memberi kesan buruk kepada industri padi negara apabila beras daripada Amerika Syarikat dipasarkan di negara ini dan cukai import terhadap makanan dihapuskan. Ada pihak mendakwa kedaulatan undang-undang negara juga akan tercabar, kononnya negara kita boleh di saman berbilion *dollar* Amerika jika mengadakan peraturan baru selepas TPPA. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita juga melihat dalam media sosial ada banyak dakwaan dan kebimbangan yang disuarakan dan disebar.

Saya hanya memetik beberapa contoh daripadanya. Saya rasa semua dakwaan dan kebimbangan ini hendaklah diberikan penjelasan sejelas-jelasnya. Perkara ini penting kerana ia membabitkan masa depan rakyat dan negara kita. Oleh itu, penjelasan yang telus dan jelas juga adalah penting untuk mendapat keyakinan dan sokongan. Akan tetapi saya percaya kepada komited tinggi yang ditunjukkan oleh Menteri dan pasukannya untuk merealisasikan TPPA ini supaya ia menjadikan satu usaha yang baik untuk pembangunan negara. Jadi, dengan ini saya menyokong TPPA ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Silakan, Yang Berhormat.

■1250

12.50 tgh.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Usul TPPA yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada pagi tadi.

Saya, pertama mengatakan sokongan yang penuh kepada Usul TPPA ini untuk disertai oleh Malaysia kerana setelah berbincang bertahun-tahun dan saya mengikutinya juga dalam akhbar dan juga perbincangan-perbincangan NGO di Parlimen, saya mendapati banyak yang lebih baik daripada yang tidak baik. Ia lebih menguntungkan negara dan rakyat daripada merugikan. Dengan itu, saya menyokong penuh usul ini untuk diluluskan di Dewan Negara pada penghujung persidangan nanti.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan juga Dato' Sri Mustapa Mohamed kerana berjaya mempengaruhi peneraju TPPA iaitu Amerika Syarikat khususnya Presiden Obama untuk memasukkan banyak agenda utama negara. Buat kali pertama mereka mengiktiraf dasar-dasar negara kita. Ini satu kemenangan besar bagi Malaysia seperti mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Semua dalam Perlembagaan tidak ada yang dikeluarkan. Apa yang dibincangkan atau yang kita setuju tidak lari daripada Perlembagaan Negara. Ini satu pencapaian yang luar biasa. Tahniah saya ucapkan.

Ini termasuk daripada segi kedudukan kita menentukan kerajaan kita. Proses demokrasi negara berperlembagaan berteraskan Raja Berperlembagaan kedaulatan undang-undang. Bermakna kedudukan Raja tidak dihakis. Kedudukan adat istiadat orang Malaysia yang berbilang kaum terutama adat istiadat Melayu, kedudukan bumiputera termasuk hak-hak bumiputera di Sabah dan Sarawak tidak juga diganggu dalam TPPA.

Begitu juga kedudukan Agama Islam ia terjamin. Nilai-nilai Islam ini juga terjamin. Kita bimbang sudah ada TPPA, kita kena terima pornografi. Ini tidak, kita boleh sekat pornografi. Kita bimbang kita tidak boleh menggunakan halal. Akan tetapi dalam TPPA nampaknya halal pun dibenarkan juga. Jadi, asas-asas ini amat penting bagi kita termasuk hak bumiputera, kuota dalam tender dan sebagainya. Ini semua dijamin.

Saya terperanjat juga wakil pembangkang nampak kali ini ada menyebut macam hendak mempertahankan hak bumiputera tetapi kempen dekat luar, dia tidak mahu. Mengapakah bumiputera jadi beban begini?

Ada hak pergi universiti, ada pula bumiputera ada hak masuk tender. Akan tetapi dalam ini tadi macam hendak pertahankan hak bumiputera. Kalau macam itu baguslah. Kalau sudah macam itu, sokonglah TPPA. Ini tidak sokong pula. Jadi, cakap ini berulang balikkah. Ini, cakap tidak serupa bikin. Saya percaya hati pembangkang setuju TPPA ini, mulut kata tidak setuju kerana politik. Itu sahaja.

Ini kejayaan yang amat penting sebab itulah saya menyokong penuh kerana kedaulatan negara kita tidak dijual. Kalau Obama menyebut macam kata Yang Berhormat Ariffinkah atau Yang Berhormat Khairiah? Dia kata hendak menguasai negara-negara TPPA. Akan tetapi nampaknya kita berjaya mempertahankan hak kita. Jadi, itu satu kejayaan. Kalau Obama hendak cuba tetapi kita mampu pertahankan. Jadi, patutlah kita sokong.

Saya juga hendak ulas sedikit sebelum masuk perkara yang lain. Kenyataan Datuk Adam tadi bahawa inilah satu-satunya negara daripada 12 buah negara TPPA menyerahkan keputusan kepada Ahli Parlimen dan Dewan Negara. Negara lain dia sudah dapat kuasa dia jalan sahaja, tetapi nampak kita di Malaysia ini demokrasi amat terbuka. Tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengizinkan ia dibincangkan di Parlimen dengan berani untuk menerima sebarang teguran dan sebagainya.

Sebenarnya ekonomi terbuka ini sudah mula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka dahulu. Dari dahulu pun Raja Melaka berdagang dengan semua orang, Timur dan Barat hingga Pelabuhan Melaka itu menjadi rebutan dari Eropah, dari Portugal, Belanda, Britain, bahkan Jepun pun datang kerana Melaka mengamalkan perniagaan terbuka. Kita teruskan sampai sekarang, kita telah menandatangani 13 *free trade agreement* dan ini termasuk yang ke-14 lah saya rasa, masuk TPPA.

Jadi, apakah ada masalahnya? Kita kena cari kawan, kita hendak tumbuhkan ekonomi kita tidak boleh terlalu duduk macam "katak bawah tempurung". Kita fikir inilah sahaja dunia kita. Kita punya barang banyak ini. Manakah kita hendak hantar kalau kita tidak ada kawan-kawan? Kalau kita lambat masuk, orang lain sudah *join*. Baru lepas itu kita hendak masuk kemudian. Benda semua sudah habis. Hari ini kita punya saingan kuat.

Tengok Vietnam, hari ini semua mereka boleh buat. Barang-barang yang dibuat di negara China dahulunya murah, hari ini saya terperanjat pergi Vietnam. Vietnam sudah boleh memotong kos pengeluaran dan kos jualan. Harga barang sebahagian di Vietnam lebih murah dari di negara China. Kalau kita masih lagi berfikiran sempit, saya percaya akan datang Vietnam *join* TPPA, nanti Vietnam lebih maju daripada kita. Dahulu kita dengan Korea sama hendak maju. Akhirnya hari ini Korea sudah potong kita. Ini pun kalau kita silap lagi sekali, saya percaya kita juga akan ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Ariffin ada sebut, beliau bimbang pasal ubat ini. Akan tetapi saya hendak beritahu beliau, dalam ubat ini pun kerajaan sudah bincang. Harga ubat dia takut naik, tetapi saya difahamkan undang-undang Malaysia memperuntukkan perlindungan paten selama 20 tahun dan ini kekal di bawah Perjanjian TPP, konsisten dengan terma di bawah WTO. Tempoh perlindungan paten hanya akan dilanjutkan sekiranya berlaku kelewatan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Syarikat farmaseutikal boleh mendaftarkan data ujian ubatan untuk mendapat perlindungan selama lima tahun menerusi proses perlindungan data farmaseutikal yang telah berkuat kuasa semenjak tahun 2011. Undang-undang ini masih kita pakai. Kerajaan bersetuju untuk memberi tempoh perlindungan yang sama bagi produk ubatan biologi. Sebab itu saya berpendapat, buku yang Menteri Dato' Sri Mustapa menyiapkan ini amat penting. Jadi, setiap kita kalau ada keraguan boleh rujuk dan kita boleh baca. Pertubuhan-pertubuhan NGO boleh rujuk dan boleh baca. Saya tengok amat lengkap dan ini boleh menjawab keraguan kita. Saya percaya niat Yang Berhormat Ariffin baik tetapi jawapannya ada. Kita mempertahankan harga-harga ubat ini.

Tadi beliau juga sebut pasal harga beras. Beliau pun takut juga. Nanti beras pun masuk berlambak jadi beras luar murah, beras kita sudah tidak laku. Akan tetapi dalam perbincangan yang telah berjaya dipertahankan oleh Perdana Menteri dan juga Dato' Sri Mustapa banyak telah kita tahu tetapi dalam hal padi ini saya hendak beritahu sistem import dan pengedaran beras di Malaysia tidak tertakluk disiplin TPPA. Ini nanti Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan.

Jadi, kalau orang hendak bawa beras banyak-banyak, katakanlah jual 1 kilogram dengan harga 50 sen, kita boleh tahan dia kerana yang ini kita sudah bincang dan kita sudah setuju dengan TPPA. Sebab itu saya percaya banyak keraguan yang keluar dalam internet sebenarnya telah dilakukan oleh kerajaan yang boleh membantu diterangkan dengan lebih baik.

Yang Berhormat Datuk Lucas tadi, saya sokong beliau punya pandangan. Saya pun baca, orang luar boleh jadi Ketua Union. Ini kacau ini. Kalau pekerja-pekerja luar jadi *union*, dia pula ramai dalam kilang itu, dia pula mogok, mati kita. Sebab itu saya harap dalam verifikasi yang ada tempoh dua tahun ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Yang Berhormat, sambung baliklah sebelah petang selama sepuluh minit.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Sekarang kita sambung semula perbincangan kita. Yang terakhir tadi Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam. Selepas ini untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kita terpaksa kurangkan masa itu tidak lebih daripada 15 minit seorang. Saya akan panggil sesiapa yang fikir perlu untuk mewakili semua pihak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat.

2.33 ptg.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung balik perbincangan saya berkaitan dengan usul TPPA. Saya tadi terakhir menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Lucas supaya kita kena lawan agar memasukkan Pengerusi *Union Industry* kepada rakyat asing itu ditarik balik oleh TPPA. Ini kerana kalau kita benarkan orang luar negara pegang sebagai pengerusi kesatuan sekerja, mereka boleh sabotaj kegiatan industri kita jika ada unsur-unsur yang menggoda mereka. Ini sudah tentu menjejaskan pengaliran negara dan menjejaskan ekonomi negara dalam jangka pendek dan jangka panjang. Saya harap perkara ini akan diambil serius oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan juga ucapan Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa, Menteri Industri tadi dalam pembentangan ada menyebut ada 26 pindaan dalam Rang Undang-undang TPPA dan ada masa 24 bulan untuk lengkapkan proses ratifikasi. Saya harap semua yang dibangkitkan akan terus diperjuangkan agar tidak ada yang tertinggal.

Saya ingin bertanya siapakah ahli-ahli dalam jawatankuasa untuk membincangkan lagi pindaan-pindaan yang akan dibuat. Saya harap tidak akan tertinggal pakar Perlembagaan Negara kerana ini satu isu yang cukup penting agar apa pun yang dipinda tidak akan menghakis apa-apa yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *[Bangun]*

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Kedua, harap dapat dimasukkan juga pakar syariah berkaitan dengan agama kerana hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang menekankan *maqasid* syariah. Apa-apa yang kita buat berlandaskan nilai-nilai Islam supaya hidup kita ini menjadi lebih mendapat keredaan daripada Allah SWT.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi laluan sedikit.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih. Sebenarnya sudah acap kali disebut tentang 26 pindaan yang akan dibuat dalam masa *ratification* dua tahun.

Cuma saya mohon MITI *detail* kan sebenarnya apakah 24 akta ataupun 24 undang-undang yang akan dipinda. Oleh sebab apabila disebut 26 macam-macam seperti yang disebut tadi supaya 26 ini tidak menjejaskan apa yang telah kita jamin tadi. Saya mohon didetailkan. Sekian.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bimbang juga takut senyap-senyap dimasukkan Comango dalam itu. Kita tahu geng-geng kita ini ramai juga yang *pro COMANGO* kan kecuali- jadi kerana itu kita kena serius dalam perkara ini supaya tahulah Amerika dan juga negara Barat mereka ini semua boleh Tuan Yang di-Pertua. Lelaki kahwin lelaki pun boleh, perempuan kahwin perempuan pun boleh. Nanti pula ada bawa masuk boleh pula berniaga macam di negara Barat, kalau nak buat tidak baik, ada orang dalam cermin dan sebagainya. Ini kita takut, diselitkan dalam peraturan ini. Jadi kerana itu kita perlu teliti kerana ada masa dua tahun.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut hal perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Saya mendapati memang kita sudah terlambat juga dalam bidang ini. Kalau kita lihat bagaimana Jepun, Taiwan dan Korea maju, mereka masuk dalam bidang PKS ini secara serius. Bukan sahaja pelabur luar negara datang melabur, bagi pekerjaan, eksport balik barang-barang yang dibuat di negara berkenaan ke luar negara tetapi mereka bangunkan kepakaran tempatan, teknologi, usahawan-usahawan mengeluarkan produk buatan negara mereka sendiri. Itulah sebabnya PKS mereka ini melabur pula ke luar negara. Akan tetapi kita di Malaysia banyak PKS tetapi banyak dimiliki oleh pelabur luar negara, multinasional. Memang betul kita eksport itu banyak, inilah kekurangan kita yang belum lagi kita capai.

Jadi oleh sebab itu saya berharap dalam TPPA, ini akan diberi perhatian yang serius. Tadi Dato' Sri Mustapa ada tunjukkan tongkat ali, baguslah, *alhamdulillah*. Kemudian dia tunjukkan barang makanan dari *Adabi, OldTown*, saya harap akan datang masuk pula Kopi Jantan, Kopi Janda, Kacip Fatimah menjadi produk Malaysia yang terkenal di luar negara. Asam pedas dari Melaka, ikan bakar, cendol dan sebagainya.

Akan tetapi kita tidak boleh terhad dalam bidang ini sahaja. Kita kena masuk dalam bidang *electrical, electronic, ICT, bioteknologi* dan *green technology* yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia. Jadi kita keluar barang kita, kita eksport ke Amerika, Peru, Mexico ataupun Chile yang menyertai dalam 12 buah negara TPP ini.

Oleh sebab itu saya berharap ada usaha-usaha yang lebih bersepadu dilakukan oleh pihak kerajaan, bagaimana hendak bangunkan PKS tempatan ini. Kita dulu kalau lihat Jepun ada 'satu kampung, satu produk' atau '*one village, one product*'. Kita pun tiru mereka tetapi tidak berapa berjaya. Kita ada- di Korea, kita pun cuba tiru. Mereka dah berjaya sudah jadi negara maju.

Lepas itu sekarang ini kita lihat ada satu lagi usaha di Thailand, '*one tambon one product*' (OTOP) '*one tambon one product*'. Mereka pun dah berjaya, produk mereka bukan sahaja makanan tetapi termasuk bahan *electrical electronic, biotech, ICT, perikanan, pelabur, green technology* dan sebagainya. Saya percaya kalau tidak kerana isu-isu politik di Thailand, Thailand pun boleh masuk dalam jual baju dengan cepat. Jadi sebab itu saya mencadangkan SCS1 yang hari ini kita pelopori yang Dato' Sri Mustapa sudah buat banyak kali pertunjukan di Melaka sampai sekarang perlulah diperkasakan kerana inilah produk tempatan.

■1440

Bagaimana Thailand sudah berjaya mula daripada 'satu kampung satu produk'. Taiwan, Jepun dan Korea. Kalau kita pergi ke negara China pun Tuan Yang di-Pertua, begitu juga. Kita pergi Yiwu *City*, berjalan berjam-jam tidak boleh habis. Semua barang-barang kecil yang dikeluarkan oleh PKS tempatan dipasarkan sampai orang dari satu dunia datang beli dan bawa balik. Ini satu usaha yang saya fikir patut diberi perhatian agar dalam TPPA kita boleh meningkatkan lagi produk-produk industri PKS tempatan kita bukan sahaja dalam bidang-bidang yang biasa seperti makanan dan sebagainya tetapi masuk dalam bidang-bidang yang berteknologi.

Saya hendak tanya seperti Proton. Sekarang salah satu keuntungan kita dari automatif boleh masukkan mereka. Boleh masuk Chile, boleh masuk Peru. Apakah Proton boleh eksport kereta Proton ke negara ini? Komponennya. Apa usaha-usaha kerajaan, supaya Proton ini boleh kita perembangkan? Ataupun esok tertinggal juga sedangkan peluangnya ada.

Kerana itu bidang-bidang begini saya berharap akan diberi perhatian oleh kerajaan. Antara cara yang terbaik juga mengadakan pusat pameran yang besar. Produk-produk tempatan seperti SDSI.

Kalau kita pergi ke Bangkok, ia sebuah kompleks yang terlalu besar. Dekat Melaka kita ada buat. Dato' Sri Mustapa Mohamed menyokong juga. Kecil sahaja. Produknya pun tidak sempurna kerana tidak semua negeri menghantar. Jadi, kerajaan negeri hendak buat dulu tetapi duit pun tidak cukup. Kita ada 'satu negeri satu kedai'. Akan tetapi sampai sekarang masih lagi merangkak. Saya hendak cadangkan supaya kerajaan misalnya MITI supaya ada sebuah pusat pameran barang-barang tempatan yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih. Supaya ia dapat dipamerkan dan mudah bagi usahawan-usahawan ditingkatkan dan kerajaan boleh memberi bimbingan hingga kita berjaya mengambil peluang yang lebih besar dalam keterbukaan negara-negara TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali menyatakan sokongan kepada TPPA ini kerana pendirian kerajaan yang tegas iaitu Perlembagaan Persekutuan, segala yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan hak-hak negeri akan kekal terpelihara. Dasar-dasar utama seperti agenda pembangunan bumiputera dan perusahaan kecil dan sederhana tidak akan dimansuhkan. Kedudukan agama Islam dalam Persekutuan Negara turut terpelihara. Ini adalah asas yang penting mengapa saya menyokong kita menyertai TPPA di samping membawa keuntungan yang lebih besar dari segi ekonomi iaitu pasaran yang lebih luas supaya kita tidak tertinggal dipotong oleh negara-negara yang lain kerana dalam dunia global pada hari ini kita tidak ada pilihan kecuali mencari rakan kongsi yang lebih ramai dan janganlah kita takut. Jika ada kelemahan-kelemahan kita boleh perbaiki bersama dan seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau kita dapati bermasalah kita boleh keluar balik daripada TPPA ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi untuk saya memberikan ulasan dan juga kupasan saya. Saya lagi sekali menyatakan marilah kita bersama-sama memberikan kerjasama yang sepadu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setelah kita melalui banyak perkara GST sudah selesai. Derma RM2.6 bilion pun sudah selesai. Ketegasan Peguam Negara amat baik. Perdana Menteri memang tidak terlibat dalam apa-apa salah guna kuasa dan undang-undang negara. Yang benar tetap benar dan ia semua telah terserlah. Ini isu yang terakhir, TPPA. Saya harap kita akan sama-sama hadapinya dengan bersatu hati dan sejiwa demi kepentingan rakyat keseluruhannya. Sekian Tuan Yang di-Pertua. Saya sudahkan dengan pantun.

*Dari mana hendak ke mana,
Inilah rumput perwira padi,
Sudah banyak kita berbicara,
Insya-Allah undi kepada TPPA tetap akan saya beri.*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar.

2.45 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada tengah hari ini bersabit dengan TPPA. Suasana ekonomi sekarang dalam era globalisasi telah berganjak kepada pembekalan pasaran yang luas untuk mengembangkan pembekalan, dengan izin, *the supply* dan *demand* permohonan.

Untuk menambah permohonan pasaran, Malaysia harus mengembangkan sayap dan tambah lagi negara dagangan seperti menandatangani TPPA dengan sebelas buah negara yang lain.

Kita mesti ambil maklum yang perdagangan itu boleh diibaratkan sebagai lapangan peperangan, dengan izin, *the battle field*. Kalau kita telah pun memasuki *battle field* dalam ASEAN, dalam Asia dan juga menandatangani 13 FTA, kita telah mengalami satu *battle field* di rantau ini dan dengan TPPA ini kita akan mengembangkannya lagi sayap kita dan seharusnya kalau kita lihat persoalannya sama ada Malaysia sebagai negara yang akan maju pada 2020 telah bersedia untuk menghadapi satu cabaran yang lebih hebat. Satu cabaran perniagaan, permohonan dan pembekalan. Salah satu cabaran pasaran yang lebih hebat lagi apa yang kita jalani buat masa ini.

Jadi saya rasa Malaysia mesti berjiwa besar dan ambil peluang ini untuk membuat persiapan untuk menangkis apa sahaja cabaran dan hambatan dalam lapangan peperangan atau *the battle field* yang besar ini supaya kita tidak ditakluk secara *trade colonization*. Supaya Malaysia lebih kompetitif dan menjadi negara yang pengeluar produk-produk yang per unit *cost*nya, dengan izin, kerana ini mustahak.

Kalau kita ingin berdaya saing, *per unit cost* satu-satu produk itu pengukur yang akan menentukan sama ada Malaysia boleh berdaya saing dengan sebelas buah negara dalam TPPA itu. Saya sangat tertarik dengan TPPA bukan sekadar akses pasaran sahaja. Dia juga menggalakkan kepada ia juga merangkumi ketelusan dan anti korupsi dan juga menyentuh kepada hak asasi manusia dengan mengambil kira buruh, alam sekitar dan juga kerjasama yang melibatkan kastam, PKS dan akses pasaran.

Jadi apakah manfaat daripada pembukaan pasaran baru menerusi TPPA? Ini yang kita hendak lihat, ini yang kita tertunggu-tunggu dan ternanti-nanti. Apakah manfaatnya? Ia telah pun diberi penerangan oleh Menteri tentang manfaat TPPA kalau kita menandatangani. Bermakna kita dapat pasaran hampir 4,000 tarif akan dimansuhkan termasuk produk yang mempunyai kepentingan eksport bagi Malaysia seperti produk-produk tekstil, pakaian, produk elektrik, kimia, petrokimia, produk-produk berasaskan kayu kayan, sektor makanan dan produk berasaskan getah. Ini semua manfaat yang akan kita nikmati apabila kita tandatangani TPPA. Produk *electrical electronic* dan sebagainya.

■1450

Jadi, satu perkara yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan analisa ISIS di mana laporan ISIS juga memberi beberapa petunjuk ataupun *cautionary*, dengan izin, *statement* bahawa kita harus berwaspada dengan apabila kita menandatangani TPPA ini iaitu penyertaan Malaysia ke dalam TPPA adalah selari dengan kepentingan negara. *The national interest*, itu benar. Walau bagaimanapun, isu-isu domestik yang berkaitan dengan bumiputera, hak pekerja, mekanisme penyelesaian pertikaian pelabur negara, ISDS tadi, hak harta intelek dan syarikat hak milik kerajaan yang mana kita tahu kita ada 20 buah syarikat hak milik kerajaan perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan tidak boleh dipandang ringan.

Saya setuju dengan pandangan daripada ISIS negara ini yang kita harus berwaspada tentang perkara ini. Isu-isu tersebut perlu diurus melalui penyelesaian politik dan melalui dasar-dasar awam. Satu daripadanya ialah kita akan bekerjasama dengan Amerika Syarikat iaitu satu gergasi, bukan sahaja menggunakan *might is power*, dengan izin, tetapi gergasi dalam isu perniagaan dan juga gergasi di dalam TPPA ini. Ia akan menimbulkan pelbagai cabaran, memang betul kalau kita berganding dengan satu *big power*, *super power*, bermakna kita akan mengalami beberapa cabaran.

Jadi, kerajaan perlu terus memastikan negara tidak akan dipaksa untuk menerima komitmen di luar kemampuan negara Malaysia iaitu yang bertentangan dengan kepentingan Malaysia pada masa hadapan. Ini satu perkara yang mustahak yang harus kita ambil kira dan saya harap kita sentiasa, kita ada dua tahun sebelum 26 rang undang-undang akan kita kemas kinikan semata-mata untuk membuat persiapan yang lebih kental untuk berhadapan sebelum dua tahun itu kita akan menandatangani TPPA.

Jadi cadangan kerajaan haruslah meneruskan pelan strategi dan pelan tindakan dan kawal selia oleh satu *team* pengawas untuk mengimplementasikan TPPA dalam masa dua tahun ini iaitu kita harap tahun 2018, termasuklah 26 rang undang-undang yang akan kita kemas kinikan. So dengan ini, saya turut menyokong. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh.

2.53 ptg.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk berbahas usul daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai Perjanjian TPPA. Tuan Yang di-Pertua, pada zaman sekarang ini dan masa depan kekuatan ekonomi sesebuah negara bukan sahaja bergantung pada perniagaan domestik atau dalam negeri tetapi juga kepada perniagaan antarabangsa dan pelaburan dari luar negara. Negara kita Malaysia tidak berbeza.

Malaysia telah sejak kemerdekaan menukar profil daripada sebuah negara yang bergantung dan menumpukan kepada pertanian kepada sebuah negara sekarang yang mengeluarkan pembuatan dan perkhidmatan yang bermutu tinggi untuk kita mencapai hasrat RMK-11, negara kita hendak menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Kita sudah tidak boleh menutup pintu dan tidak mahu mengambil bahagian dalam perdagangan antarabangsa. Kita tidak mempunyai *resource* yang cukup, dengan izin, untuk membuka pasaran secara persendirian. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, perdagangan antarabangsa adalah begitu kompetitif sekarang daripada segi pelaburan asing dan mencari pasaran baru untuk pengeluar-pengeluar negara kita.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dengan usaha beliau merundingkan Perjanjian TPP ini. Saya juga berasa begitu puas hati dengan kementerian kerana telah mengadakan banyak sesi taklimat TPPA ini, bukan sahaja dengan Ahli-ahli Parlimen tetapi juga dengan Dewan Perniagaan dan orang ramai. Kementerian juga telah mengambil tanggungjawab untuk membuat satu *cost benefit analysis* dengan melantik konsultan daripada PricewaterhouseCoopers. Saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana ia kali pertama saya melihat sebuah agensi kerajaan mengambil begitu banyak *effort*, dengan izin, untuk membuat *engagement* dengan orang ramai.

Perjanjian TPP ini satu perjanjian melibatkan 12 buah negara di mana Asia ini bukan sahaja Malaysia tetapi juga negara Singapura, Brunei, Vietnam dan Jepun bersama-sama Malaysia menyertai perjanjian ini. Seperti diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, perjanjian ini membuka peluang yang baru pada Malaysia kepada satu pasaran seramai 800 juta orang penduduk dan juga sebesar 27 trilion.

Jika kita mengkaji dengan lebih mendalam, antara lima *top trading nations*, tiga buah negara terlibat dalam Perjanjian TPP ini iaitu Singapura, Jepun dan *United States*. Sudah tentu pengeksport eksport negara kita ke negara-negara ini akan mendapat besar manfaat bila Malaysia menyertai Perjanjian TPP ini. TPP juga akan memberi peluang baru untuk kita membuka pasaran ke ekonomi dunia yang terbesar iaitu Amerika Syarikat.

Secara amnya, saya berpendapat bahawa penyertaan Malaysia dalam Perjanjian TPP akan membawa banyak manfaat kepada negara. TPP juga akan menjadi satu *catalyst* baru, dengan izin, melonjakkan ekonomi dan boleh membawa Malaysia ke hala depan untuk menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan juga akan menolong Malaysia meningkatkan kualiti pengeluaran dan perkhidmatan negara dan akan membawa Malaysia ke hala tuju menjadi negara yang lebih kompetitif. Saya ingin menyentuh tiga perkara yang saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan dengan PKS, akses kepada pasaran dan peluang usahawan muda dan mengenai ISDS.

Daripada segi PKS, jika kita bandingkan PKS Malaysia dengan PKS-PKS daripada negara maju seperti Australia, Amerika, Kanada, Jepun. Pertama, daripada *definition* pun ia banyak berbeza. Di Malaysia, kalau sesebuah syarikat dengan modal lebih daripada RM250,000 setahun boleh dianggarkan sebagai sebuah syarikat PKS.

Daripada insentif, daripada program-program pembangunan, insentif-insentif ataupun program-program pembangunan yang terdapat di Amerika, di Australia begitu berbeza dengan apa yang terdapat di Malaysia. Seperti dengan satu idea yang *simple*, kalau seorang itu duduk di New York, dia boleh berjumpa dengan pelbagai institusi ataupun *merchant capital*, dengan izin, untuk mencari wang yang besar untuk membuka perniagaan. Bila kita menyertai TPP ini, kita juga membuka pasaran Malaysia kepada PKS negara lain dan negara PKS dari negara kita dapat membuat *business* ataupun mempunyai akses ke negara lain.

■1500

Apa yang saya bimbang ialah, adakah kualiti dan kehebatan PKS negara kita setanding dengan PKS di negara-negara yang maju. Apa cadangan kerajaan untuk meningkatkan kualiti PKS bukan saja daripada segi pembuatan, tetapi kualiti ini perlu juga dikuatkan melalui peluang ataupun lebih banyak insentif untuk *research and development*, lebih banyak geran dan akses yang lebih inovatif, mencari wang untuk membuka perniagaan bagi PKS-PKS di Malaysia. Kualiti pendidikan pun mesti dipertingkatkan di mana universiti bukan saja tempat hanya untuk mendapat ijazah tetapi tempat yang melahirkan generasi baru yang mempunyai fikiran inovatif dan mereka juga sepatutnya diberi peluang inkubator, dengan izin, dalam perniagaan terutamanya perniagaan antarabangsa.

Penglibatan negara dalam pengeluaran IP baru yang mempunyai ciri-ciri inovasi patut dipertingkatkan kerana banyak perniagaan sekarang ini perniagaan-perniagaan yang penuh idea dan inovasi yang baru dan dengan serta-merta dalam masa lima bulan atau enam bulan perniagaan baru boleh menjadi satu perniagaan di seluruh dunia. Saya minta keterangan daripada kementerian selaras dengan TPPA ini, apakah cadangan kementerian untuk membawa atau mempertingkatkan inovasi di negara kita bagi generasi muda?

Daripada segi pembukaan pasaran terutamanya untuk orang muda, bila kita bandingkan untuk seseorang pelabur sama ada dia besar atau kecil, bila-bila mereka hendak datang ke Malaysia, membuat perniagaan di sini, saya rasa proses untuk membuka perniagaan dan mendapat visa di Malaysia memang senang. Akan tetapi jika kita bandingkan kalau seorang daripada universiti yang hendak membuka *business* di katakan di New York dalam bidang grafik kah, *design* kah, proses itu pada ketika ini proses yang begitu rumit sekali. Saya hendak minta keterangan sama ada untuk akses kepada pasaran melalui TPPA ini, adakah keistimewaan akan diberi kepada sekumpulan muda seperti orang-orang pandai dalam grafik, pandai dalam benda-benda inovasi dapat dengan senang-senang, dapat pergi ke negara-negara TPP ini untuk membuka pasaran bagi perniagaan mereka.

Akhir sekali, semasa taklimat saya telah mendengar begitu banyak yang memberikan pelbagai jenis cerita mengenai ISDS seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi. Bila kita mengkaji, ISDS ini bukan benda yang baru tetapi terdapat lebih kurang 3,000 perjanjian di seluruh dunia mengikut data yang diberikan dalam *European Commission*. Kadang-kadang ISDS ini mungkin ada orang yang menganggap ia ada satu *channel* baru untuk sesuatu syarikat mengambil tindakan terhadap sesebuah kerajaan.

Di sini selalunya bila ada masalah ISDS mengikut kajian adalah apabila sesebuah syarikat dibatalkan konsesi ataupun tidak dibenarkan menjalankan perniagaan mereka ataupun kadang-kadang panik, ataupun lesen mereka yang mereka membuat perniagaan di sesebuah negara itu dibatalkan. Ketika ini mengikut laporan daripada *European Commission* terdapat 608 kes ISDS di seluruh negara. Saya hendak tahu, minta keterangan daripada kementerian sebab bila kita mendapati ada beberapa perniagaan yang mempunyai risiko daripada alam sekitar, *environment* seperti baru-baru ini kes bauksit di Kuantan di mana kita telah memberhentikan perniagaan seperti itu. Juga apabila ada beberapa kes di mana ada syarikat membuat pengeluaran tetapi didapati dia mengikut *research* baru, pengeluar ini ada elemen risiko tinggi daripada segi *health cases* seperti baru-baru ada banyak negeri yang telah membatalkan lesen-lesen *vape* ini.

Bagaimana dalam perjanjian TPPA, adakah langkah-langkah ataupun pengecualian bagi kes-kes seperti ini di mana kerajaan masih mempunyai kuasa untuk membatalkan lesen-lesen ataupun tidak memberi permit jikalau didapati perniagaan itu sekarang ada masalah mengenai alam sekitar ataupun daripada segi yang *health cases*. Apakah pengecualian yang kita akan dapat dalam kes ISDS untuk *business-business* lain? Kalau boleh, beri keterangan ini saya rasa bagus sekali.

Itu saja, saya rasa TPPA ini penting dan akan membuka jalan yang baru dan sudah tentu akan membawa banyak manfaat kepada peniaga-peniaga Malaysia. Dengan ini saya sokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, 15 minit Yang Berhormat ya.

3.7 ptg.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Petang ini saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam isu TPPA yang sedang kita bincangkan saat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memulakan perbahasan pada sidang khas di Dewan yang mulia ini dengan melafazkan sepotong ayat Al-Quran dari Surah Yusuf, ayat 111, Allah SWT berfirman... [Membaca sepotong ayat dari Surah Yusuf] Maksudnya, demi sesungguhnya pada kisah-kisah itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. Ayat ini mengarahkan kita supaya mengambil ibrah ataupun pengajaran segala peristiwa yang telah berlaku dalam sejarah peradaban manusia dari dahulu hinggalah sekarang.

Pada hakikatnya TPPA adalah implikasi daripada agenda gergasi globalisasi yang telah beroperasi di pentas antarabangsa sejak empat dekad lalu. Pemain utamanya Amerika Syarikat dan lain-lain negara yang bersekutu dengannya. Terlalu banyak persidangan, seminar dan bengkel mengenai kebaikan dan keburukan globalisasi yang telah dianjurkan oleh pelbagai pihak. Berkaitan dengan keburukan globalisasi, perjanjian TPPA juga jelas memberikan ruang untuk Amerika Syarikat menguasai sepenuhnya kandungan bahan-bahan hiburan dalam televisyen, filem dan muzik. Program terbitan tempatan akan terpinggir.

Pada hari ini hanya RTM sahaja yang dapat melaksanakan kawalan isi kandungan hiburan. Program-program hiburan swasta jelas menatijahkan kesan-kesan negatif terutama dalam kalangan generasi muda dan kanak-kanak. Persoalannya, program-program tersebut tidak menjamin pembinaan sahsiah unggul. Nyatalah bahawa globalisasi seperti yang telah disebut oleh beberapa orang tokoh sarjana-sarjana dunia terkenal merupakan satu idea terselubungnya pensejagatan budaya Amerika yang merupakan satu ancaman terhadap kelangsungan budaya tempatan.

Dalam bab pelaburan mengikut peruntukan dalam teks TPPA, pengecualian terhadap kandungan tempatan tidak eksplisit. Jadi, dengan menandatangani perjanjian TPPA, rakyat bakal menghadapi rempuhan budaya asing yang lebih meluas dan dilaksanakan atas nama liberalisasi. Selain itu, kesan daripada kemasukan budaya asing institusi keluarga yang semakin rapuh di negara ini akan lebih teruk terjejas dengan pelbagai penyakit sosial yang kronik seperti dadah, perceraian, anak luar nikah, perogolan dan kecenderungan hedonisme. Justeru, kita bimbang generasi baru di negara ini tidak mempunyai *self resilience*, dengan izin, atau daya kekuatan ketahanan diri akibat warisan zuriat yang lemah.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, kita menentang perjanjian TPPA ialah kerana perjanjian tersebut jelas menggugat kedaulatan Malaysia walaupun hal ini telah disanggah oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sebagai sebuah negara yang merdeka yang mempunyai Perlembagaan dan Rukun Negara, persoalan kedaulatan negara persoalan maruah bagi sesuatu bangsa dan negara, bukan semata-mata pengumpulan kekayaan serta mencapai negara berpendapatan tinggi. Justeru, apa-apa pun yang kita laksanakan di dalam negara ini, persoalan maruah atau, dengan izin, *dignity* hendaklah dijadikan pertimbangan utama. Ia juga termasuk dalam kategori Indeks Syariah seperti yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri. Sesungguhnya, persoalan maruah termasuk sebagai salah satu objektif dalam maqasid syariah ataupun objektif terutama syariah yang mesti dimartabatkan dalam merangka dasar-dasar negara.

Berhubung dengan hal ini, cita-cita murni Allahyarham Tun Abdul Razak Hussien, mantan Perdana Menteri Malaysia kedua untuk menjadikan negara-negara ASEAN sebagai zon damai, bebas dan berkecuali ataupun ZOPFAN akan terjejas kerana perjanjian TPPA. Manfaatnya diragukan meskipun Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjamin Malaysia akan mendapat keuntungan besar. Bagaimana negara boleh menjamin kedaulatan negara dengan termeterainya perjanjian TPP yang jelas akan menggugat kedaulatan negara dengan memberi ruang kepada US membuat pelbagai peraturan yang tidak diduga dari semasa ke semasa.

Tanpa TPPA, negara masih boleh berdagang bebas tanpa sebarang ikatan. Hingga kini Malaysia telah berjaya melakukan eksport ke pelbagai negara dengan mendapat keuntungan berbilion RM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah menyatakan bahawa Malaysia akan ketinggalan dengan negara Vietnam misalnya seandainya kita tidak menandatangani perjanjian TPP. Kita ingin mengemukakan hujah Profesor Jomo Kwame Sundaram, ilmuwan ekonomi Malaysia yang temama apabila menyatakan dengan izin, *“One may understand why Vietnam, at war with the US until four decades ago is keen to join the TPPA, to strengthen its hand viz a viz China, but it too will be compelled to pay a high economic price for Uncle Sam’s protection”*.

Selanjutnya Profesor Jomo bertanya, kenapa Filipina dan Thailand yang lebih terbuka dasar ekonominya dari Malaysia tidak mahu menyertai perjanjian TPP. Saya mencadangkan kita mengikut jejak langkah Indonesia yang berminat untuk menyertai TPPA tetapi membuat keputusan untuk menunggu dahulu, *wait and see* dan melihat kesan jangka pendek dan jangka panjang TPPA kepada negara-negara yang sudah menyertai TPPA. Dalam hal ini, pedoman daripada sepotong hadis Rasulullah SAW barangkali dapat kita manfaatkan iaitu, berhati-hati itu bimbingan daripada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi ISDS yang diberikan oleh perjanjian TPP adalah besar kerana tujuannya adalah untuk melindungi kepentingan syarikat dengan membolehkan mereka menyaman kerajaan-kerajaan yang berdaulat. Mengapakah syarikat tersebut diberikan keistimewaan untuk dikecualikan daripada penerapan undang-undang yang diuruskan oleh mahkamah tempatan? Status Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil juga dalam perundangan negara akan terjejas dengan kehendak syarikat-syarikat korporat yang besar dalam pembuatan sesuatu keputusan yang boleh menjamin keuntungan mereka dalam aktiviti perdagangan. Sekiranya ISDS diberikan kuasa yang lebih, ia tidak mustahil pada suatu hari nanti ISDS akan membuat keputusan yang bercanggah dengan Keluhuran Perlembagaan negara.

Mengenai hal industri halal pula, saya mengkehendaki satu penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tentang industri halal dalam konteks perjanjian TPPA. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa peraturan mengenai logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM tidak terjejas. Namun, industri halal itu adalah lebih daripada sekadar logo. Bagaimanakah dengan syarikat-syarikat milik orang Islam? Apakah mereka mempunyai jaminan dapat beroperasi dengan bebas di bawah perjanjian TPPA? Mampukah mereka bersaing dengan syarikat daripada negara-negara maju seperti US dan Australia yang mempunyai minat menyertai industri halal selepas TPPA ditandatangani. Kita berkecenderungan untuk mengatakan di sini bahawa oleh sebab industri halal ini mempunyai keuntungan yang sangat besar, maka ramai kaum kapitalis Barat akan mengerumuninya seperti semut mengerumuni gula.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perundingan teks TPPA oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri negeri-negeri langsung tidak dilibatkan dalam perbincangan. Ia sangat mengecewakan kerana negeri-negeri yang bukan diperintah oleh BN seperti Selangor dan Pulau Pinang sangat aktif dalam perdagangan. Ternyata, kerajaan sekali lagi melanggar prinsip federalisme. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, apakah TPPA akan memberi kesan kepada urusan perdagangan yang dilakukan oleh pihak kerajaan negeri dengan pelabur luar? Perdagangan bukan sekadar melibatkan urusan Kerajaan Persekutuan tetapi juga kerajaan negeri. Malaysia sepatutnya mengikut seperti Kanada yang melibatkan wakil kerajaan negeri mereka dalam perundingan TPPA.

Tanpa menafikan ada beberapa kebaikan yang dapat diperolehi daripada perjanjian TPPA, saya pohon izin kerana ada kenyataan Presiden Parti Keadilan yang disalahertikan dalam media sosial hari ini menyatakan bahawa Presiden Parti Keadilan menyokong penuh TPPA. Sebenarnya, beliau menyatakan bahawa kita tidak ada halangan untuk berdagang dengan semua negara dalam dunia kecuali Israel sahaja. Namun, kekhuatiran kita semakin kuat kerana situasi politik, ekonomi, sosial dan keselamatan yang semakin parah. Selain itu, globalisasi adalah satu tsunami besar yang melanda setiap pelosok dunia tanpa sebarang pengecualian.

Perjanjian Pangkor dan peranan Syarikat Hindia Timur Inggeris pada abad ke-19 di rantau ini telah meninggalkan kesan-kesan yang buruk ke atas negara-negara yang telah dijajah seperti Malaysia. Meskipun Yang Berhormat Menteri telah pun menyanggah pandangan ini dengan menyatakan bahawa pada zaman dahulu tidak ramai bijak pandai tetapi sekarang lebih ramai bijak pandai, namun, saya melihat bahawa semakin ramai bijak pandai yang ada semakin banyak masalah yang dihadapi oleh dunia pada hari ini.

Jadi, kita melihat faktor mempertahankan kemuliaan ataupun "*izzah*"- saya memetik daripada istilah Al-Quran, warganegara Malaysia supaya kita tidak terjebak dengan kehinaan, *azillah* dapat dihindarkan dengan langkah menolak penglibatan Malaysia dalam perjanjian TPPA.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Mohon ...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Inilah yang telah digambarkan dalam al-Quran ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Mohon mencelah.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu bangun Yang Berhormat.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Cuma saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. ...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Hendak habis dah. Saya hendak habis.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Saya mencelah sedikit. Saya mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu dahulu. Dia hendak habiskan.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh atau tidak?

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Boleh atau tidak?

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Sedikit lagi saya hendak habiskan [*Ketawa*] Maaf. Saya hendak tamatkan dengan sepotong ayat al-Quran dalam konteks globalisasi ini dan kaitan dengan TPP yang di mana al-Quran menyebut dalam surah al-Naml, ayat 34... [*Membaca sepotong ayat suci al-Quran*] Sesungguhnya Raja-Raja ataupun penguasa-penguasa- dan Abuya Hamka mentafsirkan penjajah-penjajah, apabila masuk ke sesebuah negeri, mereka merosakkannya. Mereka menjadikan penduduknya yang mulia hina dina dan sedemikian itulah mereka akan dilakukan"

Bagi mengakhiri ucapan ini, dengan ini saya bersama-sama dengan rakan-rakan daripada kelompok minoriti Pakatan Harapan dan juga PAS menolak usul Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri terhadap usul untuk meluluskan TPP. Terima kasih, *wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kawan sebelah itu dukacita nampaknya [*Ketawa*] Sepatutnya kita Yang Berhormat kerana saya faham Yang Berhormat baru lagi, kalau sekiranya ada orang bangun, mohon izin, kalau Yang Berhormat benarkan, dia boleh bangun. Sekarang ini Yang Berhormat sudah habis, tidak dapatlah.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Oh! Tidak dapat pula. Minta maaf. Saya orang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

3.19 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat semua.

■1520

Terima kasih kerana diberi peluang untuk memberikan pandangan tentang TPPA pada petang ini. Saya merasakan sungguh bertuah dapat mendengar hujah-hujah yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi dan petang ini dan saya merasakan hujah-hujah ini merupakan hujah-hujah yang ikhlas daripada semua pihak tidak kira daripada pihak Barisan Nasional ataupun sebaliknya. Pada saya setiap polisi itu memang mempunyai kekuatan dan kelemahan, tetapi di sini ingin saya jelaskan sama ada kekuatan itu lebih ataupun kelemahan itu lebih. Itu yang akan menentukan sama ada kita patut menyokong ataupun tidak menyokong polisi ini.

Oleh sebab dalam mana-mana polisi, dalam mana-mana negara tidak semestinya polisi itu akan disokong 100 peratus. Itu yang utama.

Kedua, saya hendak menegaskan di sini kerisauan di kalangan rakyat adalah jelas bahkan kalau saya perhatikan hujah-hujah yang diberikan oleh rakan-rakan daripada kumpulan minoriti ini merupakan kerisauan yang *real*. Persoalan saya, apakah pihak kerajaan benar-benar dapat memberi satu *assurance* kepastian sekiranya TPPA ini diluluskan? Pihak kerajaan akan pastikan kerisauan itu, masalah itu dapat kita elak?

Seterusnya, adakah kita pasti apabila ia menjadi polisi, polisi ini tidak akan menghadapi masalah-masalah pelaksanaan? Seperti yang kita ketahui pada hari ini banyak polisi kerajaan walaupun pada dasarnya cantik daripada segi polisi tetapi daripada segi proses implementasi telah menimbulkan banyak masalah yang juga saya katakan tadi telah menimbulkan kerisauan di kalangan rakyat di mana rakyat akan menjadi mangsa.

Maka dengan itu saya rasa kita terbuka hati pada hari ini menerima segala kerisauan dan komen dengan secara ikhlas. Saya ingin menyentuh apabila saya melihat dan mendengar hujah-hujah tadi beberapa perkara yang telah dinyatakan yang merupakan kerisauan yang boleh saya bahagikan kepada isu-isu terpenting. Ya tadi telah kita lihat dan dengar masalah kedaulatan. Ini satu perkara yang cukup-cukup dekat di hati kita. Jadi kita sebagai rakyat Malaysia kedaulatan negara menjadi asas sebagai satu bangsa, sebagai satu negara. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga lihat daripada segi isu-isu hak Bumiputera, dasar *affirmative action* walaupun telah diterangkan dan telah dijelaskan bahawa ia akan ditekankan dan kekal. Persoalan saya katakan tadi apakah *assurance* perkara ini dapat kita pertahankan secara *real*. Ketiga yang berkaitan dengan SME. Dikatakan SME Malaysia ini akan gulung tikar.

Keempat berkaitan dengan syarikat milik kerajaan, *state-owned enterprises* di mana ia akan dibuka kepada pasaran bebas. Ini juga, apakah *assurance* tidak akan berlaku?

Kelima berkenaan dengan IP iaitu kita telah bincang tadi dengan harga ubat akan naik walaupun diterangkan dengan secara jelas kerisauan saya nampak masih ada.

Keenam berkaitan dengan ISDS iaitu *Investor State Dispute Settlement*, walaupun kita diterangkan jangan bimbang di mana kebimbangan kita syarikat gergasi akan menguasai negara, syarikat antarabangsa akan menyaman kerajaan. Kita mengatakan ia tidak benar, tidak akan berlaku kerana ISDS TPPA berbeza dengan ISDS FTA ataupun NAFTA. ISDS TPPA mengamalkan konsep *burden to prove the claim* di tangan syarikat bukan di tangan kerajaan.

Ketujuh berkaitan dengan pekerja-pekerja sama ada pekerja asing yang akan masuk ke negara kita termasuk juga berkaitan dengan pekerja-pekerja akan ditindas oleh majikan.

Jadi isu secara keseluruhannya yang saya nampak, yang saya teliti hujah-hujah yang diberikan oleh rakan-rakan tadi kerisauan mempersoalkannya walaupun pihak kerajaan telah jelaskan dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Jeli yang telah menerangkan dengan begitu jelas.

Bahkan di hati kecil saya sendiri ingin mempersoalkan daripada segi implementasi oleh sebab ia sekali lagi saya tegaskan berkaitan dengan kedaulatan negara kita.

Adakah kita pasti implementasi ini akan dapat disusun dengan melalui strategi-strategi yang cukup mantap, memastikan bahawa perkara-perkara yang saya katakan tadi, kerisauan-kerisauan yang telah dikatakan oleh rakan-rakan saya itu tadi termasuk daripada rakan-rakan minoriti ia tidak akan berlaku dan tidak akan menimpa negara kita. Itu yang mereka hendak lihat. Kalau sekiranya ini dapat diyakinkan, *inshaa Allah* saya rasa TPPA ini merupakan satu langkah yang cukup baik untuk negara kita. Ya.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Sedikit sahaja. Saya tertarik dengan yang disenaraikan tadi berkait dengan bumiputera. Cuma apa yang telah diulang-ulang kali disebut status kedudukan bumiputera terjaga walaupun di tandatangan TPPA. Cuma saya mohon satu kepastian terjaga ini maksudnya adakah kekal status quo. kalau sebelum ini bumiputera kelayakannya begini, begini, begini. 30 peratus *government procurement* apa semua itu. Adakah ia kekal status quo. ataupun apabila tandatangan TPPA ini ia masih ada tetapi sedikit berkurang dan lama-kelamaan dalam tempoh tertentu ia semakin kurang dan semakin kurang. Saya mohon kepastian adakah kekal status quo ataupun berkurang.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih. Ini sebagai satu contoh yang jelas kerisauan daripada pihak kita tidak kira daripada pihak mana iaitu pertama hasil daripada konsep ataupun yang berkaitan dengan status Bumiputera. Saya kaitkan tadi apakah langkah, apakah *assurance* pihak kerajaan, kerisauan tadi dapat kita elakkan? Itu sahaja yang kita hendak jawapan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat topik TPPA ini secara keseluruhan memang banyak baiknya. Tadi saya telah jelaskan sedikit kelemahan di mana memerlukan satu tindakan daripada pihak kerajaan menerangkan dan seterusnya mengambil tindakan agar masalah-masalah yang kita risaukan itu dapat kita elakkan. Kita ketahui negara kita Malaysia ini merupakan sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan sangat bergantung kepada perdagangan antarabangsa, pelaburan asing, teknologi luar dan pelancongan.

Kedudukan Malaysia dalam negara dalam senarai 25 buah negara perdagangan utama di dunia menjadi bukti kekuatan negara dalam perdagangan walaupun Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil. Demi memastikan Malaysia tidak tertinggal berbanding pesaing serantau, Malaysia telah memuktamadkan dan melaksanakan 13 FTA. Oleh sebab pada hari ini suka ataupun tidak suka ingin saya jelaskan kita telah bergerak ke arah zaman yang cukup berbeza. Dahulu lain, sekarang lain. Dahulu kita tidak bercakap daripada segi globalisasi. Dahulu masalah sosial tidaklah begitu teruk. Padahal itulah realitinya pada hari ini, masalah cukup hebat di mana memerlukan perancangan dan strategi yang baru untuk menghadapi masalah-masalah itu.

Bagi memastikan Malaysia boleh bersaing dan menjadi negara maju, Malaysia perlu berani berubah untuk memastikan ekonomi negara boleh bersaing pada masa hadapan. Oleh itu Malaysia telah menyertai rundingan TPPA pada tahun 2010. Kerajaan melihat perjanjian perkongsian TPPA ini satu bentuk FTA yang baru dan mempunyai potensi untuk membawa negara melangkah ke masa depan.

■1530

Secara umumnya seperti yang telah dinyatakan, TPPA melibatkan 12 buah negara iaitu Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam dan Malaysia yang mempunyai keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak 27.5 trilion. Tuan Yang di-Pertua, TPPA baharu ini mempunyai lima ciri utama iaitu:

- (i) dapat mengakses pasaran secara komprehensif. TPPA menghapuskan atau mengurangkan halangan tarif dan bukan tarif,
- (ii) komitmen ke arah pendekatan secara wilayah iaitu memudahkan pengeluaran secara cekap bagi sesebuah negara,

- (iii) mengatasi cabaran perdagangan yang baru iaitu menggalakkan inovasi, produktiviti dan berdaya saing untuk menghadapi cabaran ekonomi moden,
- (iv) perdagangan yang inklusif iaitu memanfaatkan perdagangan dengan lebih berkesan bagi semua pihak, termasuk industri kecil dan sederhana,
- (v) integrasi ekonomi serantau menjadi salah satu kuasa besar ekonomi di dunia yang boleh dimanfaatkan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, TPPA adalah bersifat menyeluruh dengan skop yang tidak terkandung dalam FTA yang lepas. Terdapat lima perkara yang membezakan TPPA dan FTA iaitu hak harta intelek syarikat-syarikat milik kerajaan, alam sekitar, buruh dan perolehan kerajaan. Perkara inilah menjadikan TPPA sangat kontroversi.

Akan tetapi di sebalik itu, kerajaan melihat ia sangat berfaedah untuk meningkatkan daya saing negara di peringkat global. TPPA bukan sahaja sebagai sebuah pasaran tetapi ia juga mengandungi ketelusan dan anti korupsi, hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan kerjasama yang melibatkan Kastam, PKS dan negara TPPA. Di dalam TPPA, kerajaan mempunyai pendirian yang teguh di dalam melibatkan Perlembagaan Negara dan hak negeri-negeri kekal dipelihara. Dasar utama seperti agenda bumiputera dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana dikatakan dan diterangkan akan dikekalkan. Begitu juga agama Islam juga kekal sebagai agama Persekutuan. Malaysia menyertai TPPA atas kehendak sendiri dan terma sendiri tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, malah kepentingan negara dan dasar kerajaan menjadi kepentingan utama di dalam TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah pun saya terangkan kerisauan-kerisauan dan masalah-masalah yang kita mengharapkan sangat kerisauan itu dapat dielakkan. Bahkan, saya tegaskan tadi di kalangan masyarakat Malaysia, kita mengharapkan sangat bahawa strategi mesti disusun daripada sekarang supaya daripada segi implementasinya tidak akan membuahkan masalah-masalah kepada masyarakat di negara itu. Tuan Yang di-Pertua, selain itu, setiap keputusan berkenaan TPPA perlu mendapat persetujuan daripada semua pihak di dalam negara TPPA. Ini juga merupakan satu kekuatan yang telah diterangkan oleh pihak Menteri dan dikatakan kita bukan *dictate*, dengan izin, oleh pihak Amerika Syarikat. Jadi, dengan itu tidak timbul isu negara akan kehilangan kuasa dan kedaulatan.

Oleh sebab jika salah sebuah negara di dalam TPPA tidak bersetuju mengenai dasar atau perancangan, maka ia tidak boleh dilaksanakan. Saya tegaskan, itu perancangan kita tetapi saya tekankan sekali lagi daripada segi implementasi. Saya berkeyakinan, mustahil kerajaan akan bersetuju jika terdapat dasar yang akan menyebabkan kedaulatan negara akan hilang. Malahan jika dilihat dalam sudut politik...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab yang apabila dikatakan Obama memberikan pandangan. Kalau kita lihat baru-baru ini, calon Presiden A.S iaitu Donald Trump dan Hillary Clinton juga bakal menentang TPPA. Oleh sebab dikatakan TPPA bukan *gold standard* kerana TPPA tidak membenarkan Amerika Syarikat memanipulasi mata wang iaitu TPPA jelas menunjukkan keadilan dalam perdagangan TPPA. Saya juga katakan tadi kalau semua 12 buah negara dalam dunia telah menerima TPPA, kalau kita mengatakan dan mengandaikan bahawa negara ini akan dijajah, apakah 12 buah negara lain ini juga telah terjajah melalui TPPA? Tadi saya mendengar hujah, bahkan di Kelantan pun kita ada syarikat dari Jepun. Apakah Kelantan telah dijajah oleh Jepun? Satu, *member of TPPA* dan negara kita sendiri pun telah *invest* berbilion di luar negara. Apakah kita juga menjajah negara-negara lain?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak rugi, bahkan secara keseluruhan kalau kita timbangkan, kita akan untung lebih banyak daripada rugi kalau sekiranya kita menerima TPPA ini. Sebelum saya mengundurkan diri, marilah kita mendoakan kesejahteraan negara kita dan perpaduan negara terjamin. Saya yakin dan percaya jika kita bersedia dan berani untuk membuat perubahan, negara Malaysia akan maju ke hadapan. Peluang pekerjaan anak-anak kita masa hadapan akan lebih terjamin. Percayalah, dengan peluang ini Malaysia akan menjadi destinasi pelaburan TPP. Jika Malaysia tidak menyertai TPPA, kita akan ketinggalan dengan negara seperti Singapura dan Vietnam.

Akhir kata, kita perlu berani berubah untuk terus bergerak ke hadapan. Dengan ini, saya menyokong supaya usul ini diluluskan. Saya sudah perbincangan saya ini dengan, *wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Wa'alaikummussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Norliza.

3.36 ptg.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan juga peluang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang TPPA. Saya ingin mengambil kesempatan ini terlebih dahulu untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri sendiri dan juga *team* Menteri yang begitu ramai yang telah turun ke setiap negeri untuk memberi penjelasan dengan begitu jelas sekali yang mana senang difahami oleh masyarakat di bawah. Walau bagaimanapun kepada pihak kementerian, kita perlu ingat, sesuatu benda yang baru itu ada kalanya agak sukar untuk diterima, khususnya oleh masyarakat di bawah.

Jadi, kita perlu, dengan izin, *educate* daripada sekarang, apakah kebaikan-kebaikan dan mengapakah kita mengambil keputusan untuk menandatangani perjanjian TPPA ini? Oleh yang demikian, yang saya ingin mencadangkan kepada kementerian kerana kita ada kalanya difahamkan masyarakat, khususnya di luar bandar iaitu kawasan-kawasan kampung, agak bimbang terhadap kesan kepada perjanjian TPPA ini.

Jadi, saya rasa perlulah juga kita mencari satu kaedah atau mekanisme bagaimana ia dapat kita keluarkan melalui TV atau media-media yang senang dan dapat sampai ke peringkat akar umbi. Ini sangat penting. Kalau melalui *website* sahaja, saya rasa orang-orang di kampung mungkin tidak tahu untuk buka *website* untuk baca benda-benda ini. Walau bagaimanapun, salah satu persoalan yang kerap ditanyakan yang mana kita tahu telah lima tahun kita berunding untuk menandatangani TPP.

Jadi, soalan saya kepada kementerian, adakah sekarang ini adakah ia masa yang paling sesuai untuk kita tandatangani? Mungkin Menteri dapat memberi justifikasi bahawa inilah sesuai supaya kita turut serta dalam rundingan ini. Saya ingin menarik perhatian pihak Menteri mengenai senario yang berlaku seperti di Pulau Pinang. Sebenarnya di Pulau Pinang ataupun di Selangor, kita telah merasakan kedatangan pelabur asing sejak 25 tahun yang dulu. Kalau kita lihat di Pulau Pinang, kita ada industri seperti INTEL, MOTOROLA yang telah datang melabur di negeri-negeri ini dan membawa banyak kebaikan daripada keburukan. Sebagai contohnya, ia membuka peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat-rakyat di negeri tersebut. Jadi, ini antara kebaikan yang dapat kita lihat dan juga, dengan izin, *technology transfer* di mana modal insan kita dapat digunakan disebabkan kedatangan pelabur-pelabur asing ini.

Cuma persoalan saya di bawah rang undang-undang ini iaitu di bawah Hak Buruh Artikel 19(3) yang agak membimbangkan kita di mana saya ingin bertanya kepada kementerian. Apabila kita menandatangani perjanjian ini, adakah kadar gaji minimum ini standard bagi semua negara yang menandatangani perjanjian ini? Sekiranya ini berlaku, ianya bermakna adakah ia akan menyekat pelabur asing untuk datang ke Malaysia disebabkan gaji sama untuk semua negara?

■1540

Lebih baik mereka pergi ke negara-negara seperti China yang di mana boleh mendapatkan *cheap labor*, dengan izin. Jadi saya mohon penjelasan kerana kita tidak mahu apabila kita tandatangan, kesannya pelabur asing ini tidak mahu lagi melabur di negara kita di sebabkan mereka rasa kadar gaji adalah *standardize*, jadi lebih baiklah mereka melabur ke negara-negara yang di mana mereka boleh mendapat kadar *cheap labor* yang lebih baik dari tersebut.

Saya juga ingin menyentuh mengenai persediaan kerajaan untuk menghadapi setelah kita menandatangani perjanjian ini.

Sebagaimana ramainya rakan kita berhujah mengenai persaingan, saya rasa ini sesuatu yang harus kita lihat secara lebih holistik di mana saya rasa pihak kementerian adakah kita telah membuat persiapan jangka panjang dan persiapan jangka pendek apabila kita ingin menandatangani kerana kita harus memastikan bahawa kita produk-produk Malaysia ini dapat bersaing dan mempunyai daya saing untuk bersaing di peringkat antarabangsa?

Jadi saya mohon kementerian sama ada program-program yang akan diadakan selepas ini dapat dilaksanakan dengan berkesan sebab bagi saya implementasi ataupun pelaksanaan ini perlulah baik kerana kita tidak mahu kita mempunyai rang undang-undang ataupun segala sistem yang baik tetapi pelaksanaannya agak lemah.

Saya juga ingin menyentuh mengenai apabila kita menandatangani perjanjian ini kita harus tingkatkan lebih *business matching* iaitu *business ties* yang mana saya rasa kita perlu memanfaatkan antara 12 buah negara ini dan kelemahan industri ataupun produk-produk Malaysia ini ada kalanya produk-produk kraftangan ataupun produk-produk herba ini mereka tidak tahu bagaimana untuk keluar negara. Jadi kita kena- kementerian harus mengadakan program yang lebih- kena ada *follow through* yang lebih baik supaya kita dapat buat *matching*. Mungkin produk negara kita, kita dapat juga bergabung dengan negara luar agar kita dapat menghasilkan satu rantaian yang lebih berkesan atas kesan daripada perjanjian yang ditandatangani.

Saya rasa itu antara hujah yang ingin saya utarakan dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

3.42 ptg

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong ayat suci al-Quran]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama berbahas usul TPPA yang telah pun lulus di dalam Dewan Rakyat semalam dan saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas kejayaan bukan sahaja dalam lima tahun mengkaji dengan negara-negara lain malah, telah lulus ujian pertama semalam dan saya juga bersama-sama turut hadir dua hari melihat gelagat rakan-rakan di dalam Dewan tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Pandangan saya, pendapat saya dan juga analisa saya selama dua hari di dalam Dewan, saya menyatakan bahawa *it is a political*, bukan ekonomi sangat. Bukan soal takut kepada negara kita dijajah atau bukan takut kepada negara-negara lain atau negara-negara besar ataupun *sovereignty* kita, kedaulatan negara kita, tetapi semuanya berpunca- dan saya lihat sendiri dan saya catat. Tuan Yang di-Pertua, saya catat satu-persatu apa yang dicakap oleh mereka.

Saya mengambil kesimpulan bahawa isu ini TPPA ini bukan isu ekonomik sangat tetapi isu politik yang mana kalau kita ini pembangkang maka kita membangkang, kalau kita ini kerajaan maka kita ini kerajaan. Saya membaca juga di negara-negara lain begitu juga. *In fact*, di New Zealand sendiri. Agaknya sahabat Menteri kita terpaksa menjawab soalan-soalan yang lebih kurang sama, apakah *state- SOE* itu akan menghadapi masalah yang begitu sama dengan kita juga di Malaysia ini?

Oleh sebab itu saya menyatakan bahawa TPPA ini adalah politik dan apa yang kita hendak takut sangat? Kita sudah menandatangani begitu banyak sekali dalam buku ni. Malaysia telah melaksanakan enam FTA menerusi ASEAN, 13 buah perjanjian perdagangan bebas, tujuh FTA secara bilateral. Berapa banyakkah *agreement* yang kita telah tandatangan? Kenapakah FTTA ini dihentam begitu hebat sekali? Dibawa macam-macam cerita di dalam Dewan tersebut.

Jadi saya hendak membawa Dewan ini ke arah yang lain sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Tuan Yang di-Pertua tidak suka kadang-kadang politik tetapi analisa saya adalah politik. Jadi sebelum saya hendak mengucapkan tahniah kepada Tok Pa tadi pun saya fikir juga, patut hendak ucap tahniah atau tidak atau hendak tunggu pilihan raya dahulu.

Ini kerana apa yang di cakap dalam Dewan dua hari lepas yang itulah yang akan dibawa ke kampung-kampung untuk berkempen. Teringat saya dahulu di Kedah, hendak buat bendang dua tahun sekali Tuan Yang di-Pertua. Hendak buat bendang dua tahun sekali, macam-macam.

Seorang Ahli: Dua kali setahun.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Dua kali setahun. Macam-macam isu dia pergi cerita di kampung ini kerajaan kapal layar ini hendak menderhaka kepada Allah SWT kerana tanah itu akan menderhaka kepada kita. Buat-buat dua kali mereka dulu pergi. Mereka awal lagi tanam dua kali. Tuan Yang di-Pertua kata macam BR1M. Jadi apa yang kerajaan buat tidak akan kena dan tidak akan ada kebaikannya. *Signlah* dengan siapa sekalipun, teranglah macam mana sekalipun, ia akan dibawa ke kampung-kampung, yang inilah yang kita hendak lawan esok ini.

Oleh sebab itu saya hendak minta Tok Pa beri penerangan macam mana kami hendak ceritakan dekat orang kampung esok ini. Apa yang dibawa yang pertama, saya minta maaf Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Geng lama kita Tuan Yang di-Pertua. Datin Seri Wan Azizah kata tidak ada halangan. Saya dengar, saya ada di situ. Banyak lagi yang dicakap oleh beliau. Tidak ada halangan contoh yang saya boleh beri Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor. Katalah saya pergi berjumpa seorang perempuan nama Rohana. Saya berjumpa dengan Rohana dan katakan kepada Rohana, "*Rohana, aku hendak kahwin dengan engkau*". Dia kata, "*Saya tidak ada halangan*". Boleh kahwin atau tidak? Sokonglah itu, sokonglah itu.

Saya rasa kalau pembangkang memerintah hari ini pun dia buat lebih awal lagi sokong TPPA ini. Awal lagi sokong tetapi oleh sebab dalam keadaan membangkang, maka ikutlah macam-macam. Senator Elizabeth Warrenlah, Dennis Sanderslah, Profesor Jomolah, kita pun boleh *quote* juga, kalau kita *quote*. Mana yang sokong kita, kita *quotelah*.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah sedikit?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Boleh jadi kerana nama pembangkang itu, kerana itu saya tertarik dengan Tuan Yang di-Pertua. Dia kata di sini tidak ada pembangkang dia kata minoriti.

■1550

Saya rasa istilah pembangkang ini kena tengok balik sebab kita sebenarnya bukan membangkang tetapi bersaing. Kita seperti orang lumba lari, siapa cepat dia dapat. Dia dapat dulu. Bukan bererti kita orang yang tinju atau kita *boxing*. Jadi saya rasa istilah itu yang menyebabkan orang silap faham sehingga sampai ke bawah dan termasuk kitalah sampai ke sini-sini pun. Terima kasih itu pandangan saya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih. Dato' Dr. Johari ini, dia menyokong sahaja. Tidak ada halangan. Saya setuju. Akan tetapi saya tidak sebut dalam Dewan ini, saya sebut Dewan Rakyat untuk pembangkang. Ini yang minoriti ini cukup baik ini tidak ada manusia begitu baik ini, enam orang ini... [*Tepuk*] [*Ketawa*] Sokong sedia. *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri kita tidak ada masalah apa.

Jadi saya tengok Lim Guan Eng juga menegaskan SME akan terjejas teruk terutamanya Bumiputera yang tidak mampu bersaing dengan syarikat SME di luar negara. Beliau menyatakan termeterainya TPPA 30 peratus - industri SME akan lenyap, SME akan lenyap. Negara juga akan berada di dalam bahaya kerana cara timbang tara iaitu ISDS tidak selalu memihak kepada negara-negara kecil. Dato' Sri Mustapa yang inilah yang akan dibawa ke kampung-kampung ini yang akan dibawa Penang.

Belacan naik harga, yang inilah kena TPPA. Belacan naik harga TPPA lah, gula naik harga TPPA lah, apa hendak naik harga pun TPPA lah selepas ini. GST habis sudah. Tok Mat selamat. Selepas ini TPPA pula. Saya pergi juga begitu *detail* dalam soal SME ini – mana dia. Saya terkejut tadi Tuan Yang di-Pertua panggil. Saya asyik ingat saya *last* tadi. Dalam TPPA ini juga, soal SME ini semalam 'Dato' Mohd Mazlan' kata, 97 peratus - *business entity* di Malaysia ini SME. *The service industry* dan sebagainya.

Dato' Sri Mustapa sendiri menyatakan bahawa *they wouldn't be affected by this TPPA*. Tidak tahulah kalau sudah Menteri kata begitu. Profesor tadi pun berasa gundah gulana juga. Saya pun hairan juga, profesor. Saya ingat hendak *depend on him* pasal dia duduk Majlis Tertinggi UMNO lah semua. Akan tetapi dia gundah gulana juga.

Jadi kalau sudah menteri kata mereka ini yang pergi berbincang dengan pegawai-pegawainya yang cukup hebat walaupun saya tengok Yang Berhormat Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri berasa emosional sedikit semalam di Dewan, kerana ramai yang menyatakan bahawa mereka ini seolah-olah *second class educated people* sehinggakan mencadangkan mendapat peguam yang paling baik di dunia untuk *defend the country* daripada segi kedaulatan, *sovereignty* kita yang selepas TPPA ini akan dihenyak oleh Amerika Syarikat. Wow, tidak percaya dengan kita punya *lawyers*. Tak percaya dengan kita punya *legal advisor*.

Bayangkan kadang-kadang mereka cakap tidak serupa bikin. Hendak pergi ambil *lawyer* daripada mana, Amerika? Datang pertahankan negara kita? Dia faham kah? Bayar juta-juta, *lawyer* daripada Amerika Syarikat mempertahankan Malaysia. Wow! Tidak ada logik dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada logik langsung. Oleh sebab itu saya kata membangkang habis-habisan.

Daripada Temerloh, sejak diperkenalkan Dasar Ekonomi Baru, penguasaan bumiputera dalam ekonomi masih belum mencapai 30 peratus. TPPA tidak akan menguntungkan kerana terpicat dengan undang-undang yang diperkenalkan oleh pihak asing. Disebabkan ini objektif kerajaan meningkatkan pegangan bumiputera dalam penguasaan ekonomi tidak akan berhasil.

Dato' Sri Mustapa, ayat inilah Ustaz Tuan Nasrudin bin Hassan PAS Temerloh akan bawa ke Temerloh Dato' Sri Mustapa. Macam mana kita hendak jawab ini? Saya ingat kalau ada dua hingga tiga orang bumiputera bankrap dengan kerana dia bernikah dua, bernikah tiga dan bernikah empat TPPA jugalah akan kena. TPPA juga akan kena. Macam mana kita hendak jawab persoalan ini?

Yang Berhormat Marang menegaskan perlunya sumber manusia di perkasa sebagai persediaan menghadapi TPPA kerana United States bersikap kapitalis. Negara tidak akan berdaya saing jika sumber manusia tidak bersedia menghadapi saingan. Tambahan pula selepas TPPA kita akan menghadapi terma-terma dalam sistem ISDS yang begitu asing.

Ini yang akan dibawa ke Marang. Ini yang akan diceritakan kepada orang kampung. Malah mereka yang profesional sikit Tuan Yang di-Pertua, mereka mengambil kes ISDS ini semasa NAFTA. Selepas NAFTA di tandatangani, ada kes-kes yang berlaku satu, dua di antara syarikat-syarikat besar contohnya di Mexico. Ada sebuah syarikat yang bernama *Metal Clark Corporation*. Syarikat ini mereka buat daripada segi- mereka ini melabur di Mexico dan memudahkan penyelesaian dalam- okey. Saya ini tidak reti baca sebenarnya.

Satu contoh kes yang difailkan terhadap Kerajaan Mexico melibatkan syarikat pengurusan sisa. Saya hendak cakap yang itu. Syarikat ini syarikat pengurusan sisa, yang dibuat di Mexico. Pada ketika itu, Saint Louis Potos, kerajaan Saint Louis Potos tidak bersetuju dengan syarikat ini kerana *geologies* buat audit dan mendapati kononnya sumber-sumber air di sana akan rosak. Maka samanlah syarikat ini kerajaan Mexico. Ini contoh-contoh yang diambil oleh mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba gulung Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Jadi selepas *dijudgement*, maka Kerajaan Mexico terpaksa membayar USD16 juta kepada syarikat tersebut. Jadi dengan alasan ini mereka membawa ke Malaysia dengan TPPA nya nanti. Kalau kita kena tiga kali dengan syarikat macam ini kata dia, maka Malaysia ini akan bankrap.

Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai. Negara akan bermasalah jika berhadapan dengan ISDS dalam isu saman terhadap kerajaan. Mereka ingat, senang Dato' Sri Mustapa hendak biar bagi saman macam itu sahaja. Ingat senang? Tidakkannlah Menteri kita dengan AG's Chambers, dengan penasihat-penasihatnya hendak membiarkan perkara-perkara begini. Betullah kita sangsi, tetapi jangan sampai menyekat kita untuk berdagang dengan negara-negara luar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih. Saya sebenarnya banyak lagi yang saya akan hantar kepada Dato' Sri Mustapa secara bertulis isu-isu yang kemungkinan besar akan dibawa semasa kita umum pilihan raya nanti. Ada juga ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis yang telah di lapik untuk menguatkan *arguments* mereka sehinggakan Lim Guan Eng sendiri cakap kata Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa kena terima dosanya nanti bila TPPA ini dijalankan sekiranya *fail*.

Kadang-kadang mereka bercakap soal ubat dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, tambah sikit Tuan Yang di-Pertua. Soal ubat contohnya. Dia kata ubat naik harga, saya pun tidak faham macam mana ubat boleh naik harga. Sekarang ini kenapa hendak di negatif harga ubat itu? Kenapakah tidak kata selepas TPPA harga ubat turun? Kita *argue* daripada segi positif *rather than* negatif. *Wabilahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong TPPA ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

■1600

[*Timbalan Yang di-Pertua* **mempengerusikan Mesyuarat.**]

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, teruskan Yang Berhormat.

4.00 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kepada saya masa untuk turut sama-sama berbincang dan berbahas berhubung dengan usul yang telah dikemukakan pada hari ini iaitu berhubung dengan TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pantun untuk diberikan kepada Dato' Pa. Dato' Pa mula dengan pantun, akhiri dengan pantun. Tadi pun kita tengok Dato' Adam dan juga Tan Sri berpantun. Saya hanya akan bawa sedikit ayat Al-Quran untuk melihat tentang apa yang kita sedang bincangkan ini.

Allah SWT telah berfirman di dalam Al-Quran, Surah At-Taubah, ayat 105... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, bekerjalah kamu, Allah akan lihat, Rasul dan juga orang mukmin kerja-kerja kamu. Kemudian, semua amalan kamu akan dikembalikan kepada Allah SWT dan dia akan memberitahu kepada kamu apa yang telah kamu lakukan.

Ayat ini memberi peringatan kepada kita bahawa semua amalan kita yang kita lakukan tidak terlepas daripada penglihatan dan hitungan Allah juga disusuli dengan rasul serta orang-orang mukmin. Ini kerana setiap pekerjaan yang kita lakukan sama ada baik atau sebaliknya tidak akan terlepas daripada hitungan dan catatan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Ia ditegaskan lagi oleh ayat lain... [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] iaitu siapa yang buat kebaikan walau sebesar biji zarah, dia pasti akan lihat kebaikan itu bermula daripada dunia sampai akhirat, dan sebaliknya siapa yang melakukan keburukan, dia akan lihat natijah keburukan itu daripada dunia sampai ke akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membincangkan satu perjanjian yang sangat besar kepada negara kita. Satu perjanjian antara 12 buah negara yang akan mencorakkan ekonomi pada masa akan datang. Kita melihat bahawa perjanjian ini perjanjian perdagangan yang telah kita lihat sama-sama dalam perbincangan hari ini. Siapa pun yang berbincang pada hari ini menyatakan kesayangan mereka kepada negara kita supaya negara kita tidak diperkotak-katikkan oleh negara-negara lain terutama negara-negara besar, cuma *angle* yang dilihat oleh setiap pembincang dari sudut masing-masing. Akan tetapi saya boleh simpulkan bahawa dari seluruh perbincangan yang telah diutarakan pada hari ini sejak tadi, sampailah sekarang dan *inshaaAllah* sampai ke akhir sesi kita nanti, mereka ingin menyatakan kesayangan mereka kepada negara kita dan supaya negara kita ini terus stabil, tidak diganggu gugat oleh negara-negara lain walau dalam apa suasana dan cara dan apa perjanjian pun itu yang saya simpulkan.

Bertolak dari situ, kita nak berdagang dan berniaga ini merupakan satu perkara yang sangat dianjurkan oleh agama sehingga Rasulullah menyebut 9/10 rezeki adalah daripada perniagaan. Jadi perniagaan merupakan satu amalan yang sangat dianjurkan. Kalau kita nak melihat orang-orang yang berniaga lah yang kita kenali sebagai jutawan atau *billionaire*. Tidak ada pegawai awam ataupun wakil rakyat seperti yang ada di Dewan ini, kalau semata-mata wakil rakyat, jadi jutawan. Tidak ada. Pegawai kerajaan juga saya rasa tidak ada. Akan tetapi kalau kita nak tengok jutawan atau orang-orang yang hebat-hebat lagi, maka merekalah disebut sebagai orang yang berdagang atau *businessmen* atau pedagang. Ini satu realiti.

Oleh sebab itu lah kita melihat perbincangan yang telah diutarakan ini adalah untuk berdagang. Oleh sebab ia satu perdagangan yang kerajaan juga telah melaksanakan tugas ini kalau kita tengok sejak lima tahun lalu dan dimuktamadkan pada 5 Oktober 2015, tahun lepas. Saya tengok apabila ia dimuktamadkan ini, saya rasa selesailah. Saya rasa pun tak perlu bawa ke Dewan ini, dah ia muktamad, cuma tinggal *sign*. Saya fikir-fikir seperti orang nak kahwin. Orang nak kahwin ini apabila dia telah kahwin, dia tak perlu lagi memiming, nak meriah-riah kan, sudah muktamad. Jadi tinggal lagi *sign* depan tok kadi sahaja lah. Kerana itu bagi saya perkara ini semacam sudah selesai, tetapi untuk memeriahkan supaya kerajaan memperlihatkan keterbukaan, ketelusan dan sebagainya. Akan tetapi apa pun saudara memberi pandangan, saya terima tetapi sudah muktamad. Kalau analogi saya ini silap, saya rasa boleh dibetulkan.

Oleh sebab itu bagi saya, semalam pun telah kita lihat di Dewan rakyat telah diluluskan. Bagi saya Dewan Negara ini tidak ada siapa yang boleh menghalang untuk diluluskan sebab majoritinya sudah begitu jelas. Kalau minoriti ini tidak cukup pun hendak buat apa-apa. Akan tetapi apa yang saya nak tegaskan bahawa kerisauan yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak.

Pertama, maklumat yang disampaikan sangat lewat. Sangat lewat. Bagi saya kelewatan itu lah...

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Mohon mencelah.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Orang belakang kita.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soal tandatangan ini. Saya hendak minta kementerian atau Menteri untuk menjawab apa persoalan yang kita timbulkan. Saya hendak tahu sebaik sahaja kita menandatangani TPPA ini, adakah boleh berlaku apa yang disebut sebagai pindaan, perubahan, baik pulih ataupun apa sahaja yang dikatakan penambahbaikan itu dibuat? Ini kerana bagi saya, sefaham saya sebaik sahaja ditandatangani sesuatu peraturan ataupun syarat perjanjian itu, adalah suatu yang mustahil untuk kita buat penambahbaikan. Jadi saya hendak Menteri jawab ini kerana sefaham saya yang ada kuasa untuk merubah perjanjian itu hanyalah kepada Amerika Syarikat, dan bukan kepada Kerajaan Malaysia. Jadi saya hendak minta dijawab.

Kedua, kalau boleh Dato' Johari, sedikit sahaja hendak tambah, bila dibangkitkan soal peluang pekerjaan tadi, kononnya *sign* TPPA boleh membantu kadar pengangguran negara. Saya juga hendak minta jaminan daripada kementerian apakah ada fasal dalam perjanjian TPPA ini yang menyebut bahawa setiap syarikat-syarikat luar negara yang bertapak di dalam Malaysia ini selepas perjanjian TPPA menyediakan 30 peratus sehingga 50 peratus Dasar Tenaga Buruh ataupun tenaga kerja yang 30 peratus ke 50 peratus ini dijanjikan untuk pekerja rakyat Malaysia. Ini kerana saya bimbang dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia yang menyebut, *sign* sahaja TPPA ini, pekerja asing akan mendapat hak sama sebagaimana pekerja tempatan termasuk menjadi pemimpin sesebuah kesatuan sekerja.

■1610

Ini saya cukup bimbang, sekiranya ada syarikat luar datang bertapak dalam negara kita, ia mempunyai tenaga kerja mahir yang lebih hebat di luar negara dan mengapa perlu dia mengambil rakyat Malaysia sedangkan dia boleh bawa rakyat dia sendiri untuk kerja. Jangan sebut ini tidak boleh berlaku kerana Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup pencelahan itu.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Sedikit sahaja. Ini kerana Timbalan Perdana Menteri pun ada sebut visa kepada pekerja Bangladesh 48 jam pun boleh diluluskan. Jadi timbul kebimbangan saya kalau tenaga kerja mahir luar negara dibawa masuk ke dalam negara dan itu prosesnya amat mudah. Saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Saya bimbang dia tanya saya. Akan tetapi dia sudah tanya Dato' Sri Mustapa Mohamed. Terima kasih.

Saya melihat kelewatan dalam memberi maklumat kepada masyarakat. Ini antara faktor. Begitu lah juga dan kita melihat perkara-perkara inilah yang menyebabkan ramai orang yang tidak mengetahui. Seterusnya saya mendengar tadi Dato' Sri Mustapa Mohamed memberitahu bahawa dia turun kepada negeri-negeri dan juga ke seluruh Malaysia dalam 300 kali pertemuan. Ini sangat agresif. Namun saya difahamkan bahawa kepada negeri Kelantan secara khususnya kepada Menteri Besar dan Exconya tidak kesempatan untuk membuat taklimat dan penerangan sehinggalah TPPA ini dibentangkan di Parlimen. Jadi saya pun rasa terkejut juga dengan kenyataan tadi yang begitu agresif tetapi terlepas untuk penerangan kepada negeri Kelantan. Saya rasa Dato' Sri Mustapa Mohamed pun merupakan seorang ADUN di negeri Kelantan juga.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dalam kerisauan tadi ada disebut bahawa TPPA merupakan pengikat bukan sahaja pihak Kerajaan Persekutuan malah pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Ini telah disebut rakan saya dan saya hendak ulang lagi. Ini lah sebenarnya kebimbangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak. Ketiga-tiga pihak ini terikat khususnya untuk memberi sokongan kepada perjanjian-perjanjian yang telah terlaksana. Saya melihat perkara ini merupakan sesuatu yang ada kaitan dengan globalisasi. Kalau kita lihat dahulu, dalam dunia ini ada dua gergasi besar dari segi pemahaman ekonomi. Satu di blok Barat dan satu lagi blok Timur. Blok Barat diwakili oleh kapitalis dan blok Timur diwakili oleh komunis dan sosialis.

Kita melihat komunis dan sosialis telah berakhir. Negara mereka pun telah berpecah dan mereka pun tidak mampu untuk bertahan lebih lama dan hanya satu-satunya tinggal ialah blok Barat dan juga blok kapitalis. Mereka sedang memerhatikan bahawa sistem kapitalisme yang sedang dilaksanakan di Barat itu akan sampai penghujungnya juga, sebagaimana berlaku kepada sistem ekonomi sosialis dan komunis. Bagi mereka, mereka mengetahui perkara ini kerana ada satu kaedah yang saya tengok... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Apabila telah sampai ke kemuncak, ia akan menurun. Kapitalis telah sampai ke kemuncaknya dan ia akan menurun. Mahu tidak mahu, begitulah kaedah adat dunia, sistem alam.

Mereka juga melihat bahawa di sana ada cahaya-cahaya baru yang akan mengambil tempat walaupun dalam jangka masa yang panjang. Iaitu sistem perekonomian Islam. Kalau kita melihat, hal ini telah terserlah. Kita sebuah negara yang mempelopori dalam perbankan Islam dan begitu juga dalam kewangan Islam dan sekarang ini telah diambil oleh negara-negara lain seperti Hong Kong dan juga Singapura dan lain-lain negara. Mereka telah mengimplementasikan sistem ini dan menampakkan suatu alternatif yang sangat segar untuk diketengahkan dalam hal kewangan dan juga perdagangan. Untuk melangsungkan hal-hal seperti ini, Amerika dan juga Barat perlu mencari langkah-langkah lain untuk melanjutkan usia mereka sebelum kedatangan cahaya baru ini.

Di sini lah saya melihat gagasan-gagasan ini telah diolah begitu rupa. Kalau sekarang ini tidak ada lagi penjajahan secara total seperti zaman purba tetapi penguasaan-penguasaan dewasa ini menguasai dengan syarikat gergasi dan juga penguasaan ekonomi. Ekonomi merupakan satu kuasa yang sangat besar untuk menguasai pihak-pihak yang lain terutamanya pihak-pihak yang lemah. Ini kerana itulah makanya kalau kita melihat di Melaka dahulu sebagaimana Tan Sri sebut tadi, Melaka merupakan sebuah negara yang berniaga dengan seluruh pelosok dunia. Kalau kita melihat pada asalnya orang datang ke Melaka untuk berdagang tetapi akhirnya mereka datang untuk menyerang dan juga menakluki Melaka.

Ini perkara yang dibimbangkan, saya melihat perkara-perkara seperti itu, kebimbangan. Jadi kebimbangan itu kalau boleh ditangani dengan cara yang kuat, maka ia akan menjadi satu kekuatan kepada kita. Saya juga melihat di sini, pihak MITI telah berusaha sedaya upaya khususnya dan juga pihak Kerajaan Malaysia telah berusaha sedaya upaya untuk memastikan kedaulatan Malaysia, hak-hak agama dan sebagainya dipertahankan.

Apabila saya membaca *statement* yang ada di dalam ini, saya merasai bahawa pada asalnya perjanjian ini tidak mempedulikan hal-hal itu. Akan tetapi dengan usaha yang telah dilakukan, maka perkara itu diberi hak kepada kita. Maksudnya, saya melihat perjanjian ini begitu melebar sehingga tidak mengambil kira pada asalnya kepentingan-kepentingan yang ada pada negara lain seperti kita. Akan tetapi setelah diperjuangkan maka hak-hak itu diberi.

Ini membuktikan ini merupakan gagasan globalisasi yang sangat besar. Kalau sekiranya tidak ada kebijaksanaan-kebijaksanaan tadi. Ini sebenarnya yang ditakutkan dan inilah yang disampaikan kepada masyarakat, nas-nas perjanjian yang belum dimurnikan tadi. Itu yang sebab kalau kita melihat perkara-perkara ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah di belakang.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya Yang Berhormat. Saya ambil sedikit masa Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Apabila disebut tadi tentang kedaulatan, perjanjian ini akan mengikat bukan sahaja negara bahkan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Antara *chapter* ataupun klausa yang disebut adalah semua ahli dalam perjanjian ini mesti diberikan *fair and equitable treatment, national treatment, most favored nation treatment* dan juga *market access*.

Pengecualian kepada keempat-empat frasa ini yang digunakan yang saya rasa sangat sukar dibuat hanyalah mengikut apa yang tersenarai di dalam *non-conforming measures*. Itu yang saya faham. Cuma saya ingin satu jaminan daripada pihak kerajaan, sebab sebagai contoh di Kelantan, kita telah lama dengan dasar membangun bersama Islam dan dari dasar-dasar ini, kita ambil contoh iklan. Kita tidak mengguna pakai iklan standard daripada Nescafe. Kita minta diubah suai mengikut kehendak kita. Kita di Kelantan mengehendakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh pendekkan penjelasan itu kerana masa Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat berhujah hari ini tinggal satu minit lagi.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Okey. Waktu solat Jumaat, minta diberhentikan waktu berniaga pada waktu Jumaat. Adakah mungkin perkara-perkara ini dikira melanggar apa yang disebut tadi, *market access* tersebut dan adakah *non-conforming measures* yang disenaraikan mengambil kira dasar-dasar kerajaan yang sedia ada dan apakah sekiranya kita selepas ini berubah dasar-dasar ini. Ia sentiasa berubah mengikut kesesuaian perubahan-perubahan ini dapat di *accommodate* bukannya- kita sekarang saya melihat terpaksa *accommodate* dengan perjanjian ini.

■1620

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa masa Yang Berhormat Senator sudah habis, Yang Berhormat Senator.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Jadi saya mohon satu jaminan perkara-perkara ini tidak akan terhalang.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Johari gulungkan sebab masa sudah habis.

Seorang Ahli: Tiada masa kecederaan ke Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Sebab tiada yang cedera Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara umumnya saya ingin menyatakan bahawa kerisauan itu menyebutkan orang bertanya dan bertanya itu perlu diperjelaskan dan penjelasan itu biar cukup kepuasan dan siapa pun sayang kepada negara kita. Siapa pun suka berniaga. Saya tidak reti meniaga tetapi saya suka orang meniaga dan siapa pun ingin supaya kedaulatan kita, hak-hak kita yang telah dibincangkan ramai-ramai tadi terjaga dengan sungguh-sungguh.

Kerana itulah, kalau ada orang yang tidak bersetuju, maka dia bimbang untuk bersetuju itu kerana kedaulatan atau apa-apanya hilang atau tergugat. Kalau sekiranya semua kedaulatan, semua sekali dijaga dengan baik maka saya rasa masyarakat boleh menerima dengan baik.

Itulah dilema yang telah berada dalam lingkungan perbincangan kita ini dan saya yakin Yang Berhormat Menteri kita Dato' Sri Mustapa Mohamed yang mempunyai maklumat itu- apa ini kita hendak dengar dan harapan dan semua soalan tadi saya jadikan soalan saya jugalah itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Seterusnya di persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim. Silakan Yang Berhormat.

4.22 ptg.

Datuk Abdullah bin Mat Yassim: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berbahas mengenai TPPA pada petang ini dan terima kasih tidak terhingga saya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed kerana amat bijaksana selama lima tahun meneliti kandungan isi TPPA ini dan hari ini menjelma sebagai suatu yang akan di *implement* dalam hubungan dagang kita dengan 12 buah negara TPPA.

Sebenarnya, dalam melaksanakan perkara ini tentunya ada pro dan kontra. Seperti mana yang dijelaskan oleh beberapa Yang Berhormat tadi bahawa ada pro dan kontra dan kita melihat antara pro dan kontra itu mana banyak yang kita melihat dalam perkara TPPA ini banyak pro lebih banyak keuntungan daripada kerugian. Tentunya apa perkara sekalipun memang tidak ada yang *perfect*. Semua- cuma kita melihat daripada segi keuntungan negara kita seperti mana yang dijelaskan yang diperkatakan oleh Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah tadi di Dewan Rakyat semalam lebih banyak berkisar daripada segi politik berbanding daripada segi ekonomi atau keuntungan negara.

Jadi di sini saya melihat bahawa TPPA ini adalah lebih menguntungkan negara kita daripada segi hubungan luar, hubungan dagang yang melibatkan 12 buah negara yang akan berada di bawah dalam TPPA ini. Saya hendak berterima kasih pada Dato' Sri Mustapa Mohamed kerana dia memberi jaminan. Dato' Sri Mustapa Mohamed tentunya dalam masa lima tahun berbincang dengan begitu teliti soal kepentingan bumiputera, kedaulatan negara. Pihak minoriti jangan risau. Dato' Sri Mustapa Mohamed bercakap- Dato' Sri Mustapa Mohamed seorang yang jujur, ikhlas dan tiada politik dalam perbincangan.

Tentunya apa yang dibincang oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed itu adalah sebenar-benarnya yang akan dilaksanakan. Jadi pihak minoriti tidak perlu risau sebab selepas di tandatangi pada 4 Februari ini, dalam jangka masa dua tahun andai kata hari ini tidak dipersetujui dalam Perkara 30.6 mengatakan kita boleh keluar daripada TPPA. Jadi, pihak minoriti tidak perlu risau. Kita daripada segi kedaulatan, keuntungan, hak bumiputera tentunya akan terbela.

Daripada segi perniagaan, tentunya dalam TPPA ini apabila kita tandatangan TPPA kita akan *deal*, dengan izin, dengan sebanyak 800 juta orang penduduk. Kalau belum tandatangan TPPA, kita hanya deal dengan 600 juta orang penduduk sahaja. Tentunya daripada segi perniagaan, kalau ramai yang terlibat tentunya pasaran kita akan bertambah dan tentunya ekonomi negara kita makin bertambah.

Jadi saya tidak hendak bercakap panjang sebab banyak yang sudah bercakap- 13 buah negara sudah kita berjaya menandatangani FTA dan pihak minoriti tidak perlu risau sebab kita sudah berjaya dalam FTA dan kita sudah mengorak langkah menuju negara maju tahun 2020. Maka TPPA ini sebagai satu langkah ke hadapan yang diambil oleh kerajaan dan Dato' Sri Mustapa Mohamed untuk membawa negara ini menuju ke negara maju tahun 2020 dan saya amat yakin dengan TPPA ini negara kita akan melangkah lebih maju ke hadapan. Saya mohon menyokong.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad. Silakan.

4.27 ptg.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana beri peluang saya untuk membahas dalam perkara TPPA ini.

Saya juga ingin menyatakan bahawa saya mengikuti perkembangan TPPA ini lebih pada setahun. Tiap-tiap kali penerangan diberi, saya hadir dengan melalui televisyen, pendengar-pendengar lain dan apa yang saya nyatakan bahawa langkah yang dibuat oleh "Pak Menteri" itu- Dato' Sri Mustapa Mohamed, satu langkah yang baik diberi penerangan pada orang-orang luar, NGO dan langkah penerangan dia beritahu. Bayangkan, baru-baru ini kita tengok banyak orang keliru GSA ke, MDB ke banyak. Akan tetapi *approach* Dato' Sri Mustapa Mohamed ini bagus. Dia tidak buat GSA dia buat TSA. Dia terangkan sebelum ganyang. Orang lain tadi ganyang sebelum ditanya. Ini cara Dato' Sri Mustapa Mohamed bagus. Dia terangkan pada orang ramai apa baik buruk dam mereka ini mendengar sama.

Dato' Sri Mustapa Mohamed memberi penerangan kepada tiap-tiap bab yang berkaitan. Petang ini saya pun baca banyak kadangkala saya rasa berdebar juga, apa masalah yang buruh ini. Buruh dibenarkan pula begitu. Saya baca lebih. Saya tanya lagi. Apa yang saya debar itu saya sudah dapat tahu mudah. Makin lama makin nyata oleh saya supaya saya senang pula beritahu orang kampung apa sebenarnya.

Seperti yang kita maklum, isu TPPA ini sudah lama di bahas serta dibincangkan oleh banyak pihak sama ada secara forum rasmi atau pihak MITI ataupun oleh pihak-pihak yang mempunyai kepentingan sama ada dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan pengguna, badan-badan profesional malah individu profesional. Langkah yang kita buat itu.

■1630

Saya juga menyatakan bahawa di sini dalam TPPA ini dasar keterbukaan yang kita amalkan adalah bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan. Melindungi hak bumiputera, merapatkan jurang antara yang kaya dan miskin serta merapatkan jurang antara negeri maju dan mundur. Bayangkan, cuba bayangkan bahawa Yang Berhormat Menteri kita telah berjaya mencernakan fikiran, meyakinkan Presiden Obama untuk bersetuju atas keputusan ini. Satu kejayaan yang perlu kita catatkan dengan tinta emas itu tadi.

Isu buruh saya dok apa ni kalau buruh pula tadi dibenarkan buat *dia* punya *union* bahaya. Saya baca punya baca dan saya difahamkan di bawah bab buruh yang bertujuan untuk mempertingkatkan standard yang tidak mengganggu keselamatan dan operasi perniagaan di Malaysia contohnya seperti memberi kebebasan menubuhkan kesatuan pekerja. Rundingan secara kolektif, penghapusan buruh paksa, buruh di bawah umur dan diskriminasi di tempat kerja, pendapatan gaji minimum, waktu bekerja serta aspek keselamatan dan kesihatan pekerja. Itu saya nampak ada baiknya adakan *union* itu.

Juga di sini kita tengok juga perolehan bumiputera itu. TPPA tidak menjejaskan bantuan kerajaan kepada bumiputera. Sebagai contoh kewujudan MARA, TERAJU, Equinas, PNB dan Lembaga Tabung Haji bagi membantu bumiputera akan dikekalkan selepas TPPA ditandatangani. Masyarakat bumiputera juga masih diberikan kelebihan dalam membida perolehan kerajaan sehingga suatu *threshold* yang telah ditetapkan. Ini membuktikan kerajaan lebih, telah dan akan harus memperjuangkan agenda bumiputera selepas TPPA dilaksanakan.

Satu lagi tentang ISDS iaitu ISDS merupakan mekanisme penyelesaian pertikaian di antara pelabur asing dengan Kerajaan Malaysia. Malaysia is well-versed mengenai perihal ISDS kerana kita telah menandatangani 17 perjanjian pelaburan dua hala dan lapan FTA yang mengandungi mekanisme ISDS. Di sini saya ingin menegaskan ISDS akan terus memberi ruang untuk kerajaan mengawal selia perkara-perkara berkaitan kesihatan awam, keselamatan dan alam sekitar.

Perlu diingatkan ISDS juga akan melindungi pelabur-pelabur kita di negara-negara asing memandangkan ada kekusaran dan kelemahan dalam mekanisme ISDS sedia ada. Beberapa penambahbaikan bagi proses ISDS telah dirundingkan dalam TPPA termasuk mewajibkan proses konsultasi dan rundingan sebelum dibincangkan di Tribunal Antarabangsa kepada yang disubkan oleh TPPA. Lagi satu lambakan produk asing, lambakan produk asing ini kita ada bincangkan. Tengok dalam buku itu.

Menurut kajian firma perunding antarabangsa PwC- PriceWaterhouse imbalan tabung negara akan berkurangan meskipun jumlah eksport meningkat. Namun jumlah import akan meningkat pada kadar lebih tinggi kerana menghapuskan tarif ke atas produk-produk import.

Imbalan dagangan akan menurun sebanyak 4.3 peratus ke-52 peratus dalam masa 10 tahun selepas TPPA dilaksanakan. Walau bagaimanapun Malaysia akan terus mencatatkan kelebihan dagangan yang positif setelah TPPA dilaksanakan. Saya percaya MITI dan agensi termasuk MATRADE akan terus komited dalam meningkatkan jumlah eksport negara melalui inisiatif yang dirangka oleh Majlis Eksport Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua di sini kita cuba- saya ingat peristiwa ini saya ingat dulu satu perkara yang di mana peranan Allahyarham Tun Razak dahulu. Malaysia mana ketika itu ada peristiwa berlaku semasa negara kita itu di mana kita hendak persahabatan antara kita dengan China tadi. Ramai orang ragu tetapi Allahyarham Tun Razak tadi, mantan Perdana Menteri kita dia bayangkan, dia berani mengambil tindakan iaitu membawa manfaat pada Malaysia iaitu perhubungan antara Malaysia dan China tadi.

Hari ini hubungan perdagangan di antara Malaysia dan China amat baik. Bayangkan tindakan diambil itu maju ke depan. Jadi di sini kalau adalah orang kata tangguh-tangguh kenapa kita tidak tangguh macam Indonesia ingat kata orang tua-tua yang bijaksana. Dia kata kerja menanti tidak menjadi, menunggu itu celaka diri. Ingatlah hendak tangguh apa benda yang baik? Haa ini yang kita rasa jadi dia banyak dan kita buat macam-macam lah untuk negara kita ini. Itulah saya rasa platform telah dibuat agar ditangani. Tahniah untuk Tok Pa yang buat sesuatu yang baik untuk negara kita.

Hanya saya hendak pesankan bahawa sesudah ini pastikan Tok Pa ada dengan Jawatankuasa Tertinggi dia untuk mengawasi, fokus, meninjau, mengawasi perbuatan yang kita lakukan itu. Ada satu kita dapat *trap* apa yang baik, apa yang buruk, apa yang betul atas ini. Ini yang penting sekali tadi. Apa-apa perkara inilah saya rasa yang kita terlepas pandang. Begitu juga saya rasa kalau kita betul teliti, *inshaa Allah*. Jadi satu lagi perkara ialah jangan lupa satu misi ke kampung-kampung, ke negeri-negeri untuk jelajah menerangkan apa sebenarnya TPPA ini kepada orang-orang.

NGO kah, universiti kah, orang kampung perlu dilakukan. Takut kalau kita bagi ilmu- esok senang sahaja disalahgunakan oleh musuh. Inilah perkara-perkara yang saya ingin sampaikan. Jangan lupa satu Jawatankuasa Khas Tertinggi untuk pergi meninjau ke tiap-tiap negeri. Terangkan sebenar ini kebaikannya, betul macam itu. Ini benda cantik pun akan tidak cantik kalau dihasut. Dengan itu juga saya ingin menyatakan bahawa perkara ini saya terangkan supaya usul yang kita buat ini diberkati oleh Allah SWT. Doakan bahawa kita punya TPPA ini terus berjaya, dengan itu saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan sekarang Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan. Silakan Yang Berhormat.

4.38 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun mengambil bahagian berbahas dalam Sidang Khas Dewan Negara berhubung perkara Perjanjian Perkongsian *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) ini.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tok Pa. Walau dalam keadaan yang begitu genting sempat juga Tok Pa turun ke Perlis memberi penerangan kepada orang Perlis. Jadi saya mewakili Perlis. Tok Pa, tidak sia-sia Tok Pa ke Perlis dan orang Perlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tok Pa sebab malah memberi penerangan cukup jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang...

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: ...Ramai lagi rakan-rakan saya yang menunggu dengan sabar untuk mengambil bahagian berbahas walaupun kita akur hanya sehari sahaja diberikan kepada kita untuk berbahas dan mengundi isu yang besar ini.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya, perjanjian TPPA ini perjanjian multilateral terikat yang melibatkan negara Asia Pasifik seperti Australia, Amerika Syarikat, New Zealand, Kanada, Mexico, Chile, Brunei, Malaysia dan Vietnam. TPPA ini ialah tentang liberalisasi pasaran di mana negara ahli bebas berniaga di pasaran negara ahli secara terbuka sesuai dengan konsep liberalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik ini diyakini mampu membawa lebih banyak kebaikan berbanding keburukan kepada negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan serta pelaburan asing bakal mendapat manfaat besar daripada TPPA. Bagaimanapun, kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya menandatangani perjanjian tersebut tanpa persetujuan semua pihak. Malah, tindakan kerajaan kita membawa isu ini ke Parlimen dan ahli-ahli bakal mengundi, jelas menunjukkan pemimpin kita berjiwa besar. Mahu berkongsi dengan rakyat dan mencipta rekod satu-satu negara yang berbahas di Parlimen isu TPPA ini.

Tuan Yang di-Pertua, TPPA ini ada banyak kebaikan dan ada kosnya. Akan tetapi saya bersetuju dengan pandangan kerajaan bahawa terdapat lebih kebaikan daripada keburukan. Namun, di luar sana kedengaran cakap-cakap terutamanya di media-media sosial bahawa TPPA ini akan membawa Malaysia menjadi negara muflis, satu bentuk penjajahan baru serta rakyat terutamanya golongan bumiputera, peniaga kecil dan petani serta barangan keperluan harian bakal naik mendadak.

Malah, terdapat tohmahan negara kita bakal menerima nasib yang sama seperti negara-negara Dunia Ketiga yang walaupun telah merdeka, terpaksa bergantung pada kuasa besar sehingga ke tahap memilih pemimpin tertinggi pun perlu mengikut telunjuk mereka. Maka dengan ini, demi mematkan hujah-hujah pihak yang tidak bertanggungjawab ini, saya sarankan agar kerajaan perlu turun padang memberi penerangan secara menyeluruh kepada rakyat mengenai kebaikan dan keburukan perjanjian tersebut.

Cadangan saya, tubuhkan satu pasukan khas yang mampu menjawab pelbagai tohmahan terutamanya kepada akar umbi dan penduduk luar bandar agar isu ini tidak dijadikan modal oleh pihak pembangkang yang sudah tentu memanipulasi isu ini agar kelihatan seolah-olah pemimpin kita tidak bijak dan membuat keputusan semberono. Pasukan ini bolehlah diketuai oleh Ketua Perunding kokus kita iaitu Yang Berhormat dari Jasin serta pasukannya yang terbukti telah bekerja keras sejak empat tahun yang lalu memastikan setiap perincian dan kepentingan negara dapat dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan silap jika menandatangani TPPA ini, maka mungkin 11 buah negara anggota lain juga melakukan kesilapan. Sudah tentu mereka termasuk kuasa-kuasa besar sudah meneliti kebaikan TPPA ini. Sudah tentu negara seperti USA, Australia, malah negara kaya dengan hasil minyak seperti Brunei juga sudah bersedia dan sanggup menjadi ahli TPPA ini. Alasannya sudah tentu banyak kebaikan yang bakal dinikmati oleh negara dan rakyat. Janganlah kita mempersoalkan mengapa negara China tidak menyertainya. Memandangkan China negara kuasa besar dunia hari ini, mereka sudah tentu mempunyai alasan tersendiri. Akan tetapi yakinlah rakan-rakan di Dewan yang mulia ini, ada kelebihan sebenarnya Malaysia menyertai TPPA ini di peringkat awal, di saat perincian dan butir-butir masih boleh dibawa berunding.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebenarnya kelebihan kita menyertai TPPA ini di peringkat awal, ramai yang mempersoalkan tindakan ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, banyak kelebihannya. Antaranya, kita mampu melindungi isu domestik sensitiviti yang sudah dimeterai dalam Perlembagaan kita sejak merdeka lagi. Contohnya isu yang dianggap sensitif seperti isu bumiputera, perlindungan ubat-ubatan dan perlindungan kepada peniaga kecil dapat kita lindungi sebab ia masih di peringkat perbincangan. Namun, jika kita menjadi ahli di peringkat akhir ataupun semuanya sudah dimuktamadkan, amat sukar untuk kita melindungi isu-isu domestik ini, malah mungkin cadangan kita akan ditolak mentah-mentah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan lain yang turut sama-sama berbahas isu besar ini. Dengan ini, saya mohon menyokong hasrat kerajaan menandatangani perjanjian ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Yang Berhormat Puan Hajah Maryani. Silakan Yang Berhormat.

4.46 ptg.

Puan Hajah Maryani binti Mohammad Yit: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas usul khas bagi meluluskan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Mustapa Mohamed dan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar kerana telah memberikan perincian yang jelas mengenai terma dan syarat perjanjian ini. Saya termasuk hari ini sudah mendengar empat kali penjelasan mereka.

Umum mengetahui dengan dimeterai TPPA ini, pertumbuhan dagangan dan industri di pelbagai sektor ekonomi negara akan meningkat. Dengan layanan lebih 4,000 tarif produk yang bakal dinikmati oleh semua negara anggota, kita mengharapkan agar perolehan bekalan, perkhidmatan, jualan barangan dan produk pembuatan lebih kompetitif dan menarik.

Dalam perhatian saya, Malaysia dijangka tidak mempunyai masalah yang rumit untuk menjalinkan hubungan dengan sepuluh buah negara seperti USA, Australia, New Zealand, Peru, Mexico, Kanada, Jepun dan Brunei. Akan tetapi saya sedikit bimbang hubungan dagang kita dengan Singapura dan Vietnam bagi beberapa sektor ekonomi negara dan prinsip TPPA yang diguna pakai kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan utama bab dua, layanan sama rata dan akses pasaran bagi barangan di kalangan negara TPPA, saya ingin mendapatkan perincian risiko di bawah peruntukan sekatan eksport jaminan bekalan makanan. Perintah larangan eksport produk perikanan dan pertanian yang memerlukan kita perlu membuat justifikasi kepada sekretariat TPPA akan memberi impak kenaikan harga di pasaran tempatan, terutama Johor Bahru. Contoh, LKIM dan Jabatan Perikanan menggunakan larangan eksport ikan ke Singapura semasa musim kekurangan stok ikan tempatan, sedangkan pengeksport tempatan lebih cenderung mengeksport ikan ke Singapura kerana keuntungan kadar tukaran asing yang tinggi. Impak ke atas pasaran tempatan harga ikan kembung contohnya di Johor Bahru, menjadi RM19 sekilogram dan ini akan membebankan rakyat. Apakah akan mendedahkan negara kita kepada proses ISDS oleh negara Singapura?

Kita mohon penjelasan, apakah bentuk tindakan dan persediaan perundangan dan *exclusivity* oleh kerajaan untuk memastikan klausa sekatan eksport ini tidak memberikan impak kenaikan harga ikan dan sayuran? Diharap sebelum TPPA dimeterai, isu sekatan eksport ikan dan sayuran ini perlu dimuktamadkan dahulu agar impak kenaikan kos tidak membebankan rakyat nanti.

Seterusnya barangan di kilang semula iaitu, dengan izin, *remanufactured goods*. Perkara ini telah pun berlaku. Diskriminasi negara Singapura menjenamakan semula seperti buah rambutan dan dieksport semula ke Eropah dan Amerika Syarikat sebagai *Singapore lychee*

■1650

Kegiatan pembungkusan semula produk asal Malaysia oleh Singapore dan mungkin juga Vietnam selepas ini mungkin akan menjejaskan sektor pembuatan Malaysia. Disini apakah TPPA dapat menyekat atau mengurangkan aktiviti seperti demikian? Seterusnya, sekatan import dan eksport. Umpama kes sarang burung, *bird's nest*, produk berasaskan daging ke Australia, industri tekstil, ancaman kepada industri batik tempatan dan songket. Oleh sebab pada masa ini lambakan batik digital dari China dan India serta songket dari India dan mungkin mengimbangi dengan TPPA ini, bekalan tekstil untuk batik dan songket dari Vietnam akan menjejaskan pengusaha kecil tempatan. Apakah jaminan kepada mereka dibawah TPPA?

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang ingin saya utarakan proses liberalisasi pasaran buruh di kalangan negara TPPA dari tiga perkara. Pertama, isu merit akreditasi pegawai dagang profesional perlu mendapatkan pengiktirafan oleh MQA atau badan profesional seperti Lembaga Jurutera, *Bar Council* atau pun jabatan standard- JPA. Pemberian merit ini penting untuk memastikan graduan dan modal insan kita menikmati peluang pekerjaan di industri pelabur asing di Malaysia. Terdapat kes terutama dalam syarikat Singapura, lantikan pengurus diberikan kepada individu yang bukan profesional dan pengiktirafan penyerapan kerja yang tidak ada sijil akreditasi negara asal mereka.

Kedua, perundangan undang-undang percukaian individu. Semua pekerja atau buruh negara TPPA atau negara sumber lain dikenakan cukai pendapatan individu dan siling pendapatan yang akan dikenakan cukai diturunkan kepada mungkin RM1,000 sebulan. Memantau trend ekspatriat Singapura di mana terdapat kes bekerja di Johor tetapi penggajian menggunakan akaun syarikat asal di Singapura. Ini boleh menyebabkan kerugian daripada segi cukai kerajaan dan ketirisan.

Ketiga, penyertaan dalam persatuan sekerja. Hak dan larangan memegang jawatan tertinggi kesatuan sekerja. Kerajaan hendaklah mewajibkan kursus induksi bagi memahami semua perundangan buruh di Malaysia. Penyertaan dalam kesatuan sekerja dihadkan kepada pekerja negara anggota sahaja. Hak penyertaan ini perlu dihadkan penyertaan negara-negara TPPA akan datang perlu mendapatkan kelulusan Menteri Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, isi yang ketiga, yang ingin saya sentuh melalui penguatkuasaan yang lebih tegas dan ketat dalam isu alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan demi menjaga kelestarian alam sekitar, ketenteraman awam dan keselamatan awam. Pertama, pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan pewartaan peraturan baru selepas TPPA di bawah akta-akta ini akan meningkatkan kos operasi pelabur menyebabkan kerajaan boleh disaman melalui mekanisme ISDS dan kerajaan akan menanggung kos baru iaitu urusan untuk tindakan ISDS nanti.

Masalah bagi pemuktamadan penguatkuasaan. Alasan ini juga boleh digunakan oleh pelabur untuk mengelak melabur bagi memastikan kelestarian alam sekitar dilaksanakan. Perubahan atau pindahan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam atau Parit, Jalan dan Bangunan 1974 akan melibatkan kos pada kerajaan dan kebiasaannya pelabur amat kurang minat untuk menanggung kos ini. Kerajaan perlu melihat implikasi perundangan ini dengan terperinci agar kos dan tanggungan kerajaan diminimalkan.

Soalan akhir saya ialah, adakah kelebihan dan hak, keistimewaan kumpulan negara TPPA yang menandatangani pada bulan Februari ini? Apabila ada kumpulan lain juga yang akan menandatangani dibawah TPPA di masa yang akan datang, mungkin tahun hadapan beberapa buah negara lain akan menandatangani masuk ke TPPA, apakah kelebihan kita? Apa hak dan keistimewaan hubungan kita, kumpulan 12 yang pertama ini dengan kumpulan yang akan datang? Itu soalan saya. Saya juga mohon menyokong, meluluskan usul bagi meluluskan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin. Silakan Yang Berhormat.

4.55ptg.

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk membahas usul khas TPPA. Saya tidak bercadang untuk berucap panjang kerana sudah ramai yang dalam Dewan yang mulia ini telah menyampaikan pelbagai pandangan. Maka, saya ingin memendekkan cerita saya. Saya melihat TPPA ini adalah satu *agreement* yang baik dan patut kita menyokong kepada TPPA ini. Saya berpendapat TPPA dan saya melihat TPPA ini dari sudut *economy angle*. Ia satu perjanjian ekonomi untuk kebaikan negara kita.

Untuk sesebuah negara berjaya, *the economy* hendaklah kukuh. Maka, kalau ekonomi tidak kukuh, negara itu tidak akan berjaya. Kita boleh ketepikan politik sementara dan kita tumpukan pada ekonomi.

Saya harap TPPA ini, dengan sudah lama Dato' Pa buat kerja, sudah lima tahun dan saya rasa *pro and cons* pun telah ditimbang oleh Dato' Pa dan pegawai-pegawai di sana. Saya menghadiri dua buah bengkel yang mana banyak soalan yang telah timbul dan banyak soalan yang telah dijawab dengan baik oleh pegawai-pegawainya dan dengan Dato' Pa sendirinya. Dato' Pa boleh dikatakan *the "Captain of TPPA"*. Sebutlah, tanyalah apa soalan, Dato' Pa boleh jawab macam ini sahaja.

Itu maknanya, Dato' Pa sudah buat kerja lama. *He knows what his business and* saya ucapkan tahniah kepada Dato' Pa. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dengan rakyat 32 juta ini tidak ramai. 32 juta ini kalau nak jual barangan, *local product, there's no purchasing power, domestically*. Maka, terpaksa kita mencari pasaran luar dari Malaysia. Maka, tepatlah masanya untuk Malaysia menyertai 12 buah lagi negara luar untuk menjual barangan kita. Kalau kita pandai mengeluarkan produk, tidak ada *intake*, tidak ada *demand*, pendek kata, mati kita.

Maka, TPPA ini satu pasaran yang *its on the table*, dengan izinnya. Pasaran 12 buah negara tunggu pengeluaran kita, *they are waiting for our product*. Maka, produk kita akan keluar kepada 12 buah negara ini dan dengan itu pada tahun 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara membangun atau satu- *it's a develop second country*. Jadi, saya tidak nak cakap panjang. Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tok Pa dengan rakan-rakannya dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan kementerian lain. *I think it's a good job done and appreciation must be given*. Saya ingat semua dalam Dewan ini patut memberikan kerjasama dan sokonglah TPPA. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang terakhir, dipersilakan Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Dia tidak ada dalam Dewan? Baiklah, dengan perbahasan Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin itu tadi, maka setakat itulah sesi perbahasan kita untuk hari ini berkenaan dengan TPPA. Jadi, sekarang giliran Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid Omar.

■1700

5.00 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam satu Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya merakam penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu Perjanjian Perkongsian Rantau Pasifik atau TPPA.

Saya akan menjawab isu-isu yang berkaitan dengan perolehan dan syarikat-syarikat milik kerajaan ataupun SOE dalam konteks dasar pemeraksanaan bumiputera selaras dengan tugas saya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab antara lain atas Unit Perancangan Ekonomi, Unit Kerjasama Swasta dan TERAJU serta berkongsi pengalaman saya berkenaan mekanisme pertikaian pelabur dengan kerajaan ataupun ISDS dan juga dalam proses rundingan perjanjian TPPA ini.

Izinkan saya membahagikan isu-isu ini kepada tiga bahagian iaitu pertama sekali, perolehan kerajaan, dan SOE; keduanya, isu penjajahan dan kos dan manfaat; dan ketiga, isu berkaitan ISDS.

Pertama sekali isu berkaitan perolehan kerajaan dan SOE. Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan kebimbangan terhadap impak pembukaan pasaran negara terhadap syarikat-syarikat dari negara-negara TPPA kepada peniaga bumiputera.

Untuk makluman perkara-perkara berkaitan dengan perolehan kerajaan terkandung dalam bab 15 perjanjian. Agensi yang ditawarkan melibatkan hanya kerajaan Persekutuan iaitu semua kementerian dan beberapa buah agensi di bawahnya serta empat buah badan berkanun di bawah MITI iaitu MIDA, MATRADE, SME Corporation, dan *Malaysian Productivity Council* ataupun MPC. Ia tidak melibatkan perolehan kerajaan-kerajaan negeri dan juga tidak melibatkan pihak berkuasa tempatan. Tidak semua perolehan kerajaan dibuka kepada syarikat TPPA. Hanya perolehan yang melebihi had nilai yang ditetapkan sahaja perlu dibuka.

Ada tiga kategori perolehan yang terlibat. Pertama sekali bekalan ataupun *supplies*. Had nilai permulaan ialah 1.5 juta SDR iaitu *Special Drawing Rights*, dengan izin, ataupun bersamaan dengan RM 7.5 juta ia akan berkurang kepada 130 ribu SDR ataupun RM 650 ribu dalam tempoh tujuh tahun. Di sini kita menggunakan kadar tukaran satu SDR bersamaan dengan RM 5.

Kategori kedua, perkhidmatan ataupun *services* di mana had nilai permulaan sebanyak dua juta SDR ataupun RM 10 juta dan akan berkurang kepada 130 ribu SDR dalam jangka masa sembilan tahun.

Ketiga, kerja ataupun *works* ataupun pembinaan, kontrak-kontrak pembinaan. Di mana had nilai permulaan yang terbuka kepada syarikat-syarikat TPPA 63 juta SDR ataupun bersamaan dengan RM 315 juta dan ia akan berkurang kepada 14 juta SDR ataupun RM 70 juta dalam tempoh 20 tahun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, had nilai perolehan yang ditawarkan adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan had nilai yang ditawarkan oleh negara-negara lain. Sebagai contoh, had perolehan negara Australia, Brunei, Chile, Canada, New Zealand, Peru, Singapura dan juga Amerika Syarikat ditetapkan pada paras lima juta SDR secara serta-merta. Ini hampir tiga kali ganda had perolehan 14 juta SDR, ataupun RM70 juta yang kita akan terpakai untuk Malaysia 20 tahun dari sekarang.

Ini bermakna kerajaan telah pun merunding terma yang terbaik mungkin untuk melindungi kepentingan syarikat dalam negara termasuklah syarikat-syarikat bumiputera. Selain daripada itu, 30 peratus daripada nilai perolehan tahunan yang tertakluk di bawah TPPA ini boleh diperuntukkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Peruntukan *carve out* ini akan memastikan peluang dan kadar penyertaan bumiputera dalam pembangunan ekonomi negara tidak terjejas.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya adakah pengiktirafan polisi bumiputera ini kekal selama-lamanya. Untuk makluman di bawah bab perolehan kerajaan secara prinsipnya Malaysia masih boleh meneruskan dasar bumiputera dalam perolehan kerajaan setelah TPPA berkuat kuasa. *Policy space*, dengan izin, yang diberikan pada Malaysia ini adalah kekal dan tidak terikat kepada sebarang tempoh perolehan. Malaysia memelihara hak pemberian taraf bumiputera kepada syarikat yang lain berdasarkan definisi "bumiputera", yang digunakan pakai dalam perolehan kerajaan. Di samping itu, Malaysia masih boleh memperuntukkan hingga 30 peratus perolehan kerja tahunan untuk kontraktor bumiputera bagi perolehan kerja yang melebihi *threshold* yang ditetapkan tadi.

Malaysia juga masih boleh terus memberi keutamaan harga kepada pembekal dan pembuat bumiputera...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya, tempoh peralihan itu untuk bumiputera adakah bermakna 20 tahun ataupun sampai bila-bila. Kedua, tadi ada sebut dalam tempoh 20 tahun kontraktor bumiputera boleh turun kepada 70 juta. Apa makna- maksud itu kontraktor dari luar negara daripada US misalnya boleh masuk tender di Malaysia, bukannya terhad kepada orang Malaysia sahaja.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih, mungkin saya boleh bagi penerangan sekali lagi. Dia ada tiga kategori pembekalan, *supplies* dan perkhidmatan dan juga kontrak pembinaan ataupun *works*. So, saya bagi contoh yang kontrak pembinaan. Kita ada *threshold* dia di mana semua kontrak-kontrak pembinaan yang melebihi 63 juta SDR ini akan terbuka kepada persaingan daripada syarikat-syarikat daripada negara TPP dan *threshold* ini akan dikurangkan secara berperingkat selama tempoh 20 tahun dan bermakna 20 tahun dari sekarang ini *threshold* tersebut akan berkurang kepada 14 juta SDR yang bersamaan RM 70 juta.

Ini bermakna 20 tahun daripada sekarang kontrak-kontrak yang bernilai lebih daripada RM 70 juta bakal ditawarkan juga kepada syarikat-syarikat daripada negara TPP ini. Mereka boleh membidanya tetapi kita masih dibenarkan untuk memperuntukkan 30 peratus daripada kontrak-kontrak yang melebihi RM 70 juta ini kepada syarikat-syarikat bumiputera dan kebolehan kita untuk *carve-out* ini akan kekal selama-lamanya. So, dia tidak ada had dan ini bermakna untuk kontrak-kontrak pembinaan di bawah 70 peratus kita boleh mengadakan apa juga cara sekiranya kita merasakan bahawa kontrak-kontrak ini hendak dihadkan kepada syarikat-syarikat tempatan dan juga bumiputera dan kita boleh berbuat demikian. Jadi itu tidak ada had. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon mencelah sedikit. Berkait dengan hak bumiputera dalam kontrak pembinaan ini saya mohon pengesahan adakah sebelum ini memang maksima 30 peratus ataupun apa yang saya dengar sebelum ini ia minimum 30 peratus dan sebenarnya boleh lebih tinggi lagi. Adakah 30 peratus ini sebelum ini memang sudah macam ini ?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih, sebenarnya dalam TPPA ini memang tidak ada *provision* sebelum ini, so ini pertama kita membuatkan terma 30 peratus ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *policy space* berkaitan bumiputera ini dinyatakan secara jelas dalam seksyen 'G', *General Notes* di Jadual akses pasaran perolehan kerajaan, bagi Malaysia dan ini jelas menunjukkan bahawa 11 buah negara lain mengiktiraf kepentingan penglibatan bumiputera dalam perolehan kerajaan.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *State-Owned Enterprises*, dengan izin, SOE, bab syarikat milik kerajaan dan monopoli yang ditetapkan adalah salah satu bab yang sensitif bagi Malaysia. Bab ini bertujuan untuk memastikan syarikat swasta dan syarikat milik kerajaan, SOE dapat bersaing secara adil dalam pasaran. Secara keseluruhan, obligasi-obligasi dalam bab ini akan memberi impak kepada operasi SOE di Malaysia. Bagi menangani impak ini, kerajaan telah merunding beberapa pengecualian khusus dan umum bagi memastikan peranan yang dimainkan oleh SOE dalam pembangunan negara tidak terjejas.

Antara pengecualian yang telah dirundingkan ialah SOE boleh memberi keutamaan kepada syarikat bumiputera, syarikat-syarikat dari Sabah dan Sarawak dan syarikat-syarikat kecil dan sederhana ataupun SME dalam pembelian barangan dan perkhidmatan dalam Malaysia tertakluk kepada syarat kumulatif 40 peratus daripada jumlah bajet tahunan bagi pembelian barangan dan perkhidmatan.

Had kumulatif ini tidak terpakai kepada institusi seperti MARA, Ekuinas dan TERAJU di mana mereka dibenarkan untuk memberi keutamaan sehingga 100 peratus kepada masyarakat bumiputera dalam pembelian barangan dan perkhidmatan dalam Malaysia. Bantuan bukan komersial juga boleh diberikan kepada syarikat bumiputera bagi operasi dalam negara selaras dengan pelaksanaan Dasar Bumiputera.

Bagi memastikan obligasi ini hanya terpakai kepada syarikat yang *significant* kepada pelaburan dan perdagangan, SOE yang mempunyai pendapatan komersial tahunan kurang daripada SDR200 juta ataupun RM1 bilion diberikan pengecualian dari obligasi utama. Bagi Malaysia *threshold*, dengan izin, yang dipersetujui adalah lebih tinggi iaitu SDR500 juta ataupun RM2.5 bilion untuk lima tahun pertama daripada tarikh penguatkuasaan TPP.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, dana pencen bebas ataupun *Independent Pension Fund* dan syarikat miliknya juga dikecualikan dari semua obligasi utama. Dengan ini, institusi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan syarikat-syarikat miliknya dikecualikan.

Begitu juga dengan Khazanah Nasional Berhad sebagai dana kekayaan negara atau pun *Sovereign Wealth Fund*, dengan izin, juga dikecualikan dari obligasi utama bab ini. Kesemua syarikat yang dimiliki oleh kerajaan negeri juga dikecualikan daripada kebanyakan obligasi. Bab ini juga memberi fleksibiliti kepada negara kita untuk tidak memenuhi obligasi utama semasa krisis ekonomi negara dan global. Daripada segi bantuan bukan komersial obligasi ini tidak terpakai kepada SOE yang menyediakan perkhidmatan dalam negara ataupun *domestic services*, dengan izin.

Dengan pengecualian khusus dan umum yang telah dirundingkan ia akan dapat memastikan SOE di Malaysia akan terus dapat melaksanakan program-program yang diamanatkan oleh kerajaan seperti Program Pembangunan Vendor dan Program Pembangunan SME.

Walaupun Malaysia mengambil pendekatan yang berjaga-jaga dalam merundingkan bab ini, kerajaan sedar bahawa obligasi-obligasi yang terkandung dalam bab ini adalah penting bagi melindungi syarikat-syarikat Malaysia seperti Petronas, SimeDarby dan UEM yang melabur di luar negara dan selaras dengan pendekatan program transformasi GLC. Obligasi-obligasi ini dapat melonjakkan lagi pertumbuhan syarikat-syarikat milik kerajaan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua adalah tentang isu penjajahan dan juga kos dan manfaat. Perjanjian TPPA ini melibatkan 12 buah negara iaitu lima dari benua Amerika iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, Peru dan Chile. Empat dari negara-negara ASEAN iaitu Malaysia, Singapura, Brunei dan Vietnam. Tiga dari kawasan Pasifik iaitu Jepun, Australia dan New Zealand. Tiada negara yang dipaksa untuk menyertai TPP. Semua negara termasuk Malaysia menyertai TPP kerana yakin dengan manfaat bersama ataupun *mutual benefits*, dengan izin, yang bakal dinikmati.

Kita sedar bahawa Malaysia sebuah negara yang kecil dengan penduduk hanya seramai 31 juta orang dan saiz Keluaran Dalam Negeri Kasar ataupun KDNK ataupun GDP sekitar hanya USD300 bilion. Oleh sebab itulah kita menjuarai penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN bermula pada 31 Disember 2015 yang memberikan kita capaian kepada pasaran dengan 620 juta orang penduduk dan saiz KDNK USD2.5 trilion. Dengan menyertai TPP ini Malaysia akan mempunyai capaian kepada pasaran yang lebih luas lagi merangkumi penduduk berjumlah 800 juta dan KDNK sebesar USD27.5 trilion iaitu 40 peratus daripada saiz ekonomi dunia.

Dalam menyertai mana-mana blok ataupun kelompok perjanjian perdagangan, memang ada kos dan manfaatnya. Bagi mengenal pasti kos dan manfaat ini kerajaan telah membuat analisa dalaman dan selain daripada itu kerajaan juga telah meminta Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) untuk melaksanakan analisis kepentingan nasional dan PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk melaksanakan kajian kos dan manfaat.

ISIS telah merumuskan bahawa penyertaan Malaysia dalam TPP adalah demi kepentingan negara. Manakala PwC membuat kesimpulan TPPA bakal memberikan manfaat bersih kepada ekonomi Malaysia. Manfaat ekonomi ini termasuk potensi peningkatan ekonomi atau KDNK antara USD107 bilion hingga USD211 bilion dalam jangka masa 10 tahun pertama pelaksanaan TPP ini ataupun peningkatan 0.6 peratus hingga 1.15 peratus pada tahun 2027.

Pada masa yang sama Bank Dunia telah menyebut dalam laporan mereka yang bertajuk *Global Economic Prospects January 2016*, dengan izin, halaman 219 hingga 233, tentang potensi implikasi ekonomi mikro TPP. Antara lain Bank Dunia telah menyatakan bahawa Vietnam dan Malaysia adalah antara negara-negara TPP yang bakal menikmati manfaat terbanyak dengan peningkatan KDNK masing-masing sebanyak 10 peratus dan 8 peratus menjelang tahun 2030.

Peningkatan ekonomi yang berterusan akan membolehkan rakyat mendapat peluang perniagaan dan pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah rakyat Malaysia. Oleh yang demikian berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan adalah jelas bahawa penyertaan Malaysia dalam TPP lebih mendatangkan manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga menyentuh sedikit tentang kebimbangan isu mekanisme pertikaian pelabur asing dengan kerajaan ataupun ISDS. Sekiranya berlaku pertikaian antara pelabur asing dengan kerajaan, pihak-pihak yang bertikai hendaklah terlebih dahulu menyelesaikan pertikaian melalui proses konsultasi dan rundingan bagi mencapai penyelesaian secara damai ataupun *amicable settlement*, dengan izin. Sekiranya penyelesaian secara damai ini tidak dapat dicapai oleh pihak-pihak yang bertikai dalam masa enam bulan, pihak yang menuntut ataupun *claimant* boleh memberikan notis untuk memulakan proses timbang tara kepada kerajaan yang disebut responden.

Peraturan timbang tara ini boleh dipilih berdasarkan artikel 9.18 perenggan 4 bermakna boleh menggunakan *ICSID Convention* dan *ICSID Rules of Procedure for Arbitration Proceedings*, *ICSID Additional Procedure Rules*, *UNCITRAL Arbitration Rules*, dan apa-apa juga institusi timbang tara atau peraturan timbang tara. Had masa atau pun *time limitation* untuk membawa sebarang tuntutan adalah tidak lebih daripada tiga tahun enam bulan daripada tarikh pihak penuntut memperoleh pengetahuan tentang pelanggaran obligasi.

Komposisi tribunal timbang tara adalah terdiri daripada tiga orang. Setiap pihak yang bertikai masing-masing akan memilih seorang penimbang tara dan kedua-dua pihak bertikai akan memilih penimbang tara ketiga yang merupakan pengerusi tribunal tersebut. Jadi ini bukanlah bermakna pelabur itu memilih ketiga-tiga ahli panel timbang tara tersebut. Pihak responden boleh juga membuat bantahan awal untuk mengelakkan tuntutan yang tidak berasas ataupun *frivolous claim*, dengan izin.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu ISDS ini bukanlah perkara yang baru. Ia telah lama terpakai dan tujuannya ialah bukan sahaja untuk melindungi pelabur-pelabur luar yang datang ke Malaysia tetapi ia juga akan memberikan perlindungan kepada pelabur-pelabur Malaysia yang ke luar negara. Dato' Sri Mustapa Mohamed dalam pembentangan beliau pagi tadi telah menyebut bahawa pelaburan syarikat-syarikat Malaysia ke luar negara sekarang ini melebihi RM600 bilion manakala pelaburan syarikat-syarikat luar ke dalam negara kita berjumlah kira-kira RM500 bilion. Ini bermakna Malaysia memang telah banyak melebarkan operasi syarikat-syarikatnya ke luar negara. Ini bukan perkara baru tetapi sesuatu yang telah digalakkan kepada syarikat-syarikat sama ada syarikat yang berkaitan kerajaan ataupun syarikat-syarikat swasta.

Saya sendiri pernah terlibat dalam proses ISDS ini semasa saya menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Telekom Malaysia antara tahun 2004 hingga tahun 2008. Kita mungkin masih ingat pada satu ketika kerajaan telah menggalakkan banyak syarikat Malaysia melabur di benua Afrika. Telekom Malaysia telah membuat beberapa pelaburan di benua tersebut dan antaranya ialah pelaburan dalam syarikat Ghana Telecom di mana Telekom Malaysia telah diberi peluang untuk menguasai ekuiti syarikat Ghana Telecom. Itu semasa Presiden Rawlings berkuasa.

Akan tetapi apabila terdapat pertukaran Presiden di mana Presiden Kufuor telah pun mengambil alih, beliau bersama kerajaan beliau telah mengambil kuasa ataupun *expropriate*, dengan izin, pengurusan dan juga *control* kepada lembaga pengarah syarikat tersebut. Ini telah mendatangkan kerugian kepada Telekom Malaysia. Jadi Telekom Malaysia telah pun memfailkan tribunal antarabangsa dan dengan pemfailan kes tersebut dan setelah kes tersebut berjalan, ia telah membawa Ghana ke meja rundingan.

Jadi setelah kita berunding, saya sendiri telah pergi berunding dengan Presiden Kufuor pertama sekali ketika itu di Jakarta ketika beliau menghadiri mesyuarat Asia – Afrika dan kali kedua saya pergi ke Accra, Ghana untuk menyelesaikan isu tersebut. *Alhamdulillah* dengan proses yang wujud itu, kita telah berjaya menyelesaikan masalah dan Telekom Malaysia telah pun diberikan ganti rugi.

Apa yang saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah ini bukan perkara yang baru, perkara yang telah pun terlaksana dan syarikat Malaysia telah pun menggunakan peruntukan ini untuk melindungi hak mereka apabila beroperasi di negara-negara luar. Perlindungan yang sama juga perlu kita berikan kepada syarikat luar yang membuat pelaburan mereka di sini. Ini merupakan bagi kita suatu peruntukan yang adil.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, izinkan saya berkongsi sedikit pengalaman saya dalam penglibatan perundingan perjanjian TPP ini. Sejak awal lagi Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Malaysia hanya akan menyertai TPP atas terma-terma yang boleh kita terima. Sejak saya dilantik sebagai Menteri lebih dua tahun dahulu, saya telah dijemput oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa untuk membantu beliau melindungi bab-bab tertentu dalam perjanjian TPP ini. Saya antara tiga orang Menteri berkaitan ekonomi yang telah diminta membantu beliau. Yang dua orang lagi ialah Dato' Sri Idris Jala dan Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Memang sukar untuk memuktamadkan perjanjian sebesar ini yang melibatkan negara-negara kuasa besar dan pelbagai usaha telah kita buat untuk memastikan pihak negara-negara lain terutama Amerika Syarikat untuk memahami kedudukan dan keperluan negara kita Malaysia. Ini termasuklah mengadakan pelbagai sesi penerangan kepada wakil perdagangan Amerika Syarikat iaitu Duta Michael Forman dan juga Barbara Weisel yang merupakan ketua perunding Amerika Syarikat tentang isu-isu berkaitan dengan Dasar Bumiputera dan peranan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Jadi banyak kali mesyuarat yang saya dan juga Dato' Sri Mustapa telah adakan dan kita sampai adakan boleh dikatakan *almost tutorial* apa itu polisi bumiputera ini, syarikat berkaitan kerajaan, Telekom Malaysia, apa peranan mereka, Maybank, CIMB, Sime Darby dan sebagainya dalam konteks pelaksanaan program-program bumiputera.

Saya percaya langkah tersebut telah membolehkan mereka memahami dengan lebih mendalam lagi keperluan kita. Jadi sebab itulah kita rasa kita telah dapat terma-terma yang terbaik. Saya sendiri telah melihat bagaimana Dato' Sri Mustapa dan pasukan beliau di Kementerian MITI serta agensi kerajaan yang lain, mereka telah bagi saya melaksanakan usaha yang terbaik untuk mendapatkan terma-terma yang perlu untuk memelihara kepentingan negara termasuklah pengiktirafan Dasar Bumiputera dalam perjanjian TPP ini. Perkara ini saya percaya telah tercapai kerana Malaysia telah menyertai rundingan pada peringkat awal. Ada yang kata kenapa masuk awal-awal, boleh masuk kemudian hari. Saya percaya bahawa sekiranya Malaysia tidak termasuk dalam senarai 12 buah negara awal TPP ini, Malaysia akan terpaksa menerima terma-terma perjanjian yang telah ditetapkan nanti.

Ini satu kemungkinan yang tidak mustahil kerana kita faham bahawa ada tiga buah negara ASEAN iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina yang telah menyatakan hasrat mereka untuk menyertai TPP selepas ini. Untuk itu memang lebih baik kita sertai awal dan *alhamdulillah* Dato' Sri Mustapa dan pasukan beliau di MITI telah merundingkan yang terbaik untuk kita dan saya rasa kita perlu memberikan pengiktirafan kepada beliau dan pasukan yang telah menjaga kepentingan negara sebaik mungkin. Memang kita akui mana-mana juga perjanjian tidak boleh dapat semua yang kita nak. Ada kos dan manfaatnya. Apa yang penting bagi saya adalah *on balance* dengan izin, ini merupakan yang terbaik untuk kita.

Ada juga perkara-perkara yang perlu kita sediakan dalam jangka masa dua tahun sebelum perjanjian ini berkuat kuasa. Masa inilah perlu digunakan untuk mensiapkan syarikat-syarikat kita dan rakyat kita untuk mengatasi persaingan yang lebih sengit yang akan datang dua tahun dari sekarang. Begitu juga bukan sahaja persaingan tetapi juga terdapat banyak peluang yang boleh kita nikmati dan kita perlu pastikan bahawa syarikat-syarikat kita, rakyat kita mengambil manfaat daripada terma perjanjian TPP ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penggulungan daripada saya dan sekiranya ada isu-isu yang berkaitan yang saya tidak sentuh, ia akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Mustapa. Sekian, terima kasih.

5.28 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Dato' Adam jual dokong,
Saya pula jual rambutan,
Sikit tantang, ramai YB sokong,
Apa pun thank you saya ucapkan.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan kepada 22 Ahli Yang Berhormat yang berucap pada pagi dan petang, ucapan yang berkualiti dan saya ucap terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid Omar. Sesungguhnya kita berbangga mendapat Dato' Sri sebagai Ahli Dewan Negara [*Tepuk*]

Bukan sahaja beliau seorang pakar tetapi banyak menyumbang kepada kemajuan negara. Saya sendiri amat rasa bertuah, saya tidak ada pengalaman dalam korporat, saya orang kerajaan daripada dulu sampai sekarang dan beliau membawa satu perspektif baru dalam kerajaan. Dua perkara yang saya hendak *highlight*, hendak ulang apa yang Dato' Sri Wahid menyebut.

■1730

Pertama, bagaimana telitinya beliau untuk memberi penerangan kepada rakan-rakan kita daripada sebelas buah negara lain tentang dasar-dasar kerajaan khususnya bumiputera. Kenapakah beliau dapat berbuat demikian?

Ini kerana beliau seorang pejuang bumiputera. Bukan sahaja Telekom, Maybank dan banyak lagi tempat beliau bertugas. Beliau ialah ketua pegawai eksekutif antara yang termuda. Sekarang pun dia mungkin yang paling muda dalam Dewan [Ketawa] *Alhamdulillah*. Banyak pengalaman dan beliau telah memberi tutorial katanya. Jadi tutor kepada beberapa orang tokoh daripada negara-negara jiran termasuk Amerika Syarikat. Jadi saya bertuah kerana Dato' Sri Wahid membantu saya bersama dengan Dato' Seri Haji Ahmad Husni dan Datuk Seri Idris Jala. Datuk Seri Idris ialah seorang lagi mantan Ahli Dewan Negara.

Kedua, saya minta Dato' Sri Wahid cerita sedikit pengalaman beliau pada tahun 2004 semasa beliau Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia. Seperti yang saya sebut tadi, kita bercakap seolah-olah Amerika dan Jepun masuk ke Malaysia. Kita tidak tahu kita masuk rata-rata. Malah kita masuk lebih banyak daripada negara-negara lain masuk kita. Ini satu perkara yang rakyat Malaysia tidak faham dan tidak tahu sampai hari ini ataupun sengaja tidak ambil tahu. Jadi saya minta Dato' Sri Wahid cerita sedikit pengalaman beliau. Tahun 2004 bagaimana Telekom Malaysia, sebuah syarikat kerajaan melabur di Ghana, Rawlings, Presidennya buat aniaya. Dia rampas harta kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Akan tetapi oleh sebab ada mekanisme ISDS dan ketokohan Dato' Sri Wahid, maka akhirnya dapat diselesaikan. Kalau tidak aniaya kita. Telekom ialah syarikat kita, harta kita. Maknanya kalau kita kalah, maka rugilah harta ini. Maka ini satu kes yang kata a *live example* di mana Dato' Sri Wahid semasa menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia, oleh sebab adanya mekanisme ISDS, dapat menyelamatkan wang negara. Jadi jangan kita ingat Amerika melabur di sini, kita hendak lindung syarikat Amerika ataupun Jepun. Kita mesti ingat bahawa Malaysia berada di Australia. Bagi setiap RM1 Australia ada di Malaysia, kita ada RM6 di Australia. Kita ada UE, sebuah syarikat milik kerajaan di Melbourne. Kita ada SP Setia, syarikat milik PNB banyak. Ini ada *some* PNB mungkin, berada di Australia. Petronas berada di Australia, YTL ada di Australia dan banyak lagi lah saya sebut.

Di New Zealand, saya sebut di Dewan Rakyat. Ada Rimbunan Hijau sebuah syarikat Sarawak. Ada konsesi balak di sana. Kalau syarikat-syarikat ini dianiaya oleh kerajaan tersebut, maka dengan adanya mekanisme ISDS, bukan sahaja mereka dapat buat tuntutan, kita pun ada hak buat tuntutan. Jadi kita, kerajaan bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan Malaysia. Maka itu antara sebabnya kenapa kita rasa bahawa mekanisme ISDS ini adalah penting. Ia bukan benda baru tetapi sudah ada dan terbukti bahawa kita telah dapat menyelamatkan wang negara di Telekom Malaysia. Jadi terima kasih dan saya harap Ahli Yang Berhormat faham perkara ini.

Kita besar pada tahun 2014. Kita pelabur kedua terbesar di London. SP Setia, EPF dan siapa satu lagi itu? SimeDarby. Dia buat *Battersea Power Station. Eight billion Pounds*. Kedua terbesar selepas Amerika Syarikat di England. Di Kanada, kalau jadi pelaburan, cadangan Petronas. Pelaburan terbesar sebanyak *36 billion Dollar Canada*, Petronas di Kanada. Maka kita juga, bukan sahaja kita hendak lindung syarikat asing di sini, kita hendak bagi perlindungan kepada syarikat-syarikat Petronas, Tabung Haji, EPF, SimeDarby, Khazanah. Kita hendak lindung pelaburan. Kerana apa? Kerana Malaysia sudah menjadi dengan izin, *global player*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ucap terima kasih kepada 22 orang semua Ahli Yang Berhormat. Saya hendak ucap tahniah kerana ucapan tidak beremosi. Semua dengan tertib. Cuma Dato' Suhaimi cakap keras sedikit. *Style* dialah. Itu biasalah. Kita sudah faham. Saya ucapkan terima kasih. Walaupun ada yang menentang tetapi kita cakap dengan tertib. Itulah semangat kita. Semangat dalam *Caucus*. *Caucus* ini enam kerajaan, lima orang daripada pembangkang, termasuklah PKR ada, PAS ada, DAP ada dan saya bersama mereka 15 kali berbincang mengenai TPP ini dan semalam saya beri jaminan bahawa kita akan fikirkan proses bagaimana kita hendak lanjutkan perbincangan ini selepas di tandatangan.

Jadi saya hari ini tidak dapat jawab semua tetapi saya catat *Hansard*. *InshaaAllah* Tuan Yang di-Pertua, akan ada. Pegawai saya catat semua dan saya pun catat banyak.

Kalau saya tidak jawab semua, minta maaf tetapi saya bagi jaminan bahawa selepas ini kita akan ada dialog terbuka. Kita jemput semua Ahli Yang Berhormat Dewan Negara, supaya semua mengenai beras kah, mengenai ikan ke Singapura, Yang Berhormat Puan Hajah Mariany sebut tadi umpamanya. Itu tidak ada masalah.

Di bawah TPP dibenarkan sekatan sementara. Maknanya kalau kita kekurangan bekalan ikan kita berhak untuk mengenakan sekatan eksport ke Singapura. Dibolehkan di bawah WTO dan TPP pun boleh. Tidak ada masalah. Jadi ada hal-hal yang terperinci yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kalau saya tidak baca semua, tidak jawab semua, saya minta maaf banyak-banyak.

Jadi kita hendak buat benda baru ini memang sukar. Macam Dato' Suhaimi sebut hendak buat padi dua kali setahun, derhaka kepada tanah. Dulu masa Amerika naik ke bulan, berkumpullah kita kampung-kampung. Kata Yahudi hendak tipu kata. Akhirnya kita terpaksa akur bahawa di dunia ini, Tuhan pun menggalakkan kita meneroka semua alam ini. Maka akhirnya diterima. Tahun 1976, semasa Tabung Haji buat keputusan untuk tukar daripada naik kapal, naik kapal terbang. Ramai jemaah haji tidak mahu naik kapal terbang kerana ada pendapat mungkin tidak sah naik haji. Sekejap sangat sampai. Ramai tidak mahu, mula-mula. Sekarang ini kalau pergi naik haji naik kapal laut, mungkin orang ingat tidak berapa betullah orang itu.

Jadi itulah perubahan-perubahan. Sukar. Macam Dato' Adam sebut. Dulu orang tentang lebu rayu, yang buat lebu rayu UE 70 tahun dahulu. Sekarang ini lebu rayu pertama di Indonesia. Ini kerana Dato' Adam dia *quote* penerangan saya di Johor Bahru. Lebu rayu pertama Indonesia dibuat di UE. UE syarikat kita, syarikat Malaysia, 116 kilometer. Cikampek ke Palimanan namanya. Mula dibuka pada April tahun lepas. Sudah setahun. Syarikat Malaysia, kenapakah? Kerana kita buat lebu rayu di Malaysia ini. UE yang buat. Ramai yang menentang. DAP masa itu ramai yang tidak setuju. Banyak lagilah contoh-contoh. Putrajayah, Jambatan Pulau Pinang kata membazir.

Tidak payahlah kita sentuh. Semua itu sejarah tetapi hendak cerita benda baru ini memang kita akan hadapi kesukaran. Ramai tidak setuju. Hendak tanam padi dua kali setahun kah, hendak pergi Makkah naik kapal terbang. Ada yang tidak setuju. Naik ke bulan. Ramai kata ini tipu helah orang-orang Amerika kepada kita. Itu biasalah tetapi dalam dunia, kita harus ada keberanian dan kita berani. Ini kerana macam Tan Sri Rahim sebut tadi dalam ucapan pembukaan beliau, dia kata kerajaan telah berjaya untuk mendapatkan *carve out*, bumiputera ini penting.

Untuk menjaga kepentingan kita. ISDS ada. Terlalu banyak yang- kalau Dr. Ariffin cakap mengenai Philip Morris itu cerita lama. Pertama, kes-kes seperti kes kesihatan tidak boleh bawa kepada ISDS. Kedua, ISDS lama ini tidak ada *safeguard*. Umpamanya kali ini ISDS baru ini kalau ada pertikaian tentang interpretasi, maka interpretasi dibuat oleh *TPP Commission*. Dulu dibuat oleh *lawyer* dan *arbitrator*. Ini antara *safeguard*.

Jadi dua perkara. Pertama, banyak *safeguard* yang telah kita kenakan. Kedua, syarikat-syarikat kita besar di luar negara. Bukan sahaja hendak selamat, hendak jaga syarikat asing negara kita, kita juga hendak jaga syarikat-syarikat asing. Petronas, Khazanah, SP Setia, UE, YTL, Rimbunan Hijau, SunLink, macam-macam di luar negara ini. Beratus-ratus syarikat Malaysia lebih kurang. Di Vietnam pun banyak syarikat Malaysia. Tiga, empat tahun lepas, Tuan Haji Shukor tahu, saya telah dapat jumpa Tan. Saya pergi ke Perlis. Orang Perlis hendak buat sebuah syarikat, hendak bekalkan tenaga di Vietnam. Di Ho Chi Minh City. Nama syarikat Janakuasa. Bulan tiga saya dijemput oleh tokoh korporat berkenaan untuk syarikat Malaysia, kosnya lebih kurang dekat-dekat USD2 bilion. Orang Malaysia hendak melabur di Vietnam. Maka kalau orang ini melabur di Vietnam, kita kena bagi perlindungan. Kita, negara Malaysia bertanggungjawab pada semua rakyat Malaysia, syarikat Malaysia.

Jadi jangan kita ingat Malaysia ini, "katak hidup di bawah tempurung." Kita sudah maju dan kita ramai rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Banyak syarikat Malaysia malah pelaburan Malaysia di luar negara lebih banyak daripada pelaburan Amerika dan Jepun di sini. Maka kita wajib untuk melindungi syarikat-syarikat kita. Itu sebabnya kita perlukan ISDS. Yang penting ISDS ini bukan ISDS seperti yang Yang Berhormat Dr. Ariffin sebut tadi. ISDS yang sudah *reform*. Bukan Philip Morris, itu cerita lama. Ecuador itu cerita lama. Itu cerita lama yang disebut oleh- macam-macam. 20 hari bulan yang lalu Davos menghadiri *World Economic Forum* bersama Joseph Stiglitz.

Sebuah panel, kami- dia bantai TPP. Saya pertahankan TPP, kerana apa? Kerana dia pun dengar cerita lama juga. Cerita ISDS lama- Philip Morris.

■1740

Jadi cerita ini bawa ke Malaysia oleh sebab dia Nobel Laureate. Siapakah Nobel Laureate? Akan tetapi saya berdebat dengan dia di Davos, hari Rabu. Ini hari Khamis, hari Rabu minggu lepas, satu jam setengah mengenai TPP. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena berani.

Jadi seperti disebut tadi oleh banyak Ahli Yang Berhormat, globalisasi, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar, Yang Berhormat Senator Datin dan lain-lain lagi yang bercakap tentang ini. Maknanya kita sudah berubah, kita tak boleh elak globalisasi ini. Cumanya apa modal ekonomi kita? Yang Berhormat, kawan saya Datuk lama tak jumpa, baru jumpa Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Tengok jauh-jauh, hari ini jumpa balik. Tahniah kita ucapkanlah menjadi Ahli Dewan. Jadi, kita punya betullah. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari pun sebut tentang ini. Kita globalisasi kita Amerika ada, *Western* ada, ada sosialisme ada, jadi itu realitinya.

Jadi betullah siapa yang duit banyak, dia berkuasa. Tahun 1900, negara paling kaya di dunia Argentina, 1900, kerana apakah? Masa itu kekayaan dikira mengikut beberapa kepala lembu ada, berapa ekar gandum dia ada. Maka masa itu, Argentina mempunyai *acreage* gandum paling besar dan lembu, kerbau paling banyak. Maka, terkhabarlah paling kaya masa itu ukurannya, paling kaya. Akan tetapi selepas itu UK jadi kaya, selepas itu Jepun naik, selepas itu Amerika, sekarang China pula. China miskin, dulu China kebuluran. Orang Malaysia hantar duit kepada waris dia di negara China. Sekarang China lagi kaya daripada kita mungkin ya. China sudah ekonomi nombor dua dalam dunia. Dulu miskin, dulu kebuluran, tak ada duit hendak makan. Dalam perdagangan nombor satu, dalam dunia China nombor satu.

Begitulah dunia. Dunia berpusing, berputar. Dulu negara Islam hebat. Dulu masa Khulaffa Ar-Rasyidin dan semua sekalinnya, hebat-hebat. Akan tetapi Uthmaniah semua hebat-hebat. Selepas itu sekarang berbalah di Syria, ada IS. Berbalah di kalangan negara-negara, Houthis di Syria, ada Is, Houthis di Yemen, IS di Syria. Tak payah cerita dah.

Jadi, saya bercerita Bab Perdagangan. Perdagangan ini umpamanya kita berminat. Malaysia merupakan negara yang paling aktif, agresif dalam memperjuangkan perdagangan bebas di kalangan negara-negara Islam. Negara Islam ada OIC. Ada OIC ini, ada juga *trade agenda*. Kita ada satu, hendak buat juga ini, hendak buat kita FTA juga. Sudah bersetuju dah. Beberapa tahun setuju, tak boleh jalan. Jadi malang, begitulah. Kerana negara Islam ini kira masih lagi tak boleh bersatu.

Halal, kita berkelahi. Hendak guna Halal Malaysiakah, Indonesiakah, Singapurakah, Arab Saudikah. Jadi kita belum dapat persetujuan lagilah. Jadi di kalangan negara Islam, kita masih lagi belum- sudah bersetuju hendak buat FTA ini tetapi sekarang ini. Kita memang hendak sangat kerana prioriti kita nombor satu, ASEAN. Negara Islam mustahak bagi kita tetapi oleh sebab banyak sangat perbalahan ini, sibuk-sibuk dengan peperangan saudara macam-macam, maka mungkin tak banyak masa untuk ditumpukan.

Alhamdulillah Malaysia, kita dapat memajukan ekonomi kita. Betul kata Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari tadi, sekarang ekonomi Islam. Dahulu orang memperlekehkan. Ada tokoh-tokoh dalam negara kita, dia kata, "*Macam mana ini Bank Islam hendak campur Maybank itu, ini. Campur macam-macam daging ini, tak boleh*". Sekarang ini semakin daripada segi asetnya lebih 20 peratus dari *banking asset* di negara kita perbankan Islam dan berkembang. Sukuk nombor satu dalam dunia.

Jadi, *inshaa Allah* kalau kita kuat ekonomi, satu hari mungkin kita jadi sistem yang dominan. Akan tetapi realitinya, hari ini kita bukan dominan. Maka, kalau kita tak dominan, bukan makna tak boleh berhubung. Kita pun dibenarkan, digalakkan untuk bersama-sama manusia ini mengadakan hubung baik dengan manusia semua ini. Jadi kita sekarang ini kita hendak berbaik dengan semua. Berbaik dengan China, dengan Jepun, dengan Amerika Syarikat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa tak boleh elak perkara ini. Disebut oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd Ali tadi, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah dan beberapa Ahli Yang

Berhormat Senator. Satu perkara ini tak boleh kita tetapkan kata saya pergi ke Melaka. Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohd. Ali pun ada.

Kata Kelantan kata belum maju lagi. Melaka sudah isytihar negeri maju, tetapi kata Melaka, jangan lari. Aku Kelantan belum siap lagi. Apa kita yang empunya ini, Melaka sudah tarik banyak pelaburan. Orang Cina sudah pergi Melaka. Jadi dia tak boleh tahan Melaka daripada maju. Jadi dunia begitu. Kalau kita ke Kelantan dan Melaka, tak boleh sekat Melaka untuk maju ke depan. Dunia macam itu.

Jadi Malaysia belum lagi, kita kata belum bersedia. Jangan, berhenti Amerika kah, Singapura, jangan laju sangat, saya belum lagi. Itu realiti dunia hari ini, globalisasi. Kita tak boleh elak internetkah, semua pakai internet dan kita ada undang-undang. Akhirnya, jati dirilah. Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor, jati dirilah sebagai bekas Presiden ABIM lebih faham daripada saya, kena bina sahsiah, dakwah apa semua ini, maka kita kena bina jati diri.

Tak boleh internet, hendak sekat macam mana? Akan tetapi di bawah TPP, muka surat 78, buku saya ini, dinyatakan dengan jelas bahawa kita berhak untuk mengenakan sekatan-sekatan lucah kah apa kah, filem lucah apa semuanya. Jadi undang-undang negara masih terpakai. Maknanya TPP, maka semua masuk dengan bebas. Undang-undang negara masih lagi terpelihara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut bahawa saya tak boleh jawab semua. Cuma saya bagi jaminan oleh sebab isu ini besar. Kampung-kampung, Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi sebut, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukur pun sebut Yang Berhormat, maka saya cukup akur dan saya cukup insaf dan sedar bahawa ramai di luar ini oleh sebab dimomok-momokkan, ditakut-takutkan. Ada seorang pensyarah dia keluar buku, gambarnya tajuk TPP, khinzir di depannya untuk menakut-nakutkan. Jadi maknanya ini, ini ialah satu perkara yang tidak beradablah, tidak beradab. Depannya gambar khinzir, tajuknya TPPA. Jadi ditakut-takutkan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita globalisasi ini tak boleh kita elak, maka kita ada model Malaysia. Apakah model Malaysia? Ada bumiputera, ada luar bandar, ada Sabah, Sarawak, ada Kelantan, ada Pulau Pinang. Kita pakat sebagai sebuah negara untuk membina Malaysia yang macam saya kata dalam ucapan saya, kita walaupun kita mengamalkan beberapa aspek kapitalisme tetapi kita berpegang lagi kepada perlunya kita campur tangan dalam ekonomi.

Itu sebabnya kita ada dasar bumiputera, kita tubuhkan *stadium enterprises* ataupun syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan, kita ada dasar untuk membantu bumiputera dan luar bandar, untuk merapatkan hubungan ke Kelantan, Selangor dan semuanya. Jadi itu kita menjadi walaupun kita menerima pakai beberapa konsep kapitalisme, kita tetap mempertahankan dasar-dasar kita.

Ada beberapa kebimbangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah dan lain-lain, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som, banyak lagilah termasuk daripada golongan minoriti kita ini. PKS ini satu perkara yang penting, kerajaan mengakui. Semalam saya sudah memberi pengakuan bahawa kita akan jumpa dengan PKS untuk menceritakan apakah peluang-peluang yang ada dan juga cabaran yang ada dan kita sudah jumpa, saya berjumpa banyak kali mereka dalam sesi penerangan, sudah jumpa tetapi masih ada lagi kebimbangan.

Jadi kita tak boleh hendak bagi *guarantee* mana PKS boleh maju belaka, tak boleh. Ini bukan. Kalau ada laporan meliar berkata demikian, itu tak tepat. Manakah ada kerajaan boleh bagi *guarantee*? Kita bukan Tuhan. Kita manusia tidaklah sempurna, tidaklah maksum. Jadi apa pun, kita hendak supaya PKS ini dapat bertahan dan dapat menembusi. Tadi saya tunjuk barang-barang yang sudah berjaya, ada sudah berjaya, ada yang belum.

Jadi untuk PKS, kita akan berjumpa dan kita akan penerangan dan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi dan lain-lain, kita akan turun ke bawah untuk cerita orang kampung. Sekarang ini kampung, orang kampung sudah ramai tak faham. Itu sebabnya saya turun ke akar umbi. Negeri-negeri ini saya, negeri Perak, Menteri Besar Perak jemput semua. DAP ada, PAS ada, yang tanya soalan ini ialah Pesuruhjaya PAS Negeri, umpamanya di Perak. Saya terbuka, tak ada masalah. Dalam saya punya *Caucus* ada pembangkang.

Jadi di USM Pulau Pinang, masa saya bercakap, Datuk Norizan masa itu Yang Berhormat Datuk Norizan di USM Pulau Pinang, ada sekumpulan 30 orang, sedang demonstrasi. Lebih 30, enam masuk ke dalam tanya dua soalan. Tak ada masalah. Jadi kita bukan hendak sembunyi apa-apa. Negeri-negeri ini, saya berjumpa dengan semua negeri pada 24 April tak silap saya, 2014. Kira-kira dua tahun yang lalulah. Jadi saya panggil semua. Yang tak datang semua Kedah kerana ada acara. Yang paling ramai dari Pulau Pinang yang datang. Exco dia, Ahli Parlimen DAP pun ada. Kelantan tak silap saya, dia punya *part*, peringkat pegawai.

Saya panggil Exco-Exco bertanggung jawab kepada hal-hal ekonomi. Akan tetapi tak silap saya Kelantan, hantar peringkat pegawai. Akan tetapi Selangor ada, semua negeri ada, kecuali Kedah. Di peringkat pegawai, ada dua perkara yang dirundingkan dengan kerajaan negeri.

Pertama, berkaitan *environment*, berkaitan alam sekitar. Pihak peringkat pegawailah, berunding dengan pegawai-pegawai berkenaan untuk memaklumkan negeri tentang beberapa perkara yang telah kita buat keputusan. Satu lagi kumpulan yang berunding dengan negeri ialah kumpulan bertanggungjawab dengan *investment*. Dimaklumkan dua kali mereka jumpa pegawai negeri.

■1750

Apa pun saya akur dengan saranan tadi. *Inshaa Allah* saya akan panggil semua negeri. Kita tidak ada, ini negara, kita sayang negara, angkat sumpah Dewan Negara, saya pun Ahli Dewan Negara juga, saya pun sentimenlah. Saya Ahli Dewan Negara bulan Mac 1991, empat tahun tiga bulan sampai 1995. Jadi saya pun asal sini juga ya. Saya pun sentimen yang rapat di sinilah. Kita angkat sumpah mempertahankan Perlembagaan, pegang Al-Quran apa semua. Kita sayang negara.

Inshaa Allah kita, kerana ini melibatkan negara saya mengambil pendekatan kita hendak telus, tidak ada hendak sembunyi dan *inshaaAllah* kita akan, walaupun sudah diadakan, mungkin tidak cukuplah, tidak cukup perbincangan dengan negeri kerana pada pandangan kami perjanjian ini tidak, kerana kita sudah *come out non conforming measures* ini, tanah ini kita kecualikan.

Maka pada pandangan kami tidak banyak melibatkan negeri. Tadi berkaitan dengan soalan ISDS sama ada negeri, triti ini antara pusat dengan negeri, Kerajaan Pusat dengan negara lain di bawah *country* antarabangsa, Perlembagaan kita yang bertanggungjawab Pusat. Maka kalau ada saman, Kerajaan Pusatlah kena saman. Jadi apa pun mungkin perkara ini perlu dihalusi. Ada juga hal-hal berkaitan negeri dan PBT mungkin akan terkesan. Maka kita bergantung kepada kerjasama yang erat antara pusat dengan negeri untuk menyelesaikan isu-isu yang mungkin berbangkit di masa akan datang.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan tidak silap saya Yang Berhormat Dato' Boon Som tadi mengenai pemantauan jawatankuasa dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat. Pemantauan ini, ini pun kita setuju. Semalam saya ada buat kenyataan bahawa kita akan fikir ada cadangan dalam Dewan Negara, Dewan Rakyat, ada di luar pun ada. Kita akan fikir cara terbaik macam mana kita boleh wujudkan satu pasukan. Ini penting, ini benda besar ini. TPP ini dulu tidak pernah ada demonstrasi, tidak pernah ada Padang Merbok, tidak pernah ada, 13 saya *signed 7*. Kita sudah *signed 13*, saya *signed 7*.

Yang terkini Turki. Turki ini mendatangkan faedah yang besar, peningkatan ketara dalam perdagangan kita dan kita mempunyai hubungan yang rapat dengan Turki, *alhamdulillah* dan ini oleh sebab ia meliputi hal-hal yang membimbangkan rakyat, maka sebagai sebuah kerajaan bertanggungjawab, saya memberi jaminan bahawa kita akan fikir kaedah macam mana untuk sama institut kah, tidak kiralah, pemantauan kah untuk memastikan kebimbangan dan kerisauan itu akan dapat kita tangani.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah macam Yang Berhormat Datuk Abdullah sebut tadi tidak ada apa yang *perfect*. Disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, tidak ada. Akan tetapi sebagai kerajaan, Dato' Sri Abdul Wahid tegas, sudah jelaskan dengan terang, kita tengok mana yang banyak, buruk kah baik. Kalau banyak buruk, kita tidak buatlah, kalau buat juga tidak cerdik lah kan. Tidak cerdik sama dengan, ialah, tidak cerdik, tidak cerdiklah kan. Jadi *inshaa Allah* ya kita amat

memahami. Perkara ini perlu ditangani, ubat dan lain-lain masih lagi walaupun kita sudah berbuih mulut.

Semalam pun dalam Dewan Rakyat Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah cerita dengan panjang lebar bagaimana kita telah berjaya melindungi kepentingan kita tetapi ini masih lagi menjadi isu.

Buruh-buruh ini Datuk Norliza umpamanya tanya adakah kita terpaksa *adopt*, dengan izin, gaji minimum yang sama. Tidak ya, apa jua dalam, di bawah TPP, di bawah Bab Buruh, kita hendak negara-negara ada *minimum wage*, tidak kiralah RM100, bergantung kepada negara. Macam Vietnam ada *minimum wages* juga tapi dia lebih rendah daripada kita, RM1,700 tahun ini, 1 Julai RM 1,000 di Semenanjung umpamanya. Tidak semestinya kita sama dengan Amerika. Jadi ini tidak ada kebimbangan dan mengenai kebanjiran pekerja ini tidak harus kita risau kerana ini tidak ada kaitan TPP. TPP tidak mengubah dasar perburuhan kita. Apa juga dasar yang kita ada, itu lah. Jadi tidak ada kaitan dengan TPP, tidak berbangkit kebanjiran buruh di negara kita.

Jadi saya rasa itulah lebih kurang, Tuan Yang di-Pertua. Yang lain-lain banyak lagi. Minta maaf tidak boleh sebut nama satu-satu. Saya tahu Yang Berhormat buat banyak *research*, baca ataupun *off the cuff* tapi yang jelas pada saya...

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Perbincangan adalah amat berkualiti. Ya sila. Boleh, satu dua boleh.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan saya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mustapa, tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Johari kata kita ini sudah nikah. Jadi majlis ini majlis keraianlah. Apa yang kita cakap ini tidak boleh lagi hendak diubah-ubah kerana semua perjanjian telah dipersetujui. Adakah itu betul ataupun dalam tempoh dua tahun ratifikasi ini, apa yang kita bincang di sini masih lagi kita boleh dimasukkan dalam perbincangan hingga kita *sign* TPPA 2 tahun lagi. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang pertama, Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Yang pertama seperti saya sebut daripada apa yang Yang Berhormat Dato' Jaspal, Yang Berhormat Dato' Boon Som, Yang Berhormat Datuk Norliza, ini kali pertama kita buat ini. Tidak pernah dalam, kita satu-satunya negara. Hendak tandatangan datang ke Dewan Negara, Dewan Rakyat, tidak ada negara lain ya.

Di bawah Bab 3, Perkara 39, Perlembagaan Persekutuan, kuasa jelas, kuasanya berada pada kerajaan untuk tandatangan triti antarabangsa. Maka sebenarnya tidak perlu datang. Kita datang ini kerana apa, kerana saya tahu, Perdana Menteri lagi tahu, Perdana Menteri buat komitmen dia kata di Bali lagi, 8 Oktober 2013, bukan baru ini. Oleh sebab benda ini banyak sangat kontroversi, di Bali 8 Oktober 2013 apabila kita menghadiri mesyuarat Ketua-Ketua Negara APEC, Dato' Sri Mohd. Najib selaku Perdana Menteri kita bahawa kita hendak bawa ke Parlimen.

Jadi kita saja. Yang lain 4 hari bulan ini, dia hendak pergi Auckland semua sudah. Semua sudah *booked* tiket sudah. Saya tidak boleh *booked* tiket lagi sehinggalah Dewan Negara luluskan. Itu maknanya ini satu perkara yang kita sahaja bawa. Kerana apa, kerana triti ini amalan semua negara Komanwel, Singapura kah, mana kah. Ini tandatangan, lepas itu ratifikasi. Ratifikasi umpamanya tadi Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah ada tanya apa undang-undang? Saya sudah sebutkan dalam Dewan Rakyat. Undang-undang ialah Akta Kastam, Akta Zon Bebas, lepas itu ada Akta Tanda Niaga, banyakkah. Sebenarnya 17 undang-undang, 26 pindaan ya. Ada Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Kesatuan Sekerja.

Jadi kita dua tahun ratifikasi. Jadi kalau Dewan Rakyat, Dewan Negara tidak lulus pindaan undang-undang, tidak adalah. Jadi maknanya betul bahawa sudah selesai. Tidak patut datang ke sini, tidak patut. Semua negara tidak payah. Kita saja, kerana ini kuasa eksekutif. Yang di-Pertuan Agong di bawah Bab 3, Perkara 39 telah pun menurunkan kuasa kepada eksekutif iaitu Kabinet dan Kabinet sudah buat keputusan. Patut kita boleh tutup mulut dan boleh tidak payah datang sini. Akan tetapi oleh sebab benda ini penting, maka kita buat keputusan. Jadi di mana-mana di negara di seluruh dunia, amalan-amalan dalam triti antarabangsa di seluruh dunia. Itulah amalan.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Hendak tanya sedikit.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Boleh.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Minta peluang kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak soalan saya dijawab. Soalan itu pendek saja Yang Berhormat Menteri. Boleh atau tidak dalam perjanjian TPPA itu selepas ditandatangani, ia diubah, ia digubal semula atau ia ditambah baik? Itu saja saya minta Yang Berhormat Menteri jawab. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih, dia banyak proses. Yang pertama tandatangan, 4 hari bulan. Kalau Ahli Yang Berhormat setuju, saya boleh pergilah, kalau tidak, tidak boleh pergilah. Lepas itu ratifikasi ini dua tahun lepas ini lebih kurang. Lepas itu dia ada *review*. *Review* ini tiga tahun lepas itu. *Review, review* lah, dua tahun ini, 2021 lah. Lepas itu lepas *review* itu ada setiap lima tahun dia ada pula kajian. Jadi bukan statik lah tetapi bagi kita umpamanya bumiputera dan semua yang saya sebut tadi, 50 peratus sampai bila-bila. Yalah sampai kiamat *inshaa Allah* ya, sampai bila-bila.

Ada benda-benda yang tidak boleh diusik kerana kita kata ini Perlembagaan kita. Hendak kacau kuasa Raja kah, tadi disebut Padang Merbok kah, dengan TPP bolehkah tutup kedai hari Jumaat. Itu tidak ada kaitan TPP. Itu kuasa Raja, kuasa Sultan, tidak ada kaitan. Padang Merbok melaung-melaung, tidak tahu siapa melaung kata dengan TPP maka sekarang ini kedai hari Jumaat ditutup jam 12 sampai pukul 3. TPP tidak boleh. Ini tidak boleh. Tidak betul, tidak betul. *Inshaa Allah* kita tahu semua itu kuasa Raja.

Kita kena ingat bahawa bukan Malaysia saja ini, misalnya Brunei. Mungkin orang kata Brunei mungkin lebih Islam daripada kita, tidak tahulah, lebih dari Kelantan lah kerana dia buat hudud, katanyalah. Jadi Singapura pun ada umat Islam. Tadi ada sebut mengenai halal umpamanya dan kita jangka Malaysialah patut ambil peluang daripada hal ini. Jadi ringkas ceritanya, tiga tahun lepas ratifikasi akan ada *the first review*, lepas itu *every five years*, dengan izin, ya. Akan tetapi ada hal-hal yang tidak boleh ubah. Bagi kita tidak boleh, Perlembagaan tidak boleh ubah. Ya.

■1800

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar banyak kali sudah ini termasuk yang Tok Pa sebut tadi sudah tujuh kali. *Philippines* dengan Indonesia ini hendak minta masuk tetapi sampai saat akhir perbincangan ini kita 'dok' dengar juga yang menyatakan bahawa Indonesia ini dok tunggu lagi. Tidak mahu masuk. Jadi, kenyataan-kenyataan begini yang tidak meyakinkan kita Dato'. Jadi dari mana kenyataan-kenyataan ini datang yang menyatakan bahawa *Philippines*, "*we are waiting to go in*" dengan Indonesia?

Kedua, saya hendak sampaikan salam 22 orang yang bercakap di Dewan hari ini dan depa minta sebagai sejarah besar untuk ikut sekali pergi ke Auckland. Terima kasih [Ketawa]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mungkin itu soalan terakhirlah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Indonesia ini dia sudah buat kenyataan dan mula-mula dia tidak berminat ini yang pertama dia besar di negara 20. Dia negara yang keempat terbesar dalam dunia. Nombor satu, Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, negara terbesar ialah China. Nombor dua, siapakah ya?

Seorang Ahli: India.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: India. Nombor tiga ialah Amerika. Nombor empat ialah Indonesia. Negara Islam yang terbesar di dunia ialah Indonesia. China 1.4 bilion, India 1.2 bilion, Amerika 380 juta, Indonesia 250 juta. Jadi, besar. Kita kecil sahaja, ke-20 kerdilnya kita ini, 30 juta. Itu dia kurang minatlah. Dia punya *trade GDP ratio* cuma 30 peratus sahaja. Jadi, pergantungannya kecil. Kita 150 peratus, 1.5 kali ganda. Dia 30 kecil. *Trade* ini peranannya besar tetapi tidak sebesar kita.

Keduanya, tidak ada Dasar Bumiputera. Dia tidak ada. Kita bumiputera. Jadi, kita masuk awal-awal ini, macam Dato' Sri Abdul Wahid kata, "*Tidak ada gerenti kalau kita masuk kemudian*". Maka saya rasa tidak dapatlah macam *goodbye* lah. Tidak ada. Kalau *goodbye*, kalau 21 buah negara masuk, ini TPP terbuka kepada 21 buah negara APEC, kita APEC, China pun APEC. Jepun semua APEC ini. APEC 21. Kalau 20 masuk atau tak masuk. Maka, tidak ada *chance* lah kita ini. Sekurang-kurangnya dia iktiraf dasar bumiputera. Indonesia masuk.

Saya baca kenyataan daripada Presiden Jokowi, 26 Oktober. Dia kata, “*Kita ekonomi terbesar ...*” Saya baca dalam Bahasa Malaysia sebab saya tidak pandai ‘Orang Putih’. “*Kita merupakan negara terbesar di Asia Tenggara dan Indonesia bercadang untuk masuk TPP 26 Oktober 2015*”.

Selepas itu Presiden Filipina, Benigno Aquino, 14 Oktober 2015, “*Kita mahu sangat-sangat untuk sertai TPPA*”, dia kata.

Selepas itu Timbalan Perdana Menteri Thailand, 27 November- ini kenyataan umum. Bukan saya reka. Dia kata, “*Thailand is highly interested*”. Dia hendak masuk sangat-sangat.

Jadi, ini saya hendak bacalah. Ini saya bukan ‘pelawok’ lah, Yang Berhormat Senator Dato’ Dr. Johari. Saya ‘goyak semeti’. Datuk Abdullah, geng-geng apa semua, Datuk Ng, dia faham bahasa Kelantan, Datin Rahimah semua ini. Jadi Tan Sri Rahim mana? Jadi, Datuk Abbas... [*Ketawa*] Dia masuk Segamat, dia kata.

Jadi, terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Ini saya bukan reka-reka. Kenyataan terbuka. Jadi, kalau orang kata kenapalah Malaysia gila-gila hendak masuk ini, Indonesia tidak mahu, Filipina- itu fitnah. Tidak benar Tuan Yang di-Pertua...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: [*Bangun*]

Dato’ Sri Mustapa Mohamed: Jadi saya ucap terima kasih. Terakhir tadi keluar, dia tidak ada di dalam. Yang Berhormat Senator Puan Shahanim tidak ada.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Sri Mustapa Mohamed: Beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf tadi saya ingat ramai lagi yang akan berucap. Saya sedikit sahaja. Sebagai rakyat Kedah yang berpengalaman berhadapan dengan pekerja-pekerja iaitu terdiri daripada anak Kedah, kesempatan ini saya hendak ambil, saya hendak ucap terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang mana Kulim Hi-Tech Park mempunyai 25,000 orang pekerja yang kebanyakannya daripada anak-anak Kedah.

Pengalaman saya sendiri, saya bekerja di Maybank. Kita di Maybank pakai cantik Tuan Yang di-Pertua tetapi pekerja-pekerja di Silterra, Infineon, First Solar- saya pernah pergi ke Infineon, yang mana *quotenya*, “*Never Stop Thinking*”, dia punya *tagline*. Di mana kita dapati anak Kedah tahun 1990-an sampai tahun 2000, semasa itu saya pegawai bank, gaji saya RM3,000 lebih tetapi *technician, engineer* yang bekerja di kilang Silterra, Infineon, First Solar, Intel ini, gaji mereka RM7,000 ke RM10,000. Jadi, di kesempatan ini saya hendak mengucapkan terima kasih kepada ‘Tok Pa’ dan juga kepada Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

Dato’ Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Saya ini minat dengan Kulim Hi-Tech Park. Yang Berhormat Senator Puan Shahanim minat jugalah. Saya banyak kali pergi Kulim Hi-Tech Park, banyak kali. Setahun kadang-kadang dua kali kerana ini adalah kawasan yang Hi-Tech Park ini paling berjaya dalam Malaysia. Saya pergi ke Kulim Hi-Tech Park, ada satu *quote*, saya pernah keluar satu *statement* dalam akhbar. Diletak besar-besar di situ. Saya punya *statement* menyatakan *Kulim Hi-Tech Park is the most successful hi-tech park in Malaysia*, diletak di situ untuk dipamerkan kepada orang ramai.

Saya berbangga lah kerana ia macam Yang Berhormat Senator Puan Shahanim sebut tadi, ada 25,000 orang pekerja dan di sana ada 25 buah syarikat, lima tempatan, 20 asing dan 20 asing itu hampir semuanya syarikat-syarikat TPP. Amerika, Jepun, Singapura. Jadi, maknanya dengan adanya Kulim Hi-Tech Park, bukan orang Kedah sahaja Yang Berhormat Senator. Orang Kelantan ramai. Seingat saya dalam 25,000 itu, 1,000 orang Kelantan. Orang Kelantan tumpang kemakmuran Kulim Hi-Tech Park.

Di Kelantan saya sebut di Dewan Rakyat, disebut oleh Yang Berhormat Senator Datin kita- ya Allah! Pening kepalalah [*Ketawa*] Anak buah saya. Datin Rahimah, dia sebut ROHM-Wako umpamanya, saya bertanggungjawab untuk bawa mereka tambah pelaburan. Saya jumpa namanya Dato’ Yoshioka ada di Osaka.

Sekarang dia tambah pelaburan, upacara pecah tanah saya dengan Menteri Besar Kelantan, lakukan upacara pecah tanah bulan Jun tahun lepas dan tiga minggu lepas, dia datang kepada saya untuk melaporkan kemajuan.

InshaaAllah, lagi lima atau enam bulan, dia akan mengambil pekerja 500 orang lagi. Jadi, Padang Merbok, ada orang kata bahawa pelabur asing mencuri peluang daripada orang tempatan. Saya tanya, mana orang ada 900 juta hendak melabur. Orang Kelantan ada? Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari ada? Tidak ada ya. Hendak melabur. Mana hendak curi peluang.

Kedua, dia buat LED. Saya tidak pandai buat LED. Yang Berhormat Senator- Datin Rahimah tidak pandai buat. 'Datuk Lah' lagi tidak pandai buat LED [*Ketawa*] Jadi, macam mana kita kata syarikat asing curi peluang orang tempatan. Orang Kelantan mana ada 900 juta hendak melabur. Orang Kelantan mana yang pandai buat LED. Jadi, itulah terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Saya tidak dapat hendak cerita semua tetapi ada juga yang bukan semuanya bagus belaka. Pelabur asing pun kadang-kadang dia rakus mungkin. Dalam dunia ada, tetapi kalau tidak ada pelabur asing, maka 25,000 orang Kulim hendak tanam padi semua.

Sebut fasal Kulim tanam padi ini, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin dan beberapa orang tanya pasal padi ini, jangan bimbang. Beras cap Obama tidak akan digunakan di Malaysia [*Ketawa*] Dia mahal, tidak ada sesiapa yang hendak beli. Sekarang pun sudah ada yang beli beras Amerika ini. Sekarang tidak ada duti. Sekarang ini semua kita beli beras ini tidak ada duti dah. Kosong duti. Vietnam, cumanya beras ini diimport oleh sebuah syarikat sahaja. Itu sahaja.

Jadi kita kawal kenapa syarikat ini dikehendaki untuk menjalankan tanggungjawab sosial. Saya pergi ke kedah tahun 2014, apabila saya jumpa Exco dan juga- kerajaan. Soalan pertama ditanya, macam mana kami orang kedah ini orang kata TPP ini tidak boleh menanam padi. Boleh terus tanam padi. Dasar kita sekarang ini boleh diteruskan. Jangan risau, jangan bimbang ya.

Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada 22 orang Ahli Yang Berhormat termasuk yang mencelah. Saya harap semua boleh sokonglah dan *inshaaAllah*, kita akan turun ke bawah seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat, kita akan turun ke bawah, kita akan ada jawatankuasa, panggil pemantau, panggil apalah, dan saya beri jaminan Ahli-ahli Dewan Negara akan terlibat sama dalam apa jua jawatankuasa yang kita adakan untuk pastikan bahawa TPP ini dapat kita laksanakan terbaik mungkin.

Ada kosnya seperti yang saya sebut, Dato' Sri Wahid menyebut tetapi kita yakin bahawa manfaatnya lebih daripada kos. Mengenai ISDS, ingat cerita Dato' Sri Wahid, 2004 ingat, bagaimana syarikat Malaysia dirampas hartanya di Ghana. Oleh sebab adanya ISDS, kita dapat kembalikan harta hak rakyat Malaysia ke Malaysia. Kalau tidak ada ISDS, maka hilang harta kita di Accra Ghana. Harus diingat perkara tersebut. Terima kasih. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: *Waalikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Mustapa Mohamed.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dibuat oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(3) seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah perkara 1, hendaklah disetujui.

[*Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sampailah masanya Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.10 petang.*]

